

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

### **PENGGAL PERTAMA MESYUARAT PERTAMA**

---

**Bil. 12**

**Khamis**

**3 Jun 2004**

---

### **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004 (Halaman 25)  
Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004 (Halaman 68)  
Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004 (Halaman 104)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Khamis, 3 Jun 2004**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Rakyat mengalu-alukan ketibaan pelawat-pelawat serta adik-adik yang datang memerhati di Dewan ini...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beritahu Yang Berhormat. Tidak apalah.... *[Ketawa]*

1. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Kewangan menyatakan, unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini berdasarkan kepada sindrom "*feel good*" terhadap dasar dan pendekatan Perdana Menteri. Nyatakan sejauh mana pendekatan fiskal yang diambil telah mempengaruhi defisit dalam bajet yang diumumkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara pada tahun 2004, diunjurkan terus berkembang dengan lebih kukuh, ekoran pertumbuhan yang semakin pesat pada kadar 7.6% dalam suku pertama 2004, baru-baru ini telah mencatat kadar 5.3% dalam suku ketiga dan 6.6% dalam suku keempat tahun lepas. Ini merupakan, pencapaian suku tahunan tertinggi sejak suku ketiga tahun 2000.

Oleh itu, ekonomi negara akan berkembang pada kadar yang lebih tinggi iaitu 6% hingga 6.5% pada tahun ini, daripada 5.3% pada tahun 2003 dan 4.1% pada tahun 2002. Prestasi yang semakin menggalakkan ini adalah hasil dasar fiskal negara, di mana pertumbuhan ekonomi dapat terus dikekalkan dan didorong oleh kepesatan

kegiatan ekonomi dalam negara. Ianya juga dimantapkan lagi oleh perkembangan sektor eksport yang turut memberangsangkan.

Di samping mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, penunjuk-penunjuk ekonomi utama terus kukuh. Indeks Pengeluaran Industri atau IPI telah meningkat 14.1% dalam tempoh bulan Januari hingga Mac 2004, berbanding dengan 7.3% dalam tempoh yang sama, tahun 2003. Sementara itu, nilai eksport berkembang 16.7% dalam tempoh bulan Januari hingga April 2004, berbanding dengan 11.9% dalam tempoh yang sama tahun 2003.

Negara telah mencatat lebih dagangan berterusan selama 78 bulan sejak November tahun 1998. Kedudukan defisit kewangan Kerajaan Persekutuan, berkurangan daripada 5.6% pada KDNK dalam tahun 2002, kepada 5.3% dalam tahun 2003. Bagi tahun 2004 pula, defisit ini juga dianggarkan akan berkurangan lagi kepada 4.5% dan seterusnya tahun-tahun yang berikutnya.

Perkembangan ekonomi yang terus menggalakkan ini turut ditunjukkan oleh peningkatan tahap rizab antarabangsa negara, yang kini mencecah RM2.47 bilion atau dalam USD23.9 bilion pada pertengahan bulan Mei tahun 2004. Ini, merupakan satu tahap tertinggi yang pernah dicatatkan berbanding dengan nilai USD26.2 bilion pada akhir tahun krisis kewangan tahun 1998.

Paras inflasi negara juga kekal rendah sebanyak 1.2% pada tahun 2003 dan pada bulan Mac tahun ini, sebanyak 1%. Sementara itu, kadar pengangguran negara adalah rendah iaitu pada kadar 3.5% pada tahun 2003, berikutan peningkatan peluang pekerjaan.

Kerajaan percaya, kedudukan ekonomi negara akan terus berkembang dengan pesat, lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan pelbagai strategi dan program yang telah dirancang dalam Bajet 2004 serta sindrom *feel good* dan pendekatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di antara langkahnya ialah,

- (i) memberi tumpuan kepada menggalakkan sektor swasta tempatan;
- (ii) menggiatkan lagi sektor perkhidmatan bagi menerajui pertumbuhan ekonomi negara, di samping menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif;
- (iii) memperkemaskan sistem penyampaian ataupun *delivery system*; dan

(iv) meningkatkan kemudahan infrastruktur yang baik.

Kerajaan juga berusaha mempergiatkan dan menerokai sumber-sumber pertumbuhan baru, termasuk meningkatkan lagi peranan sektor pertanian moden. Kerajaan yakin yang prestasi ekonomi pada tahun 2005 juga akan terus berkembang dengan kukuh, walaupun negara berhadapan dengan cabaran-cabaran persekitaran luar yang masih tidak menentu. Ini adalah berdasarkan kepada pengalaman kita dalam menggerakkan kegiatan ekonomi negara selama ini melalui pelaksanaan pelbagai langkah kerajaan yang fleksibel dan pragmatik. Terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita akui memang pertumbuhan ekonomi Malaysia akan kembali seperti tahun-tahun sebelum krisis, tahun 1997 dan 1998. Syabas kepada kerajaan yang telah menangani ekonomi dengan begitu baik sekali tetapi jika kita lihat keadaan dunia sekarang, Amerika Syarikat dan Britain bercadang untuk menaikkan *interest rate* untuk menangani *inflation* dan *expectation* daripada Singapura dan Filipina, juga menunjukkan bahawa *inflation* akan meningkat pada tahun ini dan tahun hadapan.

China sekarang mengalami *overheating* dalam ekonominya. Saya rasakan, bahawa semua faktor ini secara langsung tidak akan mempengaruhi perkembangan ekonomi negara dalam jangka masa terdekat ini. Sejauh mana kerajaan menangani faktor-faktor luaran baik di Amerika Syarikat ataupun di Britain, begitu juga di kalangan negara-negara Asia ini, agar kesan jangka masa pendek dan jangka masa panjang taraf ekonomi dapat dibendung. Terima kasih.

**Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini memanglah kita pun tahu, semua orang baca surat khabar bahawa memang ada cadangan daripada banyak negara lain hendak meningkatkan *interest rate*, tetapi setakat ini dalam negara kita belum ada lagi cadangan untuk meningkatkan *interest rate* ini, kerana kalau dinaikkan *interest rate* tentulah kos perniagaan akan meningkat.

Seperti yang saya sebut tadi, bahawa hari ini Malaysia – kerajaan menekankan tentang pelaburan domestik. Kalau kita lihat dari segi trend pelaburan sekarang ini, pelaburan domestik kita pun telah banyak meningkat, maknanya kita tidak lagi banyak bergantung kepada pelaburan FDI ataupun *Foreign Direct Investment*.

Setakat ini kalau kita lihat perangkaan yang ada, Tuan Yang di-Pertua, dahulu masa tahun 2000 dan tahun 2001 FDI dalam lingkungan RM18.8 bilion, tetapi domestik hanya RM6.5 bilion. Selepas September 11, kadar FDI dari luar negara RM11.5 bilion sahaja dan domestik terus stabil, 6.2%.

Pada tahun 2003, FDI meningkat sedikit kepada RM15.6 bilion, tetapi domestik *investment* sekarang ini sudah meningkat RM13.5 bilion, satu peningkatan yang mendadak. Ini adalah angka-angka yang telah diluluskan oleh MIDA. Maknanya, hari ini kita banyak bergantung kepada memberi penekanan tentang pelaburan dalam negara, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari kenyataan Yang Berhormat mengenai kekurangan defisit, yang sudah tentunya makin baik, tetapi saya percaya akan berterusan beberapa tahun lagi. Walaupun kita masih lagi *net creditor* kerana aset kita melebihi hutang, kita juga bergantung banyak kepada seperti yang disebut MNC, pelaburan, FDI dan sebagainya. Saya ingin bertanya sama ada kecenderungan kerajaan mengekalkan monopoli dalam *business* tertentu melalui GLC dan sebagainya, yang hari ini saya percaya mungkin melebihi 30% daripada *market cap* bursa saham.

Apakah lebih baik sekiranya kerajaan kurangkan penglibatannya dalam *business* ini, dan memberikan seperti yang disebut tadi penekanan yang lebih kepada pelaburan domestik dan membantu *entrepreneur* kita sendiri, kerana saya merasakan kadang-kadang kita bersaing sesama sendiri, kerajaan pun buat *business*. Sedangkan dalam satu segi kita mahu pelaburan domestik dan *entrepreneur* Melayu, *entrepreneur* Malaysia lebih berjaya.

Saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat, sama ada boleh difikirkan cara-cara pendekatan yang lebih berbeza dari sekarang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat keseluruhannya pertumbuhan memang satu pertumbuhan yang amat menggalakkan, tetapi kalau kita pergi *sector by sector*, sama ada sektor kerajaan ataupun sektor swasta, kita bandingkan kedua-duanya sekali, nampaknya hari ini kegiatan di pihak swasta lebih ke depan dibandingkan dengan sektor kerajaan. Kalau dilihat memanglah kerajaan, oleh kerana kita hendak kurangkan defisit, maka kita mengurangkan

perbelanjaan pihak kerajaan, yang kita mahu ialah supaya pihak swasta meningkatkan perbelanjaan mereka dan pelaburan mereka. *Trend* ini telah pun dilihat.

Yang saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah angka-angka yang telah *diapprove* untuk sektor pembuatan, tetapi banyak lagi sektor yang tidak *dicapture* ataupun tidak melalui MIDA, mereka pergi terus dalam bidang-bidang lain. Maknanya *reinvestment* pun banyak, Tuan Yang di-Pertua, *reinvestment* pun banyak dan bidang-bidang lain yang tidak melalui MIDA pun makin meningkat.

Maknanya hari ini memang kerajaan mahu supaya pihak swasta yang menggerakkan ekonomi, bukan lagi pihak kerajaan. Kerajaan juga dalam bidang GLC, ada 40 buah syarikat semuanya, pun kita hendak supaya pihak GLC ini meningkatkan kegiatan mereka supaya sama-sama dapat menggerakkan ekonomi kita.

2. **Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah jambatan kedua negeri Pulau Pinang akan dibina dan di manakah kawasan yang dicadangkan untuk pembinaan tersebut.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mula menjalankan kajian kemungkinan Laluan Kedua Pulau Pinang pada September 2000. Objektif kajian ialah untuk mengkaji jajaran yang paling berdaya maju dari segi ekonomi dan teknikal. Sebanyak tiga jajaran telah dikaji, iaitu:

- (i) Jajaran Utara
  - Bagan Jermal – Penang Outer Ring Road (PORR) ke Bagan Ajam
  - 9.0 km
  - Anggaran kos RM2.3 bilion
- (ii) Jajaran Tengah
  - Jelutong Expressway ke Kulim–Butterworth Expressway
  - 7.8 km
  - Anggaran kos RM2.6 bilion
- (iii) Jajaran Selatan
  - Alternatif I
    - Batu Maung ke Bukit Minyak

- 20 km
- Anggaran kos RM2.6 bilion

Alternatif II

- Batu Maung ke Batu Kawan
- 23.6 km
- Anggaran kos RM2.6 bilion

Pada Oktober 2001, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Laluan Kedua Pulau Pinang dibina dari Batu Maung, di Pulau Pinang ke Batu Kawan, di Seberang Perai dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM2.6 bilion. Memandangkan kos pembinaan yang tinggi ini, kerajaan masih belum memutuskan bila laluan kedua tersebut akan dibina.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, '*wanakem*'. Ini saya belajar daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, [*Ketawa*] satu hari satu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa kos begitu tinggi, RM2.6 bilion, memang itu besar kerana kita memerlukan wang untuk pembangunan luar bandar dan sebagainya, tetapi keadaan jambatan yang ada pada masa ini memang begitu sesak. Cukup sesak dan kadang-kadang terpaksa *queue* cukup panjang. Apakah keadaan tidak boleh kita swastakan pembinaan jambatan tersebut dengan tidak langsung melibatkan peruntukan ataupun daripada dana kerajaan, ataupun saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat ingin mencadangkan untuk menambahkan *lane*, laluan ke jambatan yang ada sekarang.

Jadi, adakah pihak kerajaan, pihak kementerian Yang Berhormat boleh mengambil saranan saya ini supaya ia akan dapat dipraktikkan, iaitu menswastakan 100% kepada syarikat yang berwibawa, syarikat yang berkemampuan dan syarikat yang tidak akan mengusik dana kerajaan untuk membina jambatan tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melantik seorang juru perunding iaitu H. Ases Integrated Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja, iaitu persiapan berkenaan dengan cerucuk dan juga mengadakan kerja-kerja dan kajian tanah, dan *hydro graphic survey*. Kerja-

kerja semuanya sudah selesai dan reka bentuk telah dihantar kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk mendapatkan kelulusan bagi tindakan selanjutnya.

Selain daripada itu, kerja-kerja pelaburan yang dicadangkan adalah seperti berikut, untuk makluman Ahli Yang Berhormat :-

- (i) bahagian tebing tengah iaitu *middle-bank bridge*, dengan izin, tambahan satu lorong selebar 3.75 meter dan tambahan bahu jalan, *shoulders*, dengan izin, selebar 1.5 meter;
- (ii) Perai *approach bridge* di mana kita adakan tambahan satu lorong selebar 3.75 meter dan tambahan bahu jalan selebar 1.5 meter dicadangkan; dan
- (iii) tambahan lorong di tol Plaza daripada 10 lorong kepada 16 lorong, oleh kerana kita menghadapi banyak masalah masa petang sahaja lebih kurang 30,000 atau 40,000 kenderaan mahu masuk ke Pulau Pinang dalam satu masa.

Jadi, untuk mengatasi masalah ini, enam lorong baru akan dibina. Selain daripada itu, Kementerian Kerja Raya telah meminta pihak syarikat konsesi juga untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan berikut iaitu:

- (i) pelebaran jalan susur daripada satu lorong kepada dua lorong, daripada jambatan ke Bayan Lepas dan jalan susur menuju ke jambatan dari Pulau Pinang;
- (ii) pelebaran jalan itu menuju ke tol Plaza dari empat lorong kepada enam lorong; dan
- (iii) pelebaran jalan susur daripada persimpangan bertingkat Jalan Perusahaan di Perai menuju ke Jambatan Pulau Pinang, dari satu ke dua lorong di mana kita juga menghadapi banyak masalah lalu lintas daripada kawasan perindustrian di mana banyak kenderaan-kenderaan keluar masuk daripada kawasan itu.

Jadi, cadangan penutupan pusingan U, ada satu pusingan U sekarang di tol Plaza bagi mengelak kesesakan trafik berikutan pengguna dari kawasan perindustrian Perai yang hendak ke utara atau ke Butterworth telah membuat pusingan. Jadi inilah kerja-kerja semua dirancang oleh kementerian saya.



Jadi, harga yang kita dapati RM597 juta Yang Berhormat, sedikit besarlah. Oleh kerana itu kita akan meringankan kerja tetapi kerja atas jambatan mesti dijalankan untuk menjadi enam lorong daripada empat lorong yang sedia ada sekarang.

Saya percaya satu perbincangan di antara syarikat konsesi dengan kerajaan, akan diadakan tidak lama lagi untuk menentukan bilakah kerja ini mesti dimulakan oleh kerana kita tahu masalah di Jambatan Pulau Pinang ini. Saya sendiri mahu juga syarikat itu menyegerakan projek ini di mana kita boleh mengatasi masalah.

Jikalau kita mengatasi masalah ini, tidak payahlah kita bina jambatan yang kedua dengan segera. Itu sahajalah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan atas kenyataan Yang Berhormat tempoh hari bahawa pelan untuk Jambatan Pulau Pinang sudah hilang dalam simpanan, sama ada pelan itu pelan untuk Jambatan Pulau Pinang sedia ada atau pelan yang kedua, iaitu jambatan kedua, itu ada keliru sedikitlah dan bukankah dalam perjanjian konsesi di mana pelebaran jambatan perlu disiapkan pada tahun 2001. Dan sekiranya mengikut rancangan Yang Berhormat tadi, ia memakan masa selama tiga setengah tahun, iaitu lebih kurang pada penghujung tahun 2007, satu tempoh kelambatan sepanjang enam tahun, mengapa kerajaan boleh dengan izin, *tolerate* kelambatan ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pengumuman saya bukanlah kita hilang pelan-pelan. Juru perunding yang telah dilantik pada masa itu. Sekarang sudah 16 tahun maka syarikat juru perunding tidak ada lagi. Bila kita dapat pelan daripada mereka, kira-kira berkenaan dengan apa yang dikatakan dalam Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the actual calculation of the structure that stands there must be setting*, jadi itu kita tidak ada, oleh kerana syarikat itu sudah tutup.

Walau bagaimanapun, kita mahu juga meneruskan dengan kerja oleh kerana kita tidak boleh menjejaskan trafik yang sedia ada atas jambatan. Jadi, kita akan mengadakan tiang dan lain-lain bebas daripada jambatan yang sedia ada, di mana jikalau mahu juga kita menjalankan kerja seperti itu, ini mesti mengambil masa yang lebih dan kita mesti menjaga dengan penuhnya setiap tiang. Apabila kita menjalankan kerja cerucuk, kita tidak mahu cerucuk itu akan menjejaskan keadaan yang sedia ada.

Jadi, Yang Berhormat pun tahulah, Yang Berhormat pun guna jambatan itu, saya sebulan satu kali saya gunalah. Saya tidak mahu apa-apa masalah atas

jambatan, oleh kerana itu kita akan mengambil masa lebih sedikit tetapi kita mahu juga siapkan projek ini dengan baik untuk penduduk-penduduk di Pulau Pinang. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Pelebaran.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Pelebaran tadi saya sudah jawab tadi berkenaan dengan pelebaran jalan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tempoh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tempoh enam tahun mesti..., bukan enam tahunlah, lebih kurang empat tahun, bukan enam tahun.

**3. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah kerajaan untuk memperbaharui dan membetulkan sistem kehakiman di Malaysia demi memulihkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kehakiman kita. Sila nyatakan sebab kerajaan menolak cadangan Majlis Peguam Malaysia atas pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh. Langkah kerajaan untuk memperbaharui dan membetulkan sistem kehakiman di Malaysia ialah dengan berusaha menambah bilangan hakim-hakim, pegawai kehakiman dan anggota sokongan bagi mempercepatkan proses pendengaran kes.

Membina lebih banyak mahkamah bagi menempatkan bilangan hakim-hakim, pegawai kehakiman dan anggota sokongan yang semakin meningkat dan juga memperbaiki kemudahan-kemudahan awam yang disediakan kepada para peguam dan orang awam. Diadakan persefahaman di antara hakim-hakim, pegawai kehakiman, pihak Timbalan Pendakwa Raya serta para peguam supaya kes-kes dapat dibicarakan dalam satu jangka masa yang tertentu.

Pada masa kini hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman telah membuat resolusi untuk cuba menyelesaikan kes-kes pra tahun 2000 selewat-lewatnya di akhir bulan Jun 2004. Ini merupakan satu langkah yang berkesan kerana apabila matlamat tersebut tercapai, maka jumlah kes yang masih lagi belum dibicarakan hanyalah kes-kes yang didaftarkan pada tahun 2000 hingga 2004.

Meneliti dan menyemak undang-undang arahan amalan dan peraturan-peraturan bagi memastikan ianya tidak menghalang perjalanan kes serta kelancaran kes. Dan bagi mempercepatkan proses keadilan, mahkamah sedang berusaha memperkenalkan Sistem Pentadbiran Mahkamah Bersepadu atau *Integrated Court Management System* dengan izin. Ini akan melibatkan perhubungan secara elektronik antara mahkamah di Malaysia yang akan dilaksanakan dalam projek pengkomputeran mahkamah yang dikenali e-kehakiman. Pelaksanaan ini akan dijalankan secara berperingkat bermula dengan 11 mahkamah di Putrajaya dan Kuala Lumpur, diikuti dengan mahkamah-mahkamah dalam Malaysia dalam tempoh tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung sistem pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi, sistem sedia ada yang melibatkan pandangan pelbagai pihak seperti persetujuan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Majlis Raja-Raja adalah memadai pada masa ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah bahawa Dato' Abdul Malek akan dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan, selain daripada itu saya ingin dapat tahu, kenapa Hakim Kanan seperti Gopal Sri Ram, Dato' Abdul Kadir tidak dinaikkan pangkat, walaupun kebolehan kedua-dua hakim ini adalah tertinggi?

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kenaikan pangkat hakim-hakim adalah dibuat berdasarkan keupayaan integriti, pengalaman dan latar belakang seseorang hakim. Di samping itu, kehidupan peribadi di luar mahkamah turut juga diambil kira. Faktor senioriti hakim bukan merupakan kriteria utama yang dijadikan kayu pengukur dalam pelantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim. Terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sudah jawab Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Apa lagi? Duduklah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduklah, sudah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sudah jawab, duduklah.

**Beberapa Ahli:** Duduklah. Soalan sekalilah.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Itu terpulang dengan dia Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Sudah jawablah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Berapa kali mahu jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Kinabatangan.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduklah,

**Puan Teresa Kok Suh Sim: [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, Soalan saya....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih, Eh....Nanti dahulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya, saya punya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Kinabatangan. Duduk dahulu. *mic* sudah tidak ada bunyikah? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, saya tengok soalan ini soalan lama, isu lapuk. Tidak ada yang perlu dibangkitkan. Mungkin cuma mencari publisiti murahanlah. Soalan tambahan. Sejauh manakah kebenarannya bahawa kehakiman di negara kita ini sudah tidak ada keadilannya? Sejauh mana kerajaan campur tangan dan orang ramai yang dimaksudkan orang ramai yang mana? Adakah orang ramai yang selama ini menunjuk perasaan di sana sini menyatakan bahawa kehakiman kita sudah tidak wujud lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Soalan, soalan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Itu soalnya. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** You duduklah dahulu. Apa ini? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timur, sila duduk. Soalan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ini tuduhan-tuduhan pembangkang. Sejauh manakah kebenaran tuduhan-tuduhan pembangkang ini berhubung dengan kehakiman kita sudah tidak adil lagi sedangkan pilihan raya pun mereka ada *petition*? Terima kasih, minta penjelasan.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya jawab tadi Yang Berhormat tidak puas hati dengan jawapan saya. Hanya saya yang tahu apa Yang Berhormat perlu saya sebutkan. Saya sedar dan kerajaan sedar ada hakim-hakim kanan yang tidak dapat naik pangkat. Itu adalah satu amalan yang mana di masa hadapan kalau ada peluang mungkin hakim-hakim kanan akan dapat dipertimbangkan. Untuk jawapan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatang.. [*Dewan riuh dengan ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatanganlah, Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Keyakinan orang ramai terhadap sistem kehakiman kita sudah ada. Hanya daripada pihak pembangkang, parti-parti. Pembangkang..

**Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timur, sila duduk.

**Datuk M. Kayveas:** ....ahli-ahli pembangkang yang tidak ada keyakinan, satu sama lain pun tidak ada keyakinan sampaikan PAS dengan DAP pun sekarang sudah bercerai. Sekarang sudah sampai masa DAP dan ahli-ahli sendiri pun sudah tidak ada keyakinan. Kadang-kadang soalan keluar pun mereka tidak datang ke mahkamah.../*mean* Parlimen. Jadi, keyakinan daripada orang ramai sekarang ini baik dan sudah ada. Kita bersyukurlah ini akan berlanjutan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Menunjukkan satu dokumen*] Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** 24(3). Dengar, dengar. Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan ahli-ahli mengeluarkan tidak lebih daripada tiga pertanyaan tambahan bagi setiap pertanyaan. Jadi, ini adalah soalan asal saya, jadi, saya rasa saya patut menanya Yang Berhormat Menteri soalan tambahan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, itu terpulang kepada saya. Yang Berhormat lambat bangun tadi sebab itu saya bagi Bukit Gelugor dahulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tetapi ini soalan asal saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya ingin merayu, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya tanya soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya bagi peluang lain kali. Saya bagi peluang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bagi saya. Saya seorang wanita. Satu-satunya wanita sahaja yang tanya soalan pagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ramai wanita di sini, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jadi, saya rasa saya patut..

**Seorang Ahli:** Wanita dan lelaki samalah

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin. Sila duduk Seputeh.

2. **Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menggunakan "remote sensing" dan satelit di dalam perancangan pemantauan keselamatan persisiran pantai negeri Sabah yang terdedah kepada kegiatan lanun dan penculikan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, terima kasih di atas soalan ini. Pihak Angkatan Tentera Malaysia telah pun mengetahui dan mengakui bahawa penggunaan teknologi *remote sensing* untuk penyediaan dan pengemaskinian data-data *geosaptical* dalam pendekatan dan yang ada untuk kepentingan negara ini, tetapi untuk makluman Yang Berhormat kemudahan kerajaan ataupun Angkatan Tentera Malaysia untuk menggunakan *remote sensing* yang *very effective* untuk ketika ini Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan beberapa perkara awal mesti disediakan.

Sehingga hari ini negara kita masih menumpang kepakaran ataupun penerbitan hasil daripada *remote sensing* yang diterbitkan oleh satelit-satelit daripada negara lain sehingga kita mempunyai satelit sendiri. Mengikut jangkaan kita mungkin akan mengadakan satu satelit pada tahun 2005 dan dengan itu kita boleh mengadakan keperluan-keperluan lain bagi mengadakan keadaan pemantauan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dijalankan dengan berkesan.

Penggunaan *remote sensing* akan diperluaskan meliputi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia seperti yang ada sekarang dan seterusnya Sabah dan Sarawak. Maklumat yang terkandung dalam data-data ini boleh digunakan oleh pelbagai sistem persenjataan Angkatan Tentera Malaysia menerusi aplikasi *Geographic Information System*. Dalam pada itu ia juga boleh digunakan untuk memantau keselamatan sempadan serta kawasan-kawasan perairan negara. Keperluan ini dibahagikan kepada empat tahap di mana tahap satu dan dua telah pun selesai dilaksanakan bagi kawasan Pantai Barat dan kawasan Selatan Semenanjung Malaysia. Bagi tahap tiga dan empat, yang meliputi kawasan Utara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan dengan peruntukan Dasar Baru 2004 – 2005 yang telah diperakui .rancangan untuk perolehan dua buah *Mobile Ground Receiving Station*.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu *receiving station* swasta yang ada di Temerloh sekarang dan itu bukan untuk keperluan dan kegunaan kerajaan. Kerajaan kalau perlu untuk mendapatkan data-data di dalam satelit yang telah saya sebutkan tadi, kerajaan juga terpaksa mengikat satu kontrak untuk pembelian data-data yang tersebut.

*Mobile Ground Receiving Station* yang dimaksudkan itu telah dimajukan untuk Rancangan Malaysia Ke-9 bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat dan gambaran yang sebenar *the near real time* untuk penjanaan data-data *geospatial* yang terkini bagi kegunaan operasi Angkatan Tentera Malaysia pada masa yang akan datang.

Rancangan untuk menggunakan *remote sensing* dan satelit untuk membantu dalam pemantauan aktiviti di perairan Sabah telah lama dipertimbangkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia. Namun pada masa ini, kajian menunjukkan tiada terdapat teknologi sistem ini yang sesuai dari segi pengesanan yang dapat memberi gambar yang jelas *high resolution* untuk dianalisa. TLDM ataupun Tentera Laut Diraja Malaysia sedang berusaha melaksanakan kajian terperinci tentang kesesuaian dan mengenal pasti sistem *remote sensing* dan satelit yang mampu membantu dalam pelaksanaan operasi di kawasan perairan negara terutamanya di perairan negeri Sabah

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Papar.

**Puan Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Selain daripada penggunaan kaedah-kaedah saintifik ada apakah langkah-langkah kerajaan seterusnya untuk memastikan keselamatan perairan Sabah itu terjamin?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Jika *remote sensing* ini tidak ada kita pun masih mengawal perairan kita dan sekiranya *remote sensing* ini tidak ada pada masa ini kita meneruskan penjagaan perairan kita dengan menggunakan kepakaran oleh Pasukan Tentera Darat, Pasukan Tentera Laut dan Pasukan Tentera Udara. Seperti yang telah saya jawab dalam Dewan ini pada minggu yang lepas bahawa kita di Sabah sahaja ada 27 buah pusat kawalan di perairan Sabah bagi menentukan pencerobohan tidak berlaku dan untuk ketika ini pantai dan tanah Sabah masih boleh dikawal setelah peristiwa yang berlaku di kawasan Lahad Datu pada dua tahun yang lepas.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, penggunaan *Remote Sensing* dan satelit ini memang dari segi penggunaan *military* belum cukup memuaskan lagi kerana yang pertama, memang masalah dengan *real time* ataupun ketetapan masa. Yang kedua, resolusi yang tinggi. Untuk kegunaan bagi *military* ini, kerana ini adalah berkaitan dengan *security* negara, adakah kerajaan ingin mencadangkan untuk mengadakan satelit negara sendiri di dalam orbit. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, kerajaan bercadang untuk melancarkan satelit yang dipanggil RazakSAT pada tahun 2005.

5. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah paras kemiskinan di bandar dan luar bandar ditakrifkan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan apakah tindakan yang diambil untuk memerangi kemiskinan di bandar dan luar bandar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, paras kemiskinan di Malaysia diukur berasaskan keperluan perbelanjaan yang minimum untuk menyara sebuah keluarga. Ia dipanggil Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan merupakan pendapatan bulanan bagi memenuhi keperluan asas bagi sebuah keluarga yang mengandungi tiga komponen. Yang pertama, makanan. Yang kedua, pakaian dan alas kaki. Yang ketiga, perbelanjaan bukan makanan seperti sewa, bahan api, pengangkutan dan pendidikan.



Pada tahun 2002, PGK bagi Semenanjung ialah RM529, Sabah RM690 dan Sarawak RM600. Peratusan isi rumah miskin bagi negara ialah 5.1%, bandar 2% dan luar bandar 11.4%. Unit Perancang Ekonomi bersama dengan beberapa kementerian lain termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan beberapa pakar di universiti sedang mengkaji semula konsep pengukuran kemiskinan supaya lebih kemas kini.

Di antara aspek-aspek yang dikaji ialah mewujudkan pengukuran mengikut bandar dan luar bandar, wilayah dan juga bandar-bandar utama. Yang kedua, mengkaji kandungan mikro nutrien yang mencerminkan keperluan zat pemakanan yang sesuai dengan taraf hidup masa kini. Yang ketiga, mengkaji kesesuaian mengguna formula oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan menentukan perbelanjaan minimum isi rumah untuk pakaian alas kaki.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kemiskinan luar bandar, kerajaan telah menetapkan bahawa *focal point*nya dengan izin, ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, manakala bagi kemiskinan luar bandar pula ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agenda membasmi kemiskinan adalah salah satu agenda utama Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan bahawa dalam tempoh lima tahun tidak akan ada lagi kemiskinan tegar di negara ini. Untuk tujuan ini, peruntukan yang besar telah disediakan oleh kerajaan bagi mengurangkan membasmi kemiskinan iaitu sebanyak RM16.2 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan kerap menyombong bahawa ia sebuah pentadbiran penyayang tetapi pada hakikatnya bukan sedemikian dalam soal pembasmian kemiskinan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab soalan saya tanpa memberitahu Dewan ini bahawa angka Paras Kemiskinan Nasional yang berasaskan pada harga tahun 1997 dan ia satu angka yang sudah ketinggalan zaman, tidak praktikal, tidak realistik sama sekali. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sejak tahun 1997, harga barang-barangan melambung naik begitu ketara khasnya setiap kali selepas pilihan raya umum baik pada tahun 1999 ataupun tahun ini.

Adakah Yang Berhormat Menteri juga sedar petrol sahaja harganya naik enam kali dalam tempoh lima tahun sejak tahun 1999. Ini hanya satu aspeknya. Dalam tempoh yang sama....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kemukakan soalan, Yang Berhormat. Soalan, soalan. Dua soalan sahaja Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Soalanlah!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, sila, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Kemiskinan Sabah, di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cheras, teruskan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kadar inflasi harga indeks pengguna naik begitu tinggi sejak tahun itu dan ada juga *impractical* bagi RM529 ini digunakan sebagai ukuran bagi kawasan desa dan bandar untuk Semenanjung Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sebab....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat!

**Tuan Tan Kok Wai:** ....di bandar-bandar utama umpamanya di Kuala Lumpur, kos sara hidupnya begitu tinggi bagi keluarga yang pendapatannya RM1000, tidak berupaya membeli sebuah rumah kos rendah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cheras, cukup!

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini membayangkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup.

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalan saya, macam mana kerajaan dapat memperbetulkan ketidakseimbangan ini supaya angka paras kemiskinan boleh diukur dengan harga yang sesuai dan wajar di kawasan desa dan bandar raya.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Cheras mungkin kurang dengar. Saya cakap tadi, kerajaan sedang mengkaji semula konsep kemiskinan ini dan antara perkara yang sedang dikaji ialah untuk

mengadakan satu paras PGK untuk bandar dan luar bandar. Itu saya sebut dalam jawapan saya. Jadi Yang Berhormat kena tunggulah.

Memang kerajaan mengakui ada beberapa perkara yang ditangani, ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Antaranya ialah untuk mewujudkan PGK ini bagi bandar, luar bandar, bagi kawasan-kawasan tertentu dan ini sedang dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi bersama-sama dengan beberapa jabatan dan kementerian yang lain. Ini yang pertama.

Yang keduanya, sama ada angka ini realistik atau tidak, yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah angka buat pertama kali Unit Perancang Ekonomi mengadakan perkiraan ini pada tahun 1977, di mana pendapatan minimum ialah RM253. Itu tahun 1977. Hari ini RM529. Bermaknanya kita sudah mengambil kira kenaikan harga ataupun inflasi. RM253 kira-kira 30 tahun lalu, hari ini RM529 dan ini mencerminkan kenaikan harga kira-kira dua kali ganda pertambahan dalam PGK ini dalam tempoh kira-kira 26, 27 tahun. Jadi ia sudah pun mengambil kira kadar inflasi dalam negara kita.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar ada beberapa perkara yang perlu kita atasi. Itu sebabnya kita buat keputusan untuk melihat semula perkara ini dan insya-Allah dalam tempoh tiga bulan, kita akan dapat mengadakan satu PGK yang baru untuk negara, untuk bandar, luar bandar dan juga untuk kawasan-kawasan tertentu dalam negara kita.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Semalam saya telah mendapat jawapan bertulis daripada Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan soal kemiskinan di Sabah dan Sarawak iaitu dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah diperakui dan telah dirancangkan bahawa satu kajian khusus akan dibuat untuk mengkaji bentuk kemiskinan di Sabah dan Sarawak di kalangan golongan bumiputera minoriti. Dalam jawapan tersebut menyatakan bahawa kajian itu telah dibuat.

Persoalan saya di sini ialah apakah program-program baru yang khusus, yang telah digubal, yang telah dibentuk untuk mengatasi masalah kemiskinan di Sabah dan Sarawak sebab dalam Rancangan Malaysia Kelapan juga dinyatakan bahawa program-program khusus yang khas untuk bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak ini akan digubal dan dilaksanakan. Saya sebenarnya sedikit kluatir Yang Berhormat,

sebab Rancangan Malaysia Kelapan ini tinggal hanya setahun lagi. Jadi saya ingin penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat, apa yang dibuat oleh kerajaan, kadar kemiskinan bagi beberapa kaum minoriti di Sabah Sarawak seperti berikut iaitu bagi Sabah, sebagai contoh, untuk kaum Rungus, 34.4% berada dalam kemiskinan manakala bagi Penan di Sarawak pula 74.2%.

Kerajaan tahu bahawa beberapa kaum tertentu bumiputera di Sabah mengalami kadar kemiskinan yang amat tinggi, maka itu program-program telah pun dilaksanakan untuk mengatasi masalah. Ia lebih berbentuk program-program in-situ untuk mengatasi masalah kemudahan infrastruktur seperti membaiki, membina jalan, membina sekolah, kemudahan asas yang lain dan program-program yang dilakukan di seluruh negara termasuklah program bantuan rumah, pemakanan seimbang dan lain-lain juga dilaksanakan di Sabah dan Sarawak.

Insyaa-Allah, program ini akan dipertingkatkan lagi kerana kerajaan bertekad untuk mengatasi masalah ini dalam tempoh lima tahun, tidak kira di mana juga orang miskin untuk berada sama ada Semenanjung Sabah dan Sarawak. Oleh itu dalam tempoh terdekat ini program-program yang lebih bersepadu akan dilaksanakan bagi memastikan bahawa matlamat kita untuk menghapuskan kemiskinan tegar akan dapat kita capai dalam tempoh lima tahun termasuklah bagi kumpulan minoriti Sabah an Sarawak.

6. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, permohonan mendapatkan taraf kerakyatan Malaysia dan setakat ini berapa ramaikah yang telah mendapatnya serta prosedur yang harus dilalui.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia hendaklah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran dengan tempat tinggal pemohon. Mereka yang memenuhi syarat kelayakan yang ditentukan di dalam Bahagian III Perlembagaan sahaja yang dibenarkan mengemukakan permohonannya. Sejak tahun 1962 hingga tahun 2004, Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima sebanyak 535,328 permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia dan sebanyak 479,433 daripada permohonan tersebut telah diluluskan.

Penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah hak mutlak Kerajaan Persekutuan kepada warganegara asing. Oleh yang demikian, pemohon perlu melalui beberapa tapisan dan syarat-syarat tertentu sebelum mereka terpilih untuk dipertimbangkan.

**Datuk Juslie Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri. Selain daripada persekitaran negara yang aman, kerajaan yang memerintah begitu kukuh, mungkin senang mendapatkan peluang pekerjaan, apakah kriteria-kriteria yang lain menyebabkan ramai warganegara asing berminat untuk menjadi warganegara Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan sebuah negara yang maju dan berjaya, mempunyai keadaan yang stabil dan selamat dan ekonomi kita adalah dalam keadaan yang baik oleh itu ramai warga asing ingin memohon menjadi warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengenai pelarian Rohingya. Di kawasan saya terdapat tiga keluarga pelarian Rohingya daripada Myanmar, berjumlah tiga keluarga tetapi ahlinya adalah 38 orang. Mereka ini adalah pelarian. Apabila pelarian mereka masuk tanpa pasport. Mereka telah banyak kali merayu untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap tetapi setiap kali permohonan dibuat suratnya adalah arahan supaya pergi ke Pejabat Imigresen.

Bila mereka pergi ke Pejabat Imigresen mereka akan ditangkap. Selepas ditangkap mereka akan dihantar ke Selatan Thailand, kemudian mereka datang semula. Perkara ini telah berlaku hampir tujuh tahun. Akhirnya rumah pemimpin-pemimpin kerajaan menjadi tempat perlindungan kepada tiga keluarga ini, setiap kali kita balik, bila ada operasi daripada Imigresen atau pendaftaran keluarga pelarian Rohingya yang disahkan oleh UNCHR ini, mengatakan mereka adalah pelarian akan mencari perlindungan tetapi bila dihantar semula ke Thailand mereka akan datang kembali.

Persoalan saya ialah, apakah sebenarnya dasar kerajaan tentang mereka ini. Sebab Pejabat Imigresen atau Pejabat Pendaftaran hanya boleh memberikan taraf kerakyatan atau pemastautin tetap sekiranya mereka ada pasport. Macam mana

mereka hendak ada pasport sebab mereka ini adalah pelarian. Dia pergi ke Thailand, dia ditangkap, datang ke Malaysia dia juga ditangkap. Malaysia adalah tempat yang mereka rasa selamat, maka persoalan yang timbul di sini, apakah kita hendak membiarkan mereka ini menjadi rakyat *no man's land*, lari ke sana lari ke sini, sedangkan mereka adalah orang yang saya rasa, walaupun rakyat kita masih banyak yang perlu dibela, masih perlu dibela atas dasar kita adalah Presiden Negara-negara OIC. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mengatakan penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia atau taraf PR - pemastautin tetap adalah hak mutlak negara kita atau kerajaan kita, *our absolute right* untuk memberi taraf yang saya sebut tadi. Jadi kes yang disebut oleh Yang Berhormat memanglah satu kes yang nampaknya agak *complicated* dengan izin. Walau bagaimana pun, untuk mendapatkan atau memohon Taraf Pemastautin Tetap haruslah memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu, contohnya mereka adalah lama tinggal di negara kita atau mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang dikehendaki oleh negara kita dan melabur di negara kita.

Jadi, saya tahu kes yang disebutkan adalah pelarian...

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Dia orang ini pakar meminta sedekah.

**Datuk Tan Chai Ho:** itulah yang saya katakan tadi kata, kena memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan kerana kerajaan sentiasa memberi pertimbangan tetapi orang asing kena menghargai setiap keputusan yang diberikan oleh kerajaan. Ini bermakna, kalau mereka yang benar berhasrat untuk memperoleh taraf PR, mereka kenalah sentiasa membuktikan hasratnya dengan mengemukakan permohonan mereka, walaupun beberapa kali telah ditolak oleh pihak berkuasa.

7. **Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, mengenai keberkesanan Perpustakaan Negara di dalam mempertingkatkan capaian ilmu oleh para pelajar sekolah. Adakah cadangan dari pihak kementerian untuk melanjutkan waktu operasi kepada waktu malam.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, Perpustakaan Negara Malaysia atau PNM melaksanakan pelbagai aktiviti keilmuan dalam usaha memupuk masyarakat membaca dan berilmu. Program Pendidikan Pengguna yang diadakan secara berjadual bertujuan untuk memberi

pengetahuan pendedahan mengenai pelbagai jenis bahan rujukan dan maklumat yang terdapat di PNM, khususnya kepada para pengguna perpustakaan dan pelajar-pelajar sekolah. Ini juga kalau kita lihat dari segi perangkaan, kenaikan ahli-ahli yang menyertai PNM. Umpamanya pada:

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Penyertaan</b>
1999	367,144
2000	423,172
2001	487,100
2002	2538,777
2003	591,214.

Begitu juga dengan perpustakaan negeri-negeri. Selaras dengan tugas utama PNM untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat kepada penyelidik dan masyarakat secara umum, pelbagai aktiviti, program dan juga modul berbentuk elektronik dan internet, telah dianjurkan bagi mempertingkatkan capaian ilmu oleh para pengguna perpustakaan, terutama sekali para pelajar sekolah. Modul yang telah dibangunkan dengan kerjasama UNESCO iaitu *E-Library User Education Module*, dengan izin, yang berasaskan laman *web* dan direka cipta menerusi pakej e-Pembelajaran, telah dapat mendidik para pembaca menjadi pengguna perpustakaan yang mahir dan meningkatkan kecekapan mereka dalam teknik pencarian maklumat.

Di samping itu pelajar juga dapat mempertingkat kursus belajar sendiri atau dengan izin, *self-learning course* menerusi *multimedia interactive* dan pengguna juga dapat menguasai kemahiran *E-learning*. Aktiviti *Info Hunt* yang menggunakan konsep *Treasure Hunt* merupakan aktiviti pencarian maklumat melalui sumber rujukan perpustakaan dan internet. Melalui aktiviti ini pelajar menjadi lebih mahir dalam pencarian maklumat serta secara tidak langsung dapat menerapkan tabiat membaca ke dalam diri para pelajar.

PNM sememangnya prihatin terhadap waktu pembukaan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pembaca. Sehubungan itu, mulai 1 Januari 2004 PNM telah melaksanakan waktu perkhidmatan perpustakaan baru, di mana waktu perkhidmatan telah dilanjutkan dari jam 10.00 pagi hingga 7.00 malam pada hari Selasa hingga Jumaat dan 9.00 pagi hingga 7.00 malam pada hari Sabtu, dan 10.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Ahad. Perkhidmatan perpustakaan dibuka pada setiap hari Sabtu

termasuk hari Sabtu pertama dan rehat Sabtu ketiga dan ditutup pada hari cuti am dan hari Isnin. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selalu mengatakan, “*Learn, re-learn, unlearn*” dan begitu juga “Cemerlang, Gemilang dan Terbilang”. Sedarkah pihak kementerian bahawa rata-rata Perpustakaan Negara ini tidak berfungsi dengan betul, terutama sekali di negeri Kelantan.

Satu lagi soalan saya, bolehkah Kementerian Pelajaran menambah peruntukan ini berdasarkan saranan yang saya katakan tadi, supaya negara kita ini lebih maju dan terbilang iaitu menambahkan peruntukan, dan kalau boleh, adakan ini juga di luar-luar bandar umpamanya di Pusat-pusat Khidmat Rakyat ataupun di *Community Center* agar rakyat kita sebagai satu negara yang maju dan negara contoh, terutama sekali negara Islam, boleh mengamalkan ini sebagai satu langkah untuk membaca seperti di negara-negara maju kerana kita tahu negara kita, terutama sekali di luar bandar, masih jahil dan masih ketinggalan dengan begitu jauh. Terima kasih.

**Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya selain daripada Perpustakaan Negara, kita ada juga Perpustakaan-perpustakaan Negeri dan daerah-daerah mengikut inisiatif Perpustakaan Negara dan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri. Kalau kita lihat dari segi perangkaan yang saya perolehi di sini, saya lihat kegiatan Perpustakaan-perpustakaan Negeri meningkat dari setahun ke setahun.

Umpamanya dalam hal ini, negeri yang nombor satu sekali di mana keahliannya meningkat ialah negeri Selangor. Pada tahun 2000, dari seramai 692,969 ahli telah meningkat menjadi 739,333, dan nombor dua ialah negeri Sarawak iaitu dari 258,451 pada tahun 2001, ia telah meningkat menjadi 519,752, dan nombor tiga ialah negeri Perak. Tetapi malangnya bagi negeri Kelantan, saya tidak tahu apakah sebabnya, dari angka 82,087 jumlah ahli telah menurun pada tahun 2003 menjadi seramai 50,532. Ini kita akan memeriksa.

Malah dalam kegiatan-kegiatan perpustakaan ini, kita cuba kembangkan di kawasan luar bandar sehingga program kita ini, yang dipanggil Perpustakaan Bergerak, malah Perpustakaan Bergerak juga kita adakan dengan peralatan komputer, *web site* dan sebagainya, dan saya berharap benar kalau itulah saranan Yang



Berhormat bagi Kuala Krai, kita akan memeriksa keadaan di negeri Kelantan dari segi penurunan keahlian perpustakaan, dan kalau boleh kita akan pertingkatkan lagi di kawasan-kawasan luar bandar, kalau boleh. Saya percaya kita akan sediakan peruntukan yang lebih baik lagi pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang seronok dengan bilangan ahli yang semakin bertambah dengan PNM ini. Saya harap bilangannya akan melambung naik lagi – satu kriteria untuk menggalakkan semua rakyat Malaysia membaca. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan mengenai program UNESCO, sama ada program-program ini diterjemahkan kepada bahasa Malaysia ataupun digunakan sebagai bahasa Inggeris.

Yang kedua, selain daripada bilangan ahli PNM ini, apakah penilaian mengenai pencapaian, bukan setakat kita ada pertunjukan, ada poster untuk menambahkan keahlian bahkan juga pencapaian itu mesti dinilai dari segi yang lain, termasuk penggunaan internet untuk aktiviti PNM tersebut.

Saya juga tertarik kepada masalah di Kelantan sekarang. Peranan ini memang dimainkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk meningkatkan pembaca dari negeri Kelantan dan negeri-negeri lain yang ketinggalan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan program UNESCO iaitu *E-Library User Education Module*, kita juga boleh menterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia tetapi bagaimanapun oleh kerana ini adalah peringkat UNESCO, bagi memudahkan kita, kita gunakan sebagai *E-Library* ataupun yang menggunakan elektronik ataupun *IT* tadi. Itu yang kegunaan kita. Tidak mengapa, saya mengambil kira semua itu.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan pertambahan keahlian, adakah itu menunjukkan bahawa perpustakaan itu berkesan ataupun tidak, ini salah satu yang boleh memberi kita sebagai penunjuk bahawa keahlian itu sudah bertambah. Maknanya, ada orang mengguna, soal dia baca ataupun tidak, itu adalah soal kedua. Saya tidak ..... kita boleh bincang perkara itu dalam kedai kopi nanti, Yang Berhormat.

Walaupun bagaimanapun, terus terang saya katakan kepada Yang Berhormat bahawa oleh sebab kita mengguna salah satu daripada indikator atau penunjuk

tentang keahlian tadi, kita lihat di Kelantan keahliannya menurun. Jadi kita hendak tahu apa sebabnya, bukan kita hendak kata bahawa masyarakat kita kurang membaca daripada setahun ke setahun. Bagaimanapun pihak PNM telah berkali-kali mengadakan bermacam-macam kempen untuk menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat kita supaya gemar membaca sehingga ada tuduhan terhadap sesetengah pihak mengatakan yang kita tidak boleh habis sebuah buku pun dalam jangka masa satu tahun. Itu tuduhan, tetapi dengan adanya Kempen Membaca, insya-Allah saya rasa kita akan menjadikan membaca itu sebagai budaya dalam masyarakat kita. Jadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Setakat itu sahajalah, Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat. Betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan habis.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2004**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.40 pagi**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemegang Amanah Perbadanan 1952 iaitu Akta 258 adalah undang-undang yang membolehkan mana-mana pemegang amanah yang dilantik oleh mana-mana kumpulan atau persatuan untuk didaftar sebagai sebuah pertubuhan perbadanan. Pertubuhan pemerbadanan yang telah didaftarkan ini akan

menjadi sebuah entiti perundangan yang sah. Ia memiliki kuasa seperti mana entiti-entiti perundangan yang lain setakat mana persetujuan yang dipersetujui antara pengasas dan pemegang amanah sesuatu badan yang tertakluk kepada peraturan dan kawalan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akta ini digubal pada tahun 1952, ia belum pernah dibuat sebarang pindaan atau penambahbaikan. Oleh itu sudah pasti terdapat kelemahan-kelemahan di dalam akta ini yang perlu diperbaiki bersesuaian dengan keperluan semasa.

Bagi memperkemaskan akta ini selaras dengan keadaan semasa dan jangkaan akan datang, peruntukan-peruntukan baru mengenai perkara-perkara berikut dimasukkan di dalam rang undang-undang ini iaitu:

- mengenai kuasa Menteri untuk boleh menolak pengeluaran sijil pemerbadanan;
- mengenai perkara-perkara yang menyebabkan kehilangan kelayakan sebagai pemegang amanah;
- kuasa Menteri untuk membatalkan atau menggantung sijil pemerbadanan, pertubuhan pemerbadanan yang bermasalah;
- kaedah pembubaran secara sukarela pertubuhan pemerbadanan;
- kesan pembatalan atau pergantungan sijil pemerbadanan;
- mengenai pelantikan Pendaftar, Timbalan-Timbalan Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar; dan
- kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan dipinda ini akan memberi kuasa dan tanggungjawab kepada Menteri untuk mengawal selia dan memantau pertubuhan pendaftaran supaya tidak tersasar daripada objektif asal penubuhannya dan tidak melanggar undang-undang negara. Ini memperlihatkan bahawa kerajaan sentiasa bertanggungjawab mengambil berat dan prihatin menjaga kebajikan rakyat daripada sebarang bentuk penipuan atau penyelewengan atas nama amanah.

Subseksyen baru (3) dalam seksyen 4 Akta 258 adalah untuk memperuntukkan kuasa yang lebih jelas kepada Menteri untuk menolak permohonan-permohonan yang tidak mematuhi akta dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Peruntukkan yang sedia ada tidak menyebut dengan terperinci mengenai kuasa ini dan telah menimbulkan kekeliruan atau kekaburan di dalam undang-undang.

Dengan adanya peruntukan baru ini, pentadbiran ke atas undang-undang ini dapat dilakukan dengan lebih cekap dan berkesan serta teratur. Kriteria-kriteria yang bercirikan *safeguards* dengan izin, di dalam seksyen baru 6A pula adalah untuk memastikan pemegang-pemegang amanah yang dilantik benar-benar berwibawa. Ciri-ciri kawalan dan penapisan terhadap pemegang-pemegang amanah akan dapat dilaksanakan secara yang lebih teratur dan berkesan.

Tindakan ini membantu kerajaan menjaga kepentingan awam dengan menghalang individu yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan pertubuhan pemerbadanan untuk aktiviti-aktiviti haram.

Kuasa kepada Menteri untuk membatalkan atau menggantung sijil perbadanan pertubuhan pemerbadanan seperti di dalam Seksyen baru 17 adalah sesuatu yang perlu. Ini membolehkan Menteri mengambil tindakan terhadap pertubuhan perbadanan yang bermasalah dengan berkesan dan cekap. Ia juga dapat menghalang sebarang penyalahgunaan sijil pemerbadanan seperti penipuan.

Pada masa ini ketiadaan peruntukan untuk pembubaran secara sukarela telah menimbulkan kesulitan kepada pemegang amanah membubarkan pertubuhan pemerbadanan secara sukarela. Melalui Seksyen baru 18(1) panduan yang telah jelas diadakan bagi mengatasi masalah berkenaan. Ia juga memudahkan dan mempercepatkan serta menjimatkan kos pertubuhan perbadanan berkenaan.

Harta-harta pertubuhan perbadanan yang dibubarkan atau ditamatkan seharusnya diuruskan secara baik dan teratur sehubungan itu kerajaan mengenal pasti Amanah Raya Berhad atau ARB sebagai agensi amanah yang sesuai dan mampu diberikan tanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijelaskan, pindaan ke atas akta ini akan mewujudkan jawatan-jawatan pendaftar, timbalan-timbalan pendaftar dan penolong-penolong pendaftar yang merupakan *office-bares* dalam pentadbiran akta ini. Mewujudkan jawatan-jawatan ini merupakan amalan biasa di dalam mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan penyeliaan dan penguatkuasaan. Ia juga merupakan langkah-langkah persediaan di masa hadapan dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat dalam hal ehwal pertubuhan pemerbadanan.

Bagi menjadikan urusan permohonan pendaftaran pentadbiran serta bayaran-bayaran yang boleh dikenakan di bawah akta ini telus maka Menteri perlu membuat peraturan. Oleh itu Menteri diberi kuasa melalui seksyen baru 21 untuk membuat peraturan-peraturan tersebut. Peraturan-peraturan ini seterusnya akan dapat menyokong memantapkan lagi pentadbiran akta ini

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dilakukan ke atas seksyen-seksyen 3, 5, 7, 10, 15(2), 15(3) dan 15(4) Akta, termasuk mewujudkan satu seksyen baru 1(A) adalah pindaan-pindaan kecil supaya akta ini sentiasa dikemas kini seiring dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ke atas akta ini dibuat dengan luhur serta menunjukkan keprihatinan kerajaan di dalam memelihara rakyat daripada sebarang bentuk penipuan atas nama amanah.

Dengan yang demikian saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Saya pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua: Ahliahli Yang Berhormat,** masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**11.20 pg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum dengan rang undang-undang yang dicadangkan oleh depan Dewan hari ini. Ini adalah kerana walaupun Timbalan Menteri mengatakan bahawa rang undang-undang yang dicadangkan adalah keperluan semasa dan ia adalah atas prihatin rakyat. Tetapi satu faktor yang there's no baik in this legislation propose. Ini kerana saya difahamkan jika apa-apa amanah yang disediakan jika tidak didaftarkan di bawah seksyen-seksyen yang dicadangkan atau yang sedia ada. Jadi, ia tidak akan merangkumi. There is no catch all situation, di mana semua pemegang amanah akan menjadi – Registrar atau kementerian akan kawal selia semua kegiatan pemegang amanah dalam negara ini.

Tuan Speaker, semalam di Saudi Arabia, satu pertubuhan yang bernama Al-Haramain Affiliates yang dikatakan mengandungi lebih daripada USD100 juta telah

diguna pakai, dan telah didaftarkan sebab *charitable organization* dan difahamkan dalam penyiasatan mereka, mereka mendapati bahawa selepas ia telah didaftarkan dalam satu *charitable organization* seperti akta yang sedia ada di mana sesuatu *charitable organization*, dengan izin, boleh register atau pemegang amanah boleh register dalam undang-undang ini dan menggunakan kegiatan mereka untuk sesuatu tujuan yang tidak boleh diterima oleh rakyat Malaysia atau rakyat di dunia ini.

Semalam saya difahamkan bahawa organisasi ini telah ditahan daripada beroperasi, bukan sahaja di Saudi Arabia tetapi organisasi ini juga mengadakan hubungan dengan bermacam-macam negara di rantau ini termasuk Bosnia, Indonesia, Filipina dan Bangladesh. Saya ada difahamkan bahawa ada beberapa organisasi juga yang telah didaftarkan di bawah rang undang-undang yang sedia ada di Malaysia.

Adakah ini betul dari segi undang-undang? Adakah kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka? Saya difahamkan bahawa organisasi tersebut mempunyai ratusan juta ringgit dan menggunakan wang-wang tersebut untuk *terrorist organization*. Tuan Speaker, saya juga difahamkan bahawa pada Januari tahun ini di United Nation, beberapa organisasi yang dikatakan *charitable* telah dikatakan, *has been designated*, tidak boleh lagi beroperasi bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi juga di lain-lain negara.

Saya khawatir bahawa organisasi-organisasi serupa macam ini ada yang telah didaftarkan dengan undang-undang yang sedia ada dan menjalankan tugas-tugas yang tidak diingini. Apakah tindakan susulan yang akan diambil terhadap organisasi-organisasi tersebut?

Saya tidak ingin mengatakan bahawa nama-nama organisasi tersebut tetapi bolehkah kerajaan mengisytiharkan atau memberitahu Dewan ini, berapakah organisasi yang mereka telah kenal pasti di mana telah didaftarkan di bawah undang-undang yang sedia ada dan dengan rang undang-undang baru yang sedang dibawa ke Dewan ini, selepas itu tindakan boleh diambil terhadap organisasi-organisasi ini.

Tuan Speaker, saya juga difahamkan baru-baru ini di Itali, sebanyak 10 organisasi telah dikenal pasti yang beroperasi sebagai *terrorist organization* dan dikatakan semua ini adalah *charitable organization*, dengan izin, *charity groups*.

Semalam apabila soalan-soalan ditanya kepada pihak-pihak atasan di Saudi Arabia, Tuan Speaker, satu di antaranya ialah berapa, dengan izin, *how much of immediate freezing that will stop this money from being used?* *Spokesman* dari Saudi

Arabia mengatakan bahawa walaupun mereka boleh cuba, tetapi tidak ada kepastian bahawa semua tindakan dengan *freezing* itu, satu kemas kini boleh dibuat.

Dalam kes di hadapan kita, dalam organisasi-organisasi serupa yang ada dalam Malaysia, adakah kerajaan, undang-undang atau *regulation* yang berkaitan di mana bila dikenal pasti sesuatu organisasi ada berkaitan dengan *terrorist organization* atau menggunakan wang untuk kegiatan-kegiatan *terrorist*, adakah *the will power* untuk mengambil tindakan? Adakah setakat ini tindakan-tindakan serupa itu telah diambil?

Tuan Speaker, saya juga difahamkan bila September 11 terjadi di Amerika Syarikat, wang yang digunakan bukan berjuta-juta ringgit. Semalam di Saudi Arabia dikatakan bahawa hanya USD500 ribu diperlukan untuk apa yang terjadi di Amerika Syarikat. Jadi, kalau organisasi-organisasi itu perlukan wang yang sedemikian, yang sangat kurang, di Malaysia lebih teruk kerana organisasi-organisasi itu tidak perlukan wang sebanyak itu untuk dengan izin, *to cause havoc in this country*. Jadi, saya khuatir adakah rang undang-undang yang dicadangkan ini *catch all and kill of these organizations*.

Tuan Speaker, juga ada dikatakan bukan sahaja 10 organisasi di Itali, ada empat organisasi di Germany, ada tiga di Bosnia dan organisasi-organisasi ini telah dikenali ada berkaitan dengan Al-Haramein Affiliates. Dengan rang undang-undang yang dicadangkan juga, macam manakah kerajaan boleh mengatasi masalah di mana *cash transaction* diambil keluar dari negara ini atau masuk dalam negara ini, kita akan kenal pasti bahawa ia tidak akan digunakan oleh orang-orang yang bertanggungjawab. Saya khuatir undang-undang yang sedia ada tidak merangkumi, tidak cukup, *not effective – they don't have enough bites*, dengan izin.

Saya juga difahamkan bahawa rang undang-undang yang dicadangkan ini merupakan satu rang undang-undang yang kerajaan sendiri fikir bahawa ada organisasi-organisasi yang sedia ada, yang menjalankan tugas-tugas atau menggunakan nama atau menyamar tugas-tugas mereka, tetapi menyeleweng daripada apa yang sedia ada dalam *rules and regulations* - pemegang amanah.

Saya hendak tahu jika mereka menyamar dan mengambil tindakan sedemikian, berapa cepatkan kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap mereka? Dan juga adakah kerajaan kenal pasti bahawa mereka berkaitan dengan organisasi-organisasi serantau di tempat ini seperti dengan Thailand, Indonesia dan Filipina.

Tuan Speaker, selain daripada itu saya juga ingin tahu berapa organisasi yang telah berdaftar di bawah rang undang-undang yang sedia ada, dan adakah semua organisasi yang sedia ada yang tidak didaftarkan boleh dipaksa atau boleh diajak untuk mendaftar? Dan jika mereka tidak mendaftar, apakah tindakan yang boleh diambil? Itulah saya percaya bahawa *this is not a catch all provision*, situasi di mana ia hanya cantik, *nice to look but not effective*.

Macam mana kita boleh mengesyorkan bahawa organisasi-organisasi yang tidak ingin mendaftar, yang mengelak mendaftar atau cara di mana kerajaan sendiri tahu mereka wujud, tetapi tidak boleh buat apa-apa. Dengan izin, *it looks like a paralyze situation*. Macam mana kita boleh mengatasi masalah tersebut?

Saya rasa rang undang-undang yang sedia ada ini walaupun dikatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu keperluan semasa, tetapi nampaknya ia tidak merangkumi semua objektif yang perlu diambil tindakan.

Tuan Speaker, selain daripada itu, saya juga ingin merujuk kepada *in particular* Seksyen 19(2) di mana dikatakan, jika sesuatu organisasi itu *has been dissolved*, dengan izin, semua asetnya akan dikawal selia oleh Amanah Raya Berhad.

Tuan Speaker, Amanah Raya Berhad ini adalah satu organisasi yang saya boleh kata tidak bertanggungjawab. Saya katakan ini daripada pengalaman saya sendiri di mana bila kita tengok apa reaksi bila kita menghantar surat kepada mereka, tidak mendapat jawapan di mana *in-house lawyer* di sana ingat dia boleh buat apa dia suka.

Dalam keadaan macam ini apakah syor atau apakah *guarantee* bahawa jika sesuatu korporat atau sesuatu organisasi yang telah tidak beroperasi dan dikendalikan oleh Amanah Raya Berhad, adakah mereka satu syarikat yang boleh dipercayai untuk mengawal selia atau *to handle the financial situation of organization's asset or company which has been dissolved*, dengan izin.

Amanah Raya Berhad walaupun telah ditubuhkan di bawah Akta 532 *Public Trust Corporation Act* mengendalikan perkara-perkaranya sebagai satu organisasi yang bebas dan tidak bertanggungjawab. Saya difahamkan bahawa sekarang dengan Amanah Raya Berhad ada lebih kurang RM40 bilion. Adakah ini benar? Apakah objek-objek yang tertentu oleh Amanah Raya Berhad.

Saya tahu bahawa selepas satu organisasi yang berdaftar di bawah rang undang-undang ini jika ia *has been dissolved* wang-wang itu akan dipulangkan kepada



Amanah Raya Berhad. Apakah mereka akan memberi *statement's account* mereka kepada siapa? Adakah mereka bertanggungjawab kepada Parlimen? Adakah satu *paper* akan diserahkan oleh Syarikat Amanah Raya Berhad ini.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kluatir dengan Seksyen 24 di mana saya hairan bahawa *Registrar, Deputy Registrar and Assistant Registrar* diberi kuasa untuk menjalankan tugas tanpa dikluatiri bahawa mereka boleh diambil tindakan undang-undang. Saya rasa rang undang-undang yang dicadangkan terutama sekali dengan subseksyen (4) ini menunjukkan bahawa mereka, dengan izin, *above the law* kerana kalau kita baca, Tuan Yang di-Pertua, *is stated here: "Nothing done or omitted to be done by the Registrar, Deputy Registrars and Assistant Registrars shall, if done or omitted to be done in good faith for the purposes of executing the provisions of this Act, subject any of them to any action, liability, claim or demand"*.

Saya ingat ini tidak memadai jika seorang bekerja sebagai *civil servant*, mereka perlulah taraf yang sama seperti di *private sector*. *You must take responsibility. You must be responsible*, jangan lari dari tanggungjawab. Kalau menjalankan tugas dengan cuai, *you have to be responsible*. Kenapa mereka dilepaskan dari tanggungjawab mereka. Kalau satu pemegang amanah walaupun berjuta-juta ataupun tidak berjuta-juta ringgit diserahkan kepada organisasi ini di bawah akta ini dan Pendaftar atau Timbalan Pendaftar tidak menjalankan tugas, kenapa mereka boleh dibenarkan dengan *izin, immunity of the law in legal process*. Apakah mereka ini *above the law*. Kenapa kita perlu beri satu seksyen sahaja. Saya percaya pembuat rang undang-undang ini sendiri tidak tahu apakah *the higher and the bigger effects of this*.

Mereka ingat dengan mengadakan satu rang undang-undang mengatakan bahawa mereka tidak perlu bertanggungjawab atau tidak boleh tindakan-tindakan yang *specific* diambil terhadap mereka maka mereka boleh membuat apa sahaja. Mereka boleh dengan *deliberate* cuai dalam kerja mereka. Kita mahu lebih telus. *We must be open and transparent*. Saya pohon Timbalan Menteri supaya kerajaan mengkaji subseksyen ini.

Saya hairan satu organisasi yang profesional yang dikatakan *we will have ISO later even for this particular* organisasi. Macam mana rang undang-undang ini boleh dibawa untuk kelulusan di Parlimen saya sangat hairan kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu satu sistem *efficient, transparent and incorruptible*. *We don't go and hide*

*behind all these courts of the laws and prevent civil accumulation againsts all, dengan izin.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dikatakan di sini '*in good faith*'. Kalau kita bukan '*in good faith*' dia akan .....

**Tuan M. Kula Segaran:** Itu masalah Tuan Yang di-Pertua. Saya faham. *That is a problem. Let me deliberate, Tuan Speaker. Because 'in good faith' is very subjective, Tuan Speaker. Bukan mestinya 'in good faith' is very discretionary. When there are lots of judges in this country, dengan izin, dikatakan bila discussion, oh itu discussion dia boleh buat apa dia suka. Tetapi case law mengatakan judicious, discretion it doesn't mean absolute discretion.*

Bukan bermakna dia boleh buat apa dia suka. Jadi, dalam *good faith* itu, *that is why, why did you need all this goof faith? Don't be of all these. Just be transparent, just be accountable, just be the truth, just be nice to people.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat, tolong dalam Bahasa Melayu, ya. Bukan dalam Bahasa Inggeris, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Yang di-Pertua, semua rang undang-undang ini dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya faham.

**Tuan M. Kula Segaran:** Dengan izin. Dengan izin. Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan izin, ya.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya baca dan ingat dalam bahasa Inggeris dan perlu cakap dalam bahasa Malaysia. Tetapi saya boleh ..... tetapi yang saya katakan, kita perlu was-was. Kita perlu ikhlas dan saya harap kerajaan akan hari ini sahaja akan setuju bahawa mungkin rang undang-undang ini dihantar ke *Select Committee* atau untuk kaji balik adakah kita perlu mengubah apa yang dikatakan dalam subseksyen (4).

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, seperti saya katakan mengenai amanah yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini. Saya khuatir ramai di antaranya tidak perlu bertanggungjawab kepada kementerian atau kepada kerajaan. Dalam proses ini, apakah niat kita membawa satu rang undang-undang di mana, dengan izin, *the next effect at the end of the day* macam tidak ada. Saya katakan sedemikian kerana jika sesuatu organisasi tidak mendaftar di bawah undang-undang yang sedia ada mereka tidak ada kuasa untuk menjaga atau *to control*, dengan izin, organisasi tersebut.

Macam mana rang undang-undang ini boleh mengesyorkan perkara-perkara ini tidak terjadi. Saya khawatir banyak pemegang amanah (*trustees*) tidak akan mendaftar untuk mengelak dari kawal selia oleh kementerian. Tetapi saya juga tahu bahawa ada segelintir yang ingin mendaftar untuk mengesyorkan bahawa tidak ada penyelewengan dari apa-apa objek yang sedia ada dalam pemegang amanah atau (*trustees*) .

Setakat itu saya rasa itu betul tetapi saya khawatir apakah kerajaan akan buat kepada organisasi atau kepada pemegang amanah yang tidak ingin *register* dalam ini. Adakah kita, dengan izin, *blind the body*. Macam kita katakan kita tahu perkara itu ada, kita tahu organisasi itu menyeleweng, kita tahu mereka itu menggunakan wang di atas nama *charitable organization* menggunakan wang-wang itu untuk aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan dan yang tidak diinginkan oleh masyarakat, oleh rakyat tetapi tidak ada apa-apa *control* oleh kementerian.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Santubong bangun, hendak bagi jalan atau tidak. Ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat berpusing-pusing dalam soalan itu, panjang sangat. Tetapi kalau hendak pergi ke Parlimen tak payahlah pergi ke Damansara dahulu. Teruslah pergi sini.

Yang Berhormat, kita faham apa Yang Berhormat *argue* itu bahawa tidak ada kewajiban untuk mendaftar sebagai *trust corporation* di bawah undang-undang ini. Ini telah dibincangkan apabila undang-undang asal dibawa ke Parlimen dahulu. Malangnya, mungkin Yang Berhormat tidak ada di sini ataupun tidak mahu bangun kalau ada di sini dahulu. Jadi, itu sudah soal kemudian.

Sekarang sepatutnya Yang Berhormat cadang untuk dimasukkan dalam satu pindaan. Cadangkan. Tak payah bising-bising sangat, pusing kiri pusing kanan. Orang sibuk dengar pun susah hati. Semua Ahli Parlimen keluar dengar Yang Berhormat ulang-ulang sahaja.

Jadi, saya memang menerima hakikat bahawa tidak ada kewajiban untuk mendaftarkan di bawah *trust corporation* di bawah undang-undang ini, mengikut undang-undang asal tetapi apa yang dibuat dalam pindaan ini, peringkat yang kedua untuk memperbaiki undang-undang yang asal. Yang Berhormat patutnya menerima.

Saya juga menerima hakikat kalau dia tidak didaftar dalam undang-undang ini ataupun undang-undang asal ini, dia di bawah kawal selia *Registrar of Society*, dengan

izin. Jadi, dengan sendirinya kalau Yang Berhormat fikir ini, *very seriously*, dengan izin, bawalah perkara ini kepada – patut di peringkat asas kita *debate* dalam Ucapan Terima Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, dicadangkan supaya undang-undang ROS dibuat satu peruntukan untuk ROS, kawal selia *trustee* yang tidak di bawah Trustee Corporation ini. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** Yang mengatakan pusing-pusing ini, saya berpendapat kawan saya yang pakar dalam pusingan ini.... *[Ketawa]* Saya ingat sesuatu perkara dia boleh *debate* berjam-jam tanpa berasas.

Mengenai saya patut berada di sini sebelum rang undang-undang yang sedia ada, *just for your correction*, dengan izin. Semasa undang-undang itu dimulakan saya belum dilahirkan, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kawan saya telah dilahirkan pada masa itu tetapi saya hairanlah, kalau tahun 1952 pun dia ada dan *debate* di sini. Saya telah pergi *check* yang asal...

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran:** *Let me finish this.*

**Tuan M. Kula Segaran:** ....dengan akta asalnya dan pada masa tahun 1952 itu bila ia disorkan di Dewan pada masa itu, tidak ada apa-apa *debate*, hanya Attorney General bawa undang-undang yang telah diluluskan dan tidak ada apa-apa cadangan atau macam apa yang di *debate* kan hari ini.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja, kawan lama ni, dahulu pun pernah duduk di Dewan tetapi yang lima tahun Yang Berhormat di Dewan dahulu tidak pernah pun sebut soal ini. Kalau kita betul-betul akur yang lima tahun duduk dahulu itu tak payahlah, memang banyak undang-undang kita yang tahun 1950-an, 1960-an Yang Berhormat belum dilahirkan lagi pada ketika itu, kita bangkitkan. Saya banyak bangkit soal undang-undang. Jadi, ini saya tidak bangkit. Yang Berhormat berasa begitu serius soal ini, patut bangkit semasa lima tahun lepas itu. Yang Berhormat, macam mana?

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Speaker, dia sekarang menyeleweng. Bila saya dengan tulus, dengan izin, *when I catch him by his neck, he is trying to run away*. Dia kata saya tidak membawa perkara ini bila rang undang-undang ini dimulakan. Saya kata dengan tulus, tahun 1952 saya belum dilahirkan lagi. Apa lagi untuk dibahaskan perkara ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Seperti yang telah saya katakan Tuan Speaker, walaupun ada beberapa rang undang-undang yang dicadangkan di sini, saya berpendapat bahawa *the next effect* tidak ada di sana. Saya harap kerajaan akan meneliti dengan baik, membawa satu undang-undang, bukan sahaja rang undang-undang untuk pengiktirafan dunia kerana kita ada masalah di beberapa rantau, dikatakan ada beberapa organisasi di Malaysia mungkin terlibat dalam aktiviti-aktiviti *terrorism*. Jadi, kita bawa satu rang undang-undang, adakah itu niatnya.

Saya harap kalau sedemikian, kerajaan akan meneliti dengan baik. Bawa satu undang-undang yang lebih efektif yang merangkumi yang dikenal pasti supaya semua organisasi yang menyeleweng, satu tindakan yang tegas atau tindakan yang serta merta boleh diambil. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Santubong.

**11.45 tgh.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak panjang Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Insya-Allah, saya berharap dan berdoa memohon supaya saya pergi tidak ke kiri ke kanan. Kalau saya ke kiri ke kanan minta Tuan Yang di-Pertua bolong bimbinglah.

Saya berterima kasih kepada kerajaan oleh kerana membawa rang undang-undang pindaan ini ke Dewan yang mulia ini untuk memperketat lagi peruntukan dalam Akta Ibu yang dibawa, saya tidak tahu sama ada di Dewan ini atau dewan mana tahun 1952 yang tidak ada Parlimen Malaysia pada ketika itu, merdeka pun belum lagi. Jadi, mungkin juga Ipoh Barat tadi betullah kata dia, dipersetujui dalam pejabat. Jadi, itu dalam soal Malaysia belum merdeka tetapi undang-undang ini juga telah disemak dalam beberapa ketika.

Juga sebagai undang-undang negara, kalau kita sebagai Ahli Parlimen, daripada peringkat kita masuk ke Parlimen itu kita berhak untuk membawa persoalan undang-undang untuk dipinda, apa sahaja undang-undang untuk dipinda, sebagaimana saya membawa banyak undang-undang ke Dewan ini untuk dipinda ataupun undang-undang yang hanya digunakan di Semenanjung Malaysia, dipinda dipanjangkan di Sarawak dan Sabah. Jadi, saya tidak menyesal oleh kerana tidak membawa kalau terlupa ataupun.. .

Jadi, saya rasa menyesal sedikitlah dengan Ipoh Barat tadi, semasa dia jadi Ahli Parlimen tidak pernah mengkaji undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat ada kebenaran bahawa undang-undang ini tidak wajib untuk dikena kepada semua *trustee* pada mana-mana badan, pertubuhan dan sebagainya dan ini telah mendatangkan apa yang dikatakan *negative effect*. Disebut oleh Ipoh Barat tadi bahawa dia tidak mendatangkan satu kesan yang baik. Permohonan untuk dikorporatkan ini hanyalah secara sukarela. Jadi, kalau badan itu sukarela mendaftarkan diri sebagai badan korporat di bawah undang-undang ini hanya boleh dibuat di bawah undang-undang ini dan terus di bawah kawal selia pendaftar atau *registrar*, *assistant registrar* dan sebagainya.

Jadi, kita memang melihat juga kalau seorang itu mempunyai satu badan atau kumpulan yang mempunyai satu badan, tidak hendak mendaftarkan diri, dengan sendirinya terkeluar daripada kawal selia *registrar*. Jadi, inilah yang dikatakan satu *lacuna* ataupun *vacuum* yang perlu diisi. Kalau kita kawal begitu ketat sekali satu badan yang didaftar di bawah satu undang-undang, kita perlu juga melihat bahawa yang tidak dikawal, yang tidak mahu mendaftarkan dan tidak dikawal di bawah Pertubuhan Perbadanan, iaitu *Society Act*, dengan izin, sepatutnya juga mempunyai satu kawalan dan penentuan yang sama.

Jadi persoalannya, adakah kerajaan akan mencadangkan supaya yang tidak mahu mendaftar di bawah undang-undang ini supaya diberi satu peruntukan dalam satu perundangan lain. Ini Ipoh Barat kena dengar.

Saya memohon kepada kerajaan supaya undang-undang *Society Act* itu dengan izin, dipinda untuk diterjemahkan, merealisasikan kehendak kerajaan secara menyeluruh. Apa yang masuk dalam undang-undang ini dimasukkan juga ke dalam *Society Acts* atau *ordinance* supaya kerajaan dengan secara menyeluruh mempunyai kawal seliaan kepada semua *trustees* di seluruh negara sama ada didaftar di bawah undang-undang ini atau di bawah kawal selia pihak *Registrar of Society* dengan izin.

Sebabnya adalah tidak adil kalau yang mahu mendaftar di bawah undang-undang ini diberi satu kawal selia yang ketat, yang tidak mahu mendaftar oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, dia tidak mahu mendaftarkan dan dia wujud dengan begitu sahaja di bawah kawal selia *Registrar of Society*, dengan izin, jadi dia tidak mempunyai kawal selia yang ketat.

Masalah yang dipandang mungkin berlaku di bawah undang-undang ini mungkin juga berlaku, bahkan pernah berlaku dan sedang dan akan terus berlaku kepada *trustee*, kepada badan-badan yang tertentu.

Umpamanya satu badan yang didaftar di bawah Pendaftar Perbadanan Society Act, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Melantik tiga orang di bawah undang-undang sekarang, tiga orang *trustees*. Bila dilantik mungkin ada masalah di antara *trustee* dengan badan itu sendiri dan masalah ini berlaku siapa hendak mengawal selia, undang-undang perbadanan tidak mencukupi untuk mengawal selia, tidak ada peruntukan yang mencukupi sebagaimana yang ditunjuk dalam pindaan yang begitu ketat sekali, boleh dipanggil, boleh dibubar dan boleh harta bendanya ditukar dan dipindah kepada *trustees* yang akan dilantik ataupun bakal dilantik ataupun *trustee* lain ataupun dipegang oleh pihak perbadanan ini.

Jadi ini memang kita merasa sedikit kurang senang, bukan undang-undang ini yang kita tidak senang, saya kata tak senang Tuan Yang di-Pertua, bukan undang-undang ini. Yang saya tidak senang, orang yang tidak mendaftar umpamanya satu badan ABC daftar *society*, lantik tiga *trustees* pegang harta, pegang duit umpamanya berlaku satu masalah, jawatankuasa itu tidak boleh mengawal selia kena *trustee* itu dengan sendiri kata, "tidak boleh". Apa tindakan akan diambil, mungkin pergi mahkamah, pergi mahkamah kita tahulah proses mahkamah tu dia panjang, makan masa dua peguam, kalau dua peguam berjumpa ini banyaklah perbincangan, di antara perbincangan inilah banyak yang tunda menunda, banyaklah proses bermacam-macam lagi mungkin setahun, dua tahun, tiga tahun dalam masa yang sama apa yang berlaku kepada badan ini *cripple* apa usaha mereka terbengkalai.

Jadi sepatutnya kita mempunyai peruntukan yang tertentu kalau badan sebagaimana undang-undang dipinda kita ada dengan sendiri ahli dalam badan itu boleh melapur kepada *Registrar*, *Registrar* boleh mengambil tindakan dan membubarkan *trustee* yang dilantik itu dan mengambil alih hak harta bendanya, mengambil alih tugasnya, mengambil alih sumber-sumber kewangannya dan kuasanya dengan sendiri harta benda, kerja, aktiviti boleh dilaksana sebagai biasa dan pertelingkahan apa berlaku antara individu akan diasingkan dengan badan itu sendiri. Jadi dalam keadaan senario sebegini, Tuan Yang di-Pertua saya mengalu-alukan pindaan ini walaupun ada kecurigaan yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat

tadi., Soalan Seksyen 20(4) yang Tuan Yang di-Pertua sendiri telah *quote rightly* dengan izin, mengatakan bahawa:

*“Nothing done or omitted to be done by the Registrar, Deputy Registrars and Assistant Registrars shall, if done or omitted to be done in good faith for the purpose of executing the provisions of this Act, subject any of them to any action, liability, claim or demand.”*

dalam perkataan konteks *good faith* memang betul, adalah satu teknikal *word* dalam perundangan yang mempunyai *various shade and colour* dalam keadaan yang tertentu. Jadi saya cukup yakin pihak kehakiman kita, mahkamah kita berupaya menterjemahkan dalam situasi yang tertentu apa ertinya *good faith* dan boleh mengadili situasi pegawai kerajaan sebagai *Registrar* ataupun *Assistant Registrar, Deputy Registrar* kalau betul-betullah dia melakukan kesalahan melandaskan *mala fide* atau *bona fide action*. Jadi dalam keadaan sedemikian saya tidak ada rasa ragu-ragu jikalau mahkamah itu diberi peluang untuk memberi dan menilai soalan apa dikatakan *goodfaith*.

Saya cukup yakin macam Tuan Yang di-Pertua sendiri bekas hakim mengetahui apa yang hakim bagi tahu pada Ipoh Timur. Jadi yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua ialah perundangan di bawah Seksyen 21 iaitu *by law* yang hendak kita tubuhkan kendaklah diperincikan tugas dan tanggungjawab ini dan ini juga saya serah kepada pihak Menteri, Timbalan Menteri dan kementerian. Menteri dan Timbalan Menteri sendiri pun seorang peguam saya cukup yakin boleh buat perincian, peruntukan yang kita bakal buat di bawah undang-undang pindaan ini untuk perbetulkan garis panduan yang perlu dibuat dan diguna pakai oleh pihak Pendaftar, Pembantu Pendaftar, Penolong Pendaftar dan sebagainya untuk mengguna pakai menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka di dalam undang-undang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua ada satu keraguan juga, tiap-tiap perundangan memang ada keraguan kita, yang ingin kita ketahui dan kita bertanya dengan pihak kementerian di bawah seksyen... minta Timbalan Menteri lihatlah seksyen yang saya sebut ini dan minta jawapan secara jelas. Saya mungkin tidak sibuk kalau pembangkang dia menyibuk, jadi kita minta hendaklah kementerian jawab., Pembangkang menyibuk jadi saya tidak menyibuk!



Persoalan di bawah Seksyen 19 iaitu apabila satu-satu *cooperation* itu dibubarkan ataupun terubur siapa yang bertanggungjawab atas kos kerana tiap-tiap implikasi dengan kerajaan ini kadang-kadang mempunyai kos yang tertentu, jadi kalau dalam keadaan ini sekarang saya membuat satu perbandingan, kalau satu badan mempunyai satu *trustee* dan *trustee* itu tidak lagi mempunyai kepercayaan jawatankuasa, badan-badan yang tertentu ataupun pertubuhan yang tertentu dia boleh melantik *trustee* yang lain biasanya dilakukan dalam satu mesyuarat agung tahunan ataupun dua tahun sekali melantik *trustee* mereka. Apabila *trustee* diganti maka dengan sendirinya kalau harta benda yang dipegang oleh *trustee* lama akan ditukar kepada *trustee* yang akan datang dan penukaran ini biasanya dibiayai oleh pihak badan itu sendiri, dan badan ini boleh mendapatkan pengecualian setem dan kos kerajaan, kalau dia bercorak ataupun telah diterima sebagai satu badan *charitable* oleh pihak kerajaan dan mendapat *tax exemption*. Kalau tidak dia terpaksa bayar kos, tetapi kalau harta benda itu hanya 200 ribu tidak apalah sikit sangat, sikit sahaja boleh dibiayai. Tapi kalau kos barang yang dipegang oleh *trustee* ini sampai menjangkau sampai 20 juta, 30 juta kos setem *duty*, penukaran umpama kalau di Sarawak 20 juta itu banyak betul setem *duty*, jadi siapa hendak bayar. Persoalannya siapa hendak bayar, kos penukaran pindaan ini.

Jadi ini satu keraguan yang saya bimbang, kalau satu *trustee* itu diperbadankan tujuan ialah matlamat besar, kalau matlamat besar mungkin mahu cari *business* yang besar dan kalau *business* dia besar, kalau berlaku penggubalan atau *dissolution* sendiri di bawah undangan ini berlakulah pertukaran. Tujuannya elok Tuan Yang di-Pertua, amat elok sekali sebab mengapa saya mengatakan elok sekali kerana dalam proses yang lama di bawah *trustee* keadaan biasa di bawah *registrar society*, dengan izin, tidak mempunyai proses ini. Jadi *prosedur* ini amat baik, amat menyenangkan, tetapi kalau berlaku tu siapa yang bayar kos, itu yang perlu dipertimbangkan, adakah kerajaan boleh secara *gratis* dengan izin, memberi yang diarahkan oleh pihak *Registrar* ini ataupun dialahkan yang mendapat satu pembayaran setem *nominal* sahaja, kerana saya percaya ini juga tidak adil bagi pihak yang berkenaan membayar kos oleh kerana *Registrar* membuat keputusan dan untuk penukaran *trustees* yang tertentu. Dalam masa saya membincangkan soalan ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan secara serius, secara benar meminta kerajaan supaya membawa balik undang-undang *registrar of society* ke Dewan dan

membawa apa-apa peruntukan dalam undang-undang ini untuk dimasukkan ke dalam *trustee ordinance* atau *act* supaya *registrar of society* mempunyai kuasa yang sama diguna pakai, begitulah saya memuji kerajaan, kementerian Yang Berhormat bagaimana baiknya undang-undang ini untuk negara kita.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu yang ini dapat kawal selia, dapat kemudahan dan dapat pemantauan kerajaan, yang sebelah ini lagi, walaupun sebab mereka, mungkin oleh kerana kecuaiian atau sebab-sebab yang tertentu dan sebagainya, ia tidak mendaftar dan tidak dapat kawalan. Banyak kita lihat dan saya banyak terlibat dengan perbadanan, walaupun saya sendiri tidak terlibat dengan masalah.

Saya melihat, masalah selalu berlaku di antara perbadanan dengan *trustee*. Kalau ini berlaku, kita ada cara lain, mesti pergi ke mahkamah dan proses mahkamah memakan masa dan ini membuang masa semua orang. Jadi, ini perlu dilihat dan pihak kementerianlah, membawa saranan saya ini kepada pihak-pihak yang tertentu supaya badan-badan di bawah *Registrar of Society Act* ini, boleh mendapat kemudahan yang sama.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu perkara lagi, kerana pada masa sekarang ialah peringkat dasar. Jadi, saya bolehlah kadang-kadang pergi mengail ke Laut China Selatan sedikit, menangkap ikan, walaupun kita mengail gelama di tepi laut sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Senyum]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Ketawa]* Jadi, ke laut China Selatan kita Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya dengan Menteri. Soalan pertama, yang saya hendak tanya dengan Menteri, adakah *registrar* di bawah undang-undang ini berkuasa untuk menggubal pemegang amanah di bawah Amanah Raya ataupun ia wujud dengan sendiri dan tidak boleh dimasukkan dalam perundangan ini ataupun tidak termasuk dalam perundangan ini. Itu, soalan yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, barulah saya mula membukakan layar ataupun mendayungkan sampan ke laut sedikit, hendak bertanya soalan undang-undang Amanah Raya ini. Undang-undang Amanah Raya ini amat baik Tuan Yang di-Pertua tetapi malangnya belum lagi dihantar ke Sarawak dan mungkin juga ke Sabah. Jadi, apa yang berlaku dalam keadaan sedemikian ialah, apabila perselisihan ataupun kebuntuan berlaku di antara *beneficiaries* dengan izin, orang yang mendapat keuntungan daripada satu-satu harta, keluarga dan sebagainya itu, sekarang, kalau di Semenanjung, boleh dibawa kepada Amanah Raya dan Amanah Raya boleh mentadbir dan bawa perkara ini ke mahkamah dan melantik *administrator* di mahkamah.

Namun di Sarawak dan mungkin juga di Sabah, kita mempunyai perundangan yang lain iaitu *Trustee Ordinance* di Sarawak, yang mana apabila berlaku perbalahan di antara adik-beradik ataupun keluarga, yang bakal menerima keuntungan daripada pembahagian harta dan pelantikan *letter of administration*, tidak boleh dibuat. Pelantikan *administrator* tidak boleh dibuat. Dengan sendirinya, harta itu akan terbengkalai dan terbiar begitu sahaja. Kadang-kadang pengalaman saya, ada perkara ini berlaku sampai 20 tahun, tidak boleh diselesaikan. 20 tahun ini kata dia, menunggu semua adik-beradik ini mati dahulu. Bila sudah mati, baru dengan hasrat, hakikat dan pandangan mereka, baru masalah adik-beradik yang bergaduh ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya, bila adik-beradik bergaduh, anak-anak cucu ini pun bergaduh juga. Jadi, mula-mula bergaduh enam orang, bila emak dan bapa mati, bergaduh sampai jadi 100 orang, cucu-cucu pun sudah bergaduh dah. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, harta benda yang *disputed properties*, di kalangan penerima ini tidak teratur. Jadi, amat penting sekalilah Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan orang Sarawak. Tidak banyak orang Sarawak, dua juta lebih sahaja. Orang Sabah hampir dua juta. Tidak banyak, empat juta lebih tetapi masalah mereka yang empat juta ini banyak Tuan Yang di-Pertua. Mungkin berpuluh juta tanah, harta benda dia. Bukan nilai, hitungan harta itu sahaja. Kalau dinilai dengan secara kasar, mungkin berpuluh-puluh dan beratus juta. Ini, masalah kita.

Kita kena mempercepatkan pemanjangan undang-undang Amanah Raya ini ke Sarawak dan Sabah supaya pentadbiran harta yang bakal diberi kepada pihak penuntut dapat dibuat secara sistematik, cepat dan bersesuaian dengan kehendak

undang-undang. Kalau undang-undang sivil, bukan orang Islam, boleh dibahagi mengikut apa yang *Civil Court* beri arahan. Kalau undang-undang Syarie, mengikut undang-undang fikah dan dibahagi oleh Mahkamah Syariah, yang telah membahagikan harta itu dan *trustee* di bawah Amanah Raya ini boleh membahagikan harta dengan secepat yang boleh. Jadi, ini amat penting.

Jadi, saya bersetuju dan Yang Berhormat bagi Tanjong Malim pun kata penting. Saya berharap pihak kementerian membawa perkara ini ke hadapan, agar saya tidak mengkritik orang lain tetapi saya sendiri terlupa membawa perkara yang penting ke mahkamah ini. Saya sebut dua perkara iaitu rang undang-undang *Registrar of Society* dengan izin, dan yang saya sebut ini Amanah Raya, yang kedua

Jadi, ini adalah kepentingan bersama, kepentingan masyarakat Malaysia, supaya bukan sahaja kita hendak menyeragamkan undang-undang tetapi menyeragamkan *benefit* undang-undang pada semua masyarakat Malaysia. Walaupun kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang perbincangan di antara pihak Kerajaan Pusat dengan pihak kerajaan negeri, berpanjangan tetapi kadang-kadang orang yang berbincang itu tidak melihat masalah sendiri. Sebagai pengamal undang-undang, saya mengetahui dan melihat, orang yang berhadapan dengan masalah. Mula-mula dia bawa masalah, dia punya misai dan janggut masih hitam, rambut dia masih tebal. Habis masalah selesai, rambut dia hilang, kepala sudah botak, janggut sudah putih, misai pun sudah putih. Wang, harta ini pun, dia tidak minat sangat lagi dah. Dia sudah cerita satu dah. Dia sudah menurun bukit, segala lembah dia sudah jalan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah. Jadi, buat peringkat ini, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Parit Sulong.

**12.08 tgh.**

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang sentiasa peka dalam memastikan usaha-usaha supaya pemegang amanah dapat memegang amanahnya dengan begitu baik sekali. Saya suka menyentuh satu perkara sahaja iaitu apabila seseorang pemegang amanah dilaporkan tentang mungkin pecah amanah. Maksud

saya, ahli-ahli persatuan ataupun pemegang-pemegang amanah yang lain melaporkan kepada pihak berkuasa ataupun kepada pendaftar atau seumpamanya tentang kemungkinan seseorang pemegang amanah itu melakukan pecah amanah atau penyalahgunaan kuasa.

Jadi, dalam keadaan itu, apakah kedudukan seorang pemegang amanah? Apakah kuasa-kuasa yang ada pada pendaftar terhadap pemegang-pemegang amanah, yang sedang disiasat dan dalam proses keadilan dan seumpamanya? Kalau sekiranya berlaku lebih daripada dua atau tiga orang pemegang amanah yang dilaporkan dan menjadikan pemegang-pemegang amanah itu mungkin tidak cukup dia punya majoriti dan seumpamanya untuk membuat sesuatu keputusan, jadi apakah yang boleh dilakukan oleh pihak *registrar* dalam perkara seumpama itu? Saya lihat, mungkin ini boleh dipertimbangkan dan difikirkan dan mungkin boleh dimasukkan di dalam pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong. Selepas itu Menteri boleh jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Tanjong, ada lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tanjong ada. Okey, baik.

#### **12.10 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini yang merupakan satu usaha oleh Peguam Negara untuk memperketatkan undang-undang berkaitan dengan pemegang amanah. Saya ada dua perkara yang hendak saya sebutkan di sini. Yang pertama, mengenai kuasa Menteri dan yang kedua aktiviti-aktiviti haram yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perkara yang digemari oleh Peguam Negara, itu menunjukkan minatnya untuk menangani masalah-masalah yang timbul kerana kewangan amanah ini. Dari pengalaman saya, bukan sahaja pemegang amanah yang melakukan aktiviti haram, bahkan juga ada pemegang amanah yang tidak melakukan tugasnya dengan betul. Ini satu perkara yang sangat serius dan dengan lulusnya rang undang-undang ini, saya berharap semua pemegang amanah

akan menganggap pelantikan sebagai pemegang amanah itu adalah begitu penting dan ini disekat oleh peruntukan-peruntukan pemegang-pemegang amanah.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, sering kali kita nampak ada sesuatu badan amanah yang ditubuhkan dan pemegang-pemegang amanah dilantik. Walaupun misalnya ada 6 orang atau 7 orang ahli pemegang amanah, kalau 5 orang hendak mematuhi semua objektif yang ditetapkan di dalam badan amanah itu, tetapi ada satu orang pemegang amanah yang tidak mahu, dia boleh buat apa-apa sahaja untuk menghalang orang-orang lain yang benar-benar hendak melaksanakan objektif-objektif amanah itu, maka badan amanah ini tidak boleh berfungsi langsung.

Saya tahulah satu badan amanah yang saya ketahui, 10 tahun pun tidak boleh berfungsi dan dengan rang undang-undang ini, mungkin perkara seumpama ini dapat diselesaikan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, yang saya nampak daripada semua fasal, Fasal 5 kepada Fasal 11 di sini, hampir semua yang memberi kuasa yang begitu besar kepada Menteri. Kalau kuasa ini digunakan dengan betul, kita tidak mempertikaikan, cuma saya berharap dengan kuasa yang begitu besar, kita mesti ada *caveat*, mesti ada peruntukan untuk menghalang pihak Menteri daripada menyeleweng.

Bukan semua Menteri itu insan yang kamil, bukan semua dan sebab itulah saya di sini bangkitkan, kerana mungkin kita perlukan satu fasal lagi untuk memastikan Menteri tidak boleh menyalah kuasa yang begitu besar yang diberi melalui rang undang-undang ini. Di sini saya hendak mencadangkan, dari segi aktiviti haram yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang satu perkara yang sangat penting sekali.

Saya berharap pihak kerajaan boleh menggubal satu akta, *Terrorist Financing Act*, sebab saya nampak undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi untuk menangani masalah penganas. Penganas yang saya maksudkan bukan penganut Islam sahajalah, penganas boleh datang daripada pelbagai agama. *Tamil Tigers* pun bukan Islam, dan sebenarnya *suicide bombing* dimulakan oleh *Tamil Tigers*, lebih dua dekad yang lepas, bukan sekarang sahaja. Ini bukan Islam, *Tamil Tigers* itu, Hindulah tu.

Maksud *terrorist* ataupun penganas saya ini bukan ditujukan kepada satu agama sahaja, semua penganas dari pelbagai negara, kerana Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali saya menyarankan supaya satu rang undang-undang atau

*Terrorist Financing Act* digubal dan seterusnya kita mesti adakan satu pasukan petugas untuk menangani semua.

Saya tahu di pasukan polis kita ada bahagian untuk mencegah pengganas, termasuk Cawangan Khas (*Special Branch*) dan sebagainya, tetapi bagi saya walaupun mereka boleh tangkap ahli-ahli jemaah Islamiah, Al-Ma'unah dan sebagainya, tetapi bagi saya untuk menangani masalah yang begitu besar mengenai terrorisme ini kita perlukan satu pasukan petugas untuk ini dan bersama-sama dengan *Terrorist Financing Act*.

Saya bangkitkan hal ini kerana terrorisme ini sangat rumit sekali, saya pun tidak begitu faham juga, tetapi ada satu buku teks daripada University of California di sini, yang ditulis oleh Gritz Martin, *Associate Professor di University of California*, "*The Understanding Terrorism: Challenges, Perspective and Issues*", dengan izin.

Dengan izin, "It is important to understand that the study of terrorism is first and foremost the study in human behavior. It is an investigation of highly volatile human into action, causes that investigate. Terrorism must therefore review the events, ideas, motivations, theories and histories that result in terrorist violence. One of these factors can be discussed in isolation from one another if the reader wishes to develop of facility of critically evaluating the nature of terrorism."

Walaupun ini bukan satu rang undang-undang untuk memperbincangkan terrorisme, saya berharaplah pihak kerajaan akan membentangkan satu usul untuk membincangkan terrorisme.

Walau bagaimanapun, "*Thus the study of terrorism is one of the most mounty disciplinary subjects in the Social Sciences, it is also one of the most dynamic subject.*"

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali mengenai kewangan, kewangan terrorisme, kalau tidak ada wang tidak boleh berlagak dan tidak boleh beraktif sama ada Al-Qaeda, Jemaah Islamiah ataupun badan-badan *terrorist* yang lain, pengganas yang lain, kalau tidak ada wang tidak boleh bergerak, mesti tidak boleh bergerak.

Dan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak petikkan di sini, sedikit sahajalah, tidak banyak, misalnya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan jauh daripada tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak, tak, tak jauh, kerana kita tengok daripada awal lagi. Tidak, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang yang kita bincangkan ialah akta pindaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pindaan, pindaan itu mengenai diberi kuasa kepada menteri, saya ada meneliti untuk mengawal selia supaya aktiviti-aktiviti jangan tersasul. Jangan tersasul ya, bukan tersasar, tersasul ya. Dan termasuklah kekebunan di dalam peruntukan-peruntukan dan keprihatinan pihak kerajaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan yang penting sekali yang ditekankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, aktiviti-aktiviti haram, itu yang dimaksudkan, ini dimasuk, dia bersetuju tadi, aktiviti-aktiviti haram.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia bersetuju tetapi saya mengikut Peraturan Mesyuarat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pun ikut Peraturan Mesyuarat juga Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi jauh sangat, jangan pergi jauh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak, tak jauh, memang tak jauh sangat itu, sebab kita hendak cadangkan satu akta Terrorist Financing Act di dalam Dewan ini dan saya dengan sedikit sahajalah, tidak banyak.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, sebab di dalam Dewan ini kita tidak pernah membincangkan secara khusus mengenai terrorisme, tidak pernah. Dan pendekatan pihak Amerika, saya pun tidak bersetuju juga, ia hanya mengambil tindakan untuk menyerang Afghanistan, Taliban untuk menduduki Iraq dan dengan sedemikian dia anggap boleh selesaikan masalah terrorisme, ini tidak boleh.

Saya nampak kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada mengatakan bahawa kita mesti mendalami faktor-faktor yang menyebabkan terrorisme, termasuklah yang berlaku di selatan Thailand itu memang satu perkara yang penting untuk Malaysia.

Kerana apa yang berlaku di situ, orang-orang yang terlibat ataupun pelari-pelari akan lari ke Malaysia. Begitu juga dengan Abu Sayyaf, apa yang berlaku di selatan Filipina akan menjejaskan pihak Malaysia juga. Sebab itulah saya bukan sahaja kita mahu semua badan yang kena mengena dengan kewangan termasuk amanah dipindahkan secocok dengan perkembangan semasa, bahkan juga *anti-laundering* pun mesti kita buat dan sebagainya.



Satu perenggan sahaja, tidak banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah, bolehlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Countering Terrorist Financial Operations*, ini seorang yang korban, Mohamad Attar, di sini saya hendak tekankan semua agama termasuk Islam tidak mengajar kita untuk mengorban begitu sahaja, tidak. Tidak langsung, sama ada di buku-buku suci Buddha ataupun Al-Quran, tidak, saya baca - tidak ada langsung.

Mohamad Attar, dengan izin, *the leader of the September 11 attack, was closely affiliated with Al-Qaeda members operating in several countries. He apparently receive wire transfers of money in Florida from operatives in Egypt, and was in close contact with the sectarian who manage financial resources in Hamburg, Germany as limit suggest that the total cost of the attack was US\$300,000 which is a small sum for the amount of destruction and disruption.*

*That resulted, very few if any, of these fund came from State sponsors, they instead came from private accounts run by Al-Qaeda operatives.*

Inilah banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, satu buku teks macam ini besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Buku itu untuk rujukan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya, untuk bacaan sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya, sebab saya berharap satu hari kita boleh membincangkan secara terperinci mengenai masalah terrorisme di dalam Dewan ini dan undang-undang yang sedia ada sama ada cukup untuk menangani semua masalah seumpama ini ataupun kita perlukan undang-undang yang baru untuk mengatasi masalah semasa di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak bangkitkan satu perkara sahaja mengenai "*Revocation or suspension of certificate of incorporation*".

Di sinilah saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menerangkan:

*"The Minister may by order revoke the certificate incorporation, if –*

- (a) the incorporation was effected as a result of fraud or mistake or misrepresentation in any material particular;*

(b) *the body or association of persons by whom the trustee or trustees constituting the body corporate are appointed is likely to be used for unlawful purposes or purposes prejudicial to or incompatible with the security of Malaysia or public order or morality in Malaysia or any part thereof.*"

Dan teguran Tuan Yang di-Pertua pun mungkin tidak begitu tepat juga kalau kita baca di sini, 17 (1) dan di dalam ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya suka merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36 (1).

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya ulangi, *"the body or association of persons by whom the trustee or trustees constituting the body corporate are appointed is likely to be used for unlawful purposes or purposes prejudicial or incompatible with the security of Malaysia or public order or morality in Malaysia or any part thereof."*

Hah itulah merangkumi sangat luas, bukan sahaja pindaannya, itu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat dibenarkan, hanya saya meminta jangan keluar jauh daripada tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak keluar langsunglah, Tuan Yang di-Pertua, macam mana ada keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tahu Yang Berhormat selalu ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jalan tidak tersasul langsung, tidak pernah jugalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat memang setiakah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Taklah, walaupun Yang Berhormat bagi Tumpat kata saya ini memancing, tidak perlu memancing juga .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerana ia terkandung di dalam akta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya, tajuk ya, ya saya balik, memang balik. Di sinilah saya hendak menanya pihak kerajaan berapa badan atau *body corporate* kita itu sudah

didapati melanggar undang-undang Malaysia dan juga ada kena mengena dengan penggunaan haram ataupun menjejaskan keselamatan Malaysia.

Kita perlu tahulah sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin beliau kabur juga mengenai hal ini, tidak menerangkan kepada kita mengapa kita perlukan satu pindaan seumpama ini, tidak berikan kes-kes ataupun bilangan kes yang kena mengena dengan keselamatan negara ini.

Dan itu sahajalah, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat pun hendak berucap juga? Tadi Yang Berhormat bagi Tumpat tidak bangun? Baik, Tanjong.

**12.30 tgh.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi kesempatan ini turut mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) tahun 1952. Saya mengambil sedikit masa sahaja untuk memberi sedikit sebanyak respons saya terhadap apa yang cuba dibawa oleh pihak kerajaan dalam perkara ini.

Saya rasa Yang Berhormat bagi Kepong memang telah membawa isu yang penting, yang sesuai mengikut Seksyen baru 17(1)b ini iaitu mengenai pembatalan perakuan sesuatu pertubuhan atau perbadanan apabila ianya didapati berkemungkinan digunakan untuk tujuan yang tidak selaras dengan undang-undang atau pun dengan tujuan yang akan memudaratkan keselamatan atau ketenteraman awam ataupun *morality* di Malaysia ini.

Saya rasa apabila kita membuat rujukan terhadap perkara ini bahawa pada tahun yang lepas, bekas Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri, iaitu Yang Berhormat bagi Jelebu yang bertanggungjawab ke atas perkara ini telah menyuarakan keprihatinan beliau dan juga hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah berhubung dengan kegunaan wang tabung oleh pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan aktiviti-aktiviti seperti yang dimaksudkan dalam Seksyen 17(1)b yang memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia.

Pada masa itu beliau menyuarakan hasrat pihak kerajaan akan mengawal keadaan itu sebab menghadapi cabaran dan ingin menangani masalah yang

ditimbulkan oleh kumpulan-kumpulan seperti KMM, JI, Al-Qaeda dan sebagainya pada tahun 2002 dan 2003. Beliau berkata kerajaan berhasrat untuk menggunakan satu pindaan kepada Akta Pemegang Amanah untuk menyekat sumber kewangan dan mengawal selia kumpulan-kumpulan ini dapat disekat dari menggunakan kewangan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang akan memudaratkan keselamatan dalam negeri ataupun bersubahat dengan rangkaian pengganas antarabangsa untuk menggunakan Malaysia sebagai satu *launching pad* kepada aktiviti-aktiviti keganasan di seluruh negara ini.

Walaupun di dalam Seksyen 17(1)b ini telah menggambarkan hasrat kerajaan dari segi ini seperti yang disyorkan oleh bekas Menteri yang saya katakan tadi tetapi saya rasa dalam pembentangan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada menyentuh perkara yang saya anggap sangat penting. Walaupun memang menjadi hasrat asal kerajaan untuk menangani masalah ini tetapi nampaknya di dalam pembentangan rang undang-undang tadi tidak dapat menggambarkan satu *determination* pihak kerajaan untuk menghuraikan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menangani isu ini sebab beliau nampaknya tidak seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, tidak menerangkan apa-apa tindakan yang akan diambil dan sebagainya, selain daripada membentangkan seksyen yang berkenaan di dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan ini adalah satu langkah positif untuk mencegah kegiatan aktiviti keganasan yang dianjurkan di negara ini melalui sekatan kewangan melalui pemegang amanah. Saya mohon kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah kerajaan telah mengenal pasti pertubuhan-pertubuhan yang terbabit dengan menggunakan dana dan tabung kewangan yang diperolehi, sama ada daripada sumbangan awam, melalui derma, *charity* dan sebagainya mahupun melalui keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan tertentu bagi tujuan menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam negara ini, ataupun menggunakan wang yang mereka diamanahkan untuk disalurkan kepada rangkaian kumpulan pengganas sama ada di dalam negeri ini atau di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas pihak kerajaan telah pun memberi arahan kepada Bank Negara dan bank-bank di negara ini untuk memantau dan menyekat urusan-urusan kewangan pertubuhan yang disyaki berkait dengan aktiviti-

aktiviti keganasan. Saya ingin tahu dan memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau ada maklumat, memaklumkan kepada Dewan ini sama ada arahan ini telah pun dilaksanakan dan jika ada, apakah ia berkesan untuk mencapai matlamatnya.

Saya menyeru kerajaan menambahkan lagi usaha untuk menafikan kumpulan-kumpulan penganas daripada mendapat peluang dan sokongan kewangan daripada sistem kewangan antarabangsa dan juga mengambil ikhtiar untuk menghancurkan kemampuan kumpulan-kumpulan ini daripada mendapat kewangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti mereka.

Satu lagi isu yang saya ingin dan juga memberi sedikit respons iaitu apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat bagi Santubong adalah berasas iaitu berhubung dengan pengasas yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pengasas dan juga hubungan di antara pengasas dan pemegang amanah. Jadi, saya rasa apabila Yang Berhormat bagi Jelebu mengutarakan masalah pada masa itu, kerajaan menganggap satu masalah yang timbul adalah tiada kawalan terhadap pengasas. Pengasas di sini saya sifatkan sebagai kumpulan-kumpulan yang disyaki mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti keganasan.

Jadi, memang menjadi satu masalah untuk mengawal atau menyekat pengasas ini apabila mereka tidak didaftarkan ataupun mereka dengan sengajanya tidak mahu berdaftar sebagai satu pertubuhan yang sah supaya *escape* daripada kawal selia pihak kerajaan dan jika pengasas tidak dapat dikawalselia, apatah lagi pemegang amanah yang juga tidak didaftarkan, saya rasa perkara ini perlu ditangani oleh pihak kerajaan jika kerajaan bersungguh-sungguh ingin menangani masalah sumber kewangan melalui pindaan ini atau lain-lain perundangan seperti *Anti-Money Laundering Act* ataupun *Terrorist Financing Act* yang disyorkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong ini haruslah diberi perhatian yang bersungguh-sungguh oleh pihak kerajaan.

Saya berharap respons ini akan dapat membantu dan memberi manfaat dalam usaha kerajaan menangani isu yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tumpat dan selepas Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

**12.37 tgh.**

**Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Saya juga ada sedikit pandangan yang hendak disumbangkan kepada perbahasan kita mengenai dengan cadangan untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

Pertamanya, kita perhatikan bahawa rang undang-undang dalam tahun 1952, yang juga dipanggil ringkasnya Akta 258 dan Akta Ibu ini sebagaimana yang diedarkan melalui Pusat Sumber kita, adalah dibentangkan ataupun sekurang-kurangnya diedarkan dalam terjemahan Bahasa Malaysia selengkap-lengkapnyanya daripada Seksyen 1 hinggalah Seksyen 16. Tahun 1952 aktanya yang disemak pada tahun 1981. Yang dipinda pada hari ini, cadangannya dan rang undang-undangnya di dalam bahasa Inggeris kesemuanya. Saya fikir ini satu kelemahan yang amat nyata yang saya harap rakan-rakan saya, tokoh-tokoh, pakar-pakar, pejuang-pejuang bahasa dalam negara kita dan dalam parti-parti komponen Barisan Nasional mengambil berat akan perkara ini.

Tahun 2004, rang undang-undang masih lagi dalam bahasa Inggeris, untuk meminda rang undang-undang tahun 1952 yang terjemahan bahasa Malaysia pun sekurang-kurangnya sudah ada dan diedarkan kepada kita. Ini juga kalau istilah peguam satu *lacuna*, satu kekosongan, satu kelemahan yang nyata dalam bidang pembentangan persiapan rang undang-undang yang masih ada di Jabatan Peguam Negara, kita ini di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Jadi, saya ingin mencadangkan dengan tegas dan keras supaya rang undang-undang yang hendak dibawa ke Parlimen selepas ini dalam tahun 2004 ini jangan lagi di bawa dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Kebangsaan negara kita.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya sealiran dengan rakan saya Yang Berhormat bagi Kepong untuk menjelaskan bahawa apabila kita bercakap tentang keganasan (*terrorism*) ia tidak boleh dirujuk kepada satu-satu kaum, satu-satu agama atau satu-satu kumpulan ataupun satu-satu negara. Saya secara khususnya ingin menjelaskan bahawa dari sudut pandangan, konsep amanah ini amat penting. Nabi Besar Muhammad s.a.w sebelum baginda diangkat menjadi Nabi pun, telah digelar

oleh rakyat Mekah ketika itu Al-Amin iaitu seorang yang boleh diberi amanah, seorang penjaga amanah yang terkenal diiktiraf oleh semua kaum, kumpulan, masyarakat yang ada di Kota Mekah pada ketika itu.

Jadi konsep amanah itu kita setuju adalah konsep yang amat penting. Akan tetapi daripada kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas tadi ada sedikit percanggahan pandangan dengan pihak kerajaan walaupun datang daripada Ipoh Barat ataupun Santubong, yang seolah-olah mendesak supaya undang-undang ini merangkum semua aspek dan semua penglibatan aktiviti berkaitan dengan pegangan amanah. Saya secara peribadi agak kurang bersetuju dengan pandangan tersebut. Saya lebih berpuas hati dengan keadaan yang ada hari ini yang mana amalan pegang amanah dan pemegang amanah ini tidak diwajibkan kepada semua aspek aktiviti masyarakat kita yang berkaitan dengan pegangan amanah.

Secara mudahnya Tuan Yang di-Pertua, pengkaji-pengkaji berkenaan dengan amanah atau *trust* dan *trust deed* ini mengatakan bahawa ada sekurang-kurangnya dua bentuk amanah. Satunya Amanah Peribadi (Private Trust) dan satunya Amanah Umum (Public Trust). Amanah Peribadi ini seperti Tuan Yang di-Pertua, ada harta sedikit, bimbang akan kehilangan harta itu apabila berlaku apa-apa keadaan dan sebagainya, maka membuka satu akaun amanah, membuat satu *trust deed* untuk melepaskan harta tersebut kepada anak misalnya yang masih kecil, masih berumur 9, 10 tahun, itu adalah amanah.

Saya fikir perjanjian-perjanjian dan *trust deeds* seperti itu yang melibatkan amanah peribadi kita atau sesiapa di kalangan warga kita tidak seharusnya dan tidak semestinya dimasukkan di bawah rang undang-undang ini yang memangnya tidak dimasukkan. Sebab itu saya merasakan bahawa desakan dari Ahli-ahli Yang Berhormat supaya semua aspek amanah dimasukkan di bawah rang undang-undang ini, saya berbeza pandangan dan saya lebih selesa dengan keadaan yang ada ini. Yang pentingnya amanah rakyat, amanah yang melibatkan harta orang ramai. Itu saya bersetuju diberikan kawalan yang lebih sempurna, yang lebih ketat.

Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, amanah negara yang terbesar sekali ialah Kumpulan Wang Amanah Negara yang mana laporannya dibentangkan. Yang mana kononnya tujuan ini, tujuan Kumpulan Wang Amanah Negara ini ialah sebagaimana yang termaktub dalam aktanya untuk memastikan penggunaan optimum sumber-sumber asli negara yang merosot bagi faedah generasi akan datang dan

memberi sumber pendapatan yang berterusan dan stabil kepada kerajaan negara.

Cukup hebat tujuan dan niatnya iaitu untuk menyimpan wang Petronas supaya tidak pergi ke tempat-tempat, tujuan-tujuan, membina mahligai-mahligai, membina kota-kota tetapi kalau kita baca akaunnya sumbangan Petronas kepada Kumpulan Wang Amanah Negara hanyalah RM100 juta setahun. Dan ini sudah berlaku berbelas-belas tahun, itu sahaja sumbangan Petronas – RM100 juta setahun.

Saya sangkakan jika ini tujuan Kumpulan Wang Amanah Negara diwujudkan, jika ini tokoh-tokoh yang dijadikan pemegang-pemegang amanah, saya sangkakan sekurang-kurangnya RM100,000 juta setahun Petronas akan beri kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Negara ini untuk menjadi bekalan generasi muda akan datang daripada penggunaan harta negara hari ini dengan sewenang-wenangnya untuk membina mahligai-mahligai, kota-kota dan sebagainya tetapi malangnya, sedihnya yang disumbangkan kepada Kumpulan Wang Amanah Negara selama berbelas-belas tahun oleh Petronas hanyalah pada kadar RM100 juta setahun.

Jadi ini saya fikir yang kita hendak perhatikan iaitu supaya penggunaan harta negara, penggunaan amanah negara yang bertujuan untuk meningkatkan keadaan masyarakat dalam negara kita untuk memastikan harta dan kekayaan negara kita ini tidak terbuang sewenang-wenang mengikut minat seseorang pemimpin yang ada pada sesuatu ketika, perkara itu yang kita hendak gunakan melalui rang undang-undang yang kita hendak pinda ini supaya tidak ada lagi amalan-amalan seperti itu.

Jadi saya ingin menyeru supaya kerajaan memastikan yang Kumpulan Wang Amanah Negara selepas daripada Laporan Tahunan 2002 ini dapat memperolehi sumbangan yang berganda-ganda banyaknya daripada Petronas dan bukan pada kadar hanya RM100 juta setahun sebagaimana yang diamalkan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak bimbang dengan beberapa peruntukan yang ada dalam cadangan rang undang-undang ini. Pertamanya, pindaan 6A yang mana di bawah Perkara 6A(b) yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menarik kelayakan atau mengisytiharkan tidak layak seseorang itu menjadi *trustee* ialah dengan izin:

*“there has been made and is in force against him any order of detention, supervision, restricted residence, banishment or deportation, or if there has been imposed on him any form of restriction or supervision, by bond or otherwise, under any law relating to the security*



*of Malaysia or any part thereof, the prevention of crime, preventive detention, restricted residence, banishment or immigration”.*

Kebimbangan saya ialah bahawa orang-orang yang terkena sama ada *detention*, sama ada *supervision*, sama ada *restricted residence* ini adalah biasanya melibatkan juga orang-orang politik yang tidak melakukan jenayah-jenayah yang boleh dibawa dan dihadapkan mereka ke mahkamah atas tuduhan politik itu. Jadi yang kita khawatirkan dan ini kekhuatiran yang berasas kerana memang telah berlaku ialah musuh-musuh politik, pemimpin-pemimpin politik tanpa mengira dari BN atau pembangkang, kadangkala ditahan di bawah *order of detention*, di bawah *supervision*, di bawah *restricted residence* dan sebagainya.

Oleh sebab yang terkena ini adalah berpunca daripada masalah perbezaan pandangan politik, maka ketidaklayakannya kerana undang-undang yang dicadangkan ini atas asas itu saya fikir adalah suatu ketidakadilan yang mesti diperbetulkan supaya tidak menjadi suatu keseksaan dan penghalangan yang berat kepada orang-orang yang tidak melakukan jenayah yang tulen mengikut undang-undang yang biasa.

Seterusnya ialah di bawah pindaan seksyen baru 17. Sekali lagi dengan izin, *revocation or suspension of certificate of incorporation*”, yang mana satu sebab Menteri ada kuasa untuk tarik balik (*revoke*) atau gantung (*suspend*) *certificate of incorporation* ialah di bawah perkara baru Seksyen 17(1)(b) dengan izin:

*“ the body or association of persons by whom the trustee or trustees constituting the body corporate are appointed is likely to be used for unlawful purposes or purposes prejudicial to or incompatible with the security of Malaysia or public order or morality in Malaysia or any part thereof”.*

Saya tidaklah ingin mengatakan bahawa orang-orang yang ada bukti dan terbukti merupakan ancaman kepada negara, ancaman kepada keamanan, ancaman kepada moraliti negara, mereka ini memang tidak layak dan badan-badan amanah seperti ini memang patut digantung atau ditutup. Tetapi yang saya bimbangnyalah kata-kata *“is likely”*, makna ini adalah istilah-istilah yang memberi kuasa yang amat besar kepada Menteri untuk mentakrifkan sesiapa sahaja pun *is likely to cause immorality, to cause disorder in the country*, dengan izin dan sebagainya. Saya amat bimbang dengan istilah-istilah *“is likely”*. Kalau *“is proven”* dan sebagainya, telah

terbukti *or that is evidence* dan sebagainya, maka saya dapat menerima tetapi sekadar istilah "*is likely*" saya bimbang.

Kemudiannya apabila kita turun ke bawah, 17(3) seksyen tambahan baru dengan izin:

*"No certificate of incorporation shall be revoked under this section without the body corporate being given the opportunity to show cause in writing within a period of thirty days from the date of receipt of a notice to show cause as to why the certificate should not be revoked".*

Bagus dia memberikan kesempatan kepada orang yang ditarik balik pendaftarnya untuk menulis surat dan untuk menjawab surat notis dan sebagainya, itu bagus tetapi kita turun ke seksyen 17(6) "*The revocation of the certificate of registration...*" Dengan izin, "*...of any body corporate by the Minister under this section shall come into force on the date the notification...*" Dan akhirnya, "*...it shall be final and conclusive:*" Maksudnya kuasa Menteri adalah muktamad dan mutlak dalam kuasa untuk membatalkan pendaftaran mana-mana badan-badan amanah.

Ini membimbangkan kerana ianya tidak dengan izin, beri *reuse to the cause*. Tidak memberi peluang kepada orang-orang yang menganggap diri mereka telah tersalah tuduh oleh pihak kerajaan dan Menteri, peluang bagi orang-orang ini untuk menunjukkan bukti dalam mahkamah yang terbuka, tidak ada dalam kes ini.

Dia ada hak untuk menulis surat, menjawab dan sebagainya tetapi ayat akhirnya, *it shall be final and conclusive*. Ini yang saya desak supaya pihak kerajaan kurangkan dan kalau boleh tamatkan amalan-amalan seperti ini kerana ianya sekali lagi bermakna sebagaimana Yang Berhormat bagi Kota Bharu sebut dengan tegas, jelas dan perlu kita sokong semua, ini menarik kuasa mahkamah, ini menarik kuasa kehakiman daripada memberikan suatu pendirian yang adil, yang boleh diterima oleh semua rakyat bahawa keputusan ini walaupun berpunca daripada kerajaan, walaupun diasaskan oleh menteri, walaupun disyaki ada sebab-sebab politiknya tetapi kalau kita andaikan mahkamah ala baru 2005, insya-Allah yang lebih bebas dan sebagainya.

Maka itu yang kita kehendaki dalam zaman kita hendak meniru dunia pertama supaya keadaan keadilan dan hak asasi manusia ini terjamin, terjaga maka kita tidak mahulah rang undang-undang yang lebih mencekam, walaupun niatnya kalau

berkaitan dengan *terrorism* tidak kita tentang tetapi saya tidak nampak bahawa itu sahaja tujuan rang undang-undang ini sebagaimana saya sebutkan tadi, ada baiknya tetapi aspek-aspek yang menekan, aspek-aspek menjadi lebih berat dan lebih menyusahkan dan menghalang kebebasan anggota masyarakat kita, itu yang kami tentang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**12.54 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berbahas dalam rang undang-undang ini. Saya mulakan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat lebih banyak kluatir daripada apa yang dibahaskan. Seingat saya dia menyebut perkataan "kluatir" lebih daripada 50 kali, tetapi akhirnya saya tidak tahu apa sebenarnya yang dia kluatir.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat berkaitan dengan organisasi yang terlibat dengan aktiviti *terrorism*. Akta ini tidak bersifat menyeluruh, *catch all*. Dia kata dengan izin, *no bite, not cover all, not catch all, not kill all* dan juga dengan izin, dia kata *nice to look at* tetapi *not effective*. Ini nampaknya Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tidak faham perbezaan antara Akta dengan izin, *Trustees Incorporation Act* 1952, dengan Akta Amanah Raya.

Dengan pindaan ke atas ini menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang memberikan kuasa kawal selia yang lebih mantap supaya pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan tidak menyalahi undang-undang negara. Itulah sebabnya diadakan Akta ini. Sekiranya ia menyentuh aspek keselamatan negara, tindakan yang sewajarnya akan dipanjangkan ke kementerian-kementerian yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya dan juga agensi-agensi kerajaan, contohnya pihak polis dan juga kementerian, contohnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Berkenaan dengan isu yang mewajibkan pendaftaran di mana Yang Berhormat bagi Santubong juga membangkitkan isu itu. Tujuan mana-mana perbadanan amanah ditubuhkan adalah untuk memberi entiti undang-undang supaya perbadanan atau *corporation* ini boleh menggunakan namanya untuk sebarang transaksi yang

melibatkan asetnya. Sebab itulah ia ditubuhkan dan Akta ini berada. Mengenai isu untuk mewajibkan pendaftaran, pendaftaran buat masa ini belum dipertimbangkan untuk diwajibkan memandangkan tujuan akta ini adalah untuk dengan izin, *charitable purpose* sahaja. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong akan dipertimbangkan, berkaitan dengan bolehkah kita mewajibkan semua badan-badan amanah dan bilangan pemegang amanah berdaftar yang didaftarkan di bawah Jabatan Perdana Menteri masa ini kita ada 60 buah yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sebelum ini ialah di bawah *Attorney General*, selepas pindaan ini akan berada di bawah Menteri.

Kita melihat keperluan berkaitan dengan pemegang-pemegang amanah yang dengan sengaja tidak mahu didaftarkan. Ini kita akan melihat keperluan sama ada perlu diwajibkan pendaftaran atau tidak. Sekiranya perlu maka setiap organisasi amanah perlulah didaftarkan agar kerajaan dapat memantau aktiviti-aktiviti mereka dengan lebih cekap dan juga lebih berkesan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga membangkitkan isu ketidakpuasan terhadap ..

**Tuan M. Kula Segaran:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendakkan satu kepastian dari segi rang undang-undang yang sedia ada, jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri nampaknya macam-macam boleh mengarahkan sesuatu organisasi didaftarkan. Adakah itu betul, nombor satu.

Nombor dua, dari apa yang saya faham dari segi rang undang-undang yang sedia ada, nampaknya tidak ada kuasa untuk kerajaan memaksa mana-mana organisasi untuk didaftarkan di bawah ini. Bermakna *its not catch all*. Setuju dengan saya?

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya tadi mengatakan, kita akan melihat keperluan sama ada perlu diwajibkan pendaftaran atau tidak. Ini juga memanjangkan daripada perkara itu kita tidak memaksa dengan izin, *we cannot force anyone to come and register* tetapi ini adalah secara sukarela, kalau ada mana-mana pihak ingin mendaftar mereka boleh mendaftar.

Berkaitan dengan isu Amanah Raya Berhad atau ARB, kerajaan akan dari masa ke semasa cuba memastikan.. .

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya. Walaupun ada satu organisasi yang wujud, yang beroperasi, katakan tidak mengikut undang-undang atau dengan izin, *terrorist organization*. Kita tahu *terrorist organization*, kita tahu itu tidak mengikut dari segi undang-undang satu organisasi yang baik untuk sekuriti negara tetapi rang undang-undang ini tidak merangkumi perkara tersebut. Setuju dengan saya tak? *I mean this is not catch all. It's just* macam walaupun membawa satu undang-undang untuk semasa, nampaknya bukan semasa, hanya mungkin kerana paksaan negara-negara lain disebabkan ada situasi yang serius sekarang, *terrorist organization*, maka kita membawa satu rang undang-undang untuk *to satisfy them*, dengan izin.

**Datuk M. Kayveas:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup Yang Berhormat, boleh sambung pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung jawapan. Sila.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ..... *[Memerhati ke arah tempat duduk yang masih kosong]* saya ingat dia sudah balik Ipoh, dia tidak faham perbezaan antara akta *Trustees*

(*Incorporation*) Act, dengan izin, dan ARB. Oleh sebab itu saya teruskan dengan jawapan. Beliau juga telah membangkitkan isu ketidakpuashatian kepada ARB. Dia kata dia hantar surat tetapi tidak dijawab, ada *in-house lawyer* ..... ha, dia sudah sampai, dia tidak pergi Ipoh, [*Memerhati ke arah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang baru masuk ke Dewan*] ini mungkin *in-house lawyer*, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga seorang peguam, boleh hantar *resume* kepada ARB, mungkin dapat peluang menjadi *in-house lawyer* juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawab sahaja Yang Berhormat, jawab sahaja, tidak payah kacau dia.

**Datuk M. Kayveas:** Hendak bangunkan dia, dia baru makan, makan banyak, nanti tidur masa ini. Berkaitan ini, kerajaan akan dari semasa ke semasa cuba dan memastikan ARB sebagai badan amanah akan meningkatkan perkhidmatan mereka kepada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Santubong bangun, Yang Berhormat. [*Yang Berhormat Santubong masuk ke Dewan untuk mengambil tempat*] Oh, ingatkan hendak minta laluan. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** ... masyarakat dan sebarang kekurangan yang ada sekarang ini pada ARB bolehlah diperbaiki dan kita akan mengambil perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, dan kita harap selepas ini jika ada apa-apa surat atau apa-apa pertanyaan daripada ARB kenalah diberi jawapan dengan segera.

Setakat ini ARB sahaja yang mampu menjalankan tugas-tugas amanah dengan baik, tidak ada badan yang lain. Oleh sebab itu kita perlu selepas *revocation of certificate* ini, dengan izin, apa jua *trust property* hendaklah diberi kepada ARB untuk dijaga. Ini juga adalah untuk tempoh sementara sahaja, bukan kita beri *trust property* ini kepada ARB secara *perpetual*, dengan izin, tetapi untuk sementara sahaja dan selepas masalah di Badan ini diselesaikan, *trust property* ini boleh dikembalikan kepada *Trust Incorporation – the original Trust Incorporation, dengan izin*.

Mengenai soalan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, saya berterima kasihlah ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Yang Berhormat Ipoh Barat, sila.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai Amanah Raya Berhad, saya mencelanya, terus terang saya katakan bahawa apa peranan yang mereka mainkan sekarang ini adalah tidak setaraf dengan apa yang mereka janjikan kepada rakyat. Pertama, ada banyak kompelin, di mana bila kita ajukan kepada mereka, mereka juga mengawal selia kepada .... bila satu permohonan *Letter of Administration*, mereka juga membuat perkara yang sama. Kerap kali ia terlampau lambat. Saya juga hendak tanya, berapakah aset Amanah Raya Berhad yang sedia ada? Bolehkah perkara ini diberi tahu kepada Dewan? Begitu juga aset kepunyaan *private holding* dan aset kepunyaan *public holding*. Ini ada kaitan dengan apa yang saya ucapkan sebelum ini.

**Datuk M. Kayveas:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, rang undang-undang ini ialah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, dengan izin, *Trustees (Incorporation) Act*. Amanah Raya Berhad (ARB) tiada berkaitan dengan akta ini, dan saya tidak perlu menjawab tetapi oleh sebab saya nampak kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas tadi tidak faham akta ini dengan baik, yang mana akta ini, adalah dengan izin, *to corporatize* sesuatu Badan sebagai *Trustee* sahaja, bukan untuk daftar, dengan izin, *you don't come and register yourself. You apply to corporatize*, dengan izin, apabila sudah *dicorporatize*, you boleh buat sesuatu dengan cara *legal* – dengan izin, *you can invest in property, you can invest in anything and it becomes legal*.

Selain daripada itu apabila tidak *dicorporatise* dengan amanah di sini, akta ini masalah ialah kalau berbuat sesuatu perkara itu bukan legal atau pun tidak dapat legal entity, mungkin sesuatu harta akan dibeli, mereka minta dokumen to show, untuk menunjukkan bahawa adakah badan ini telah *dicorporatise*, kalau tidak boleh dapat certificate mungkin tidak boleh dapat beli tanah itu. Ada juga badan-badan yang tidak *corporatise* bersama dengan akta ini, itu kita tidak kira kerana itu sukarela kepada mereka. Ada yang badan-badan daftar mereka di ROS, ada badan-badan yang register sebagai Sendirian Berhad di Registrar of Company. Ada perbezaan. Kalau ada satu badan dia register di ROC, ada satu badan register di ROS, dia juga boleh teruskan dengan aktiviti-aktiviti amanah, tetapi itu tidak kena-mengena dengan akta ini.

Kalau mereka ini hendak *corporatise* dia punya badan atau caomapiies syarikat dia boleh *corporatise* kepada jabatan Perdana Menteri. Dulu ini di bawah Attorney

Jeneral sekarang. Selepas pindaan ini akan dibawa ke Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ada banyak kompelin terhadap ARB ini, terima kasih Yang Berhormat, kalau boleh diberi secara terperinci apa-apa kompelin, tulislah kepada saya pun boleh juga dan kita akan bawa ke ARB, ARB juga di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kita akan bawa isu-isu dan kita akan cuba memperbaiki dan mempertingkatkan kita punya...seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat efficiency, transparency, competency semualah.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan Amanah Raya Berhad tidak dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat bagi Santubong. Cadangan Yang Berhormat Santubong adalah baik dan kerajaan akan melihat kesesuaiannya supaya undang-undang ini dapat diperluaskanlah ke negeri-negeri berkenaan.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung apakah tindakan yang boleh dibuat terhadap *trustees* yang tidak menjalankan amanah atau pecah amanah seperti mana-mana kesalahan pecah amanah yang lain tindakan tersebut boleh dibawa kepada undang-undang jenayah, umpamanya Seksyen 417, 411 di bawah Kanun Keseksaan. Dan juga apa-apa pelanggaran oleh mana-mana *trustees* boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 6A dan juga Seksyen 17 Akta yang dibahaskan ini.

Salah satu lagi soalan daripada Yang Berhormat bagi Santubong ada pihak-pihak yang tidak mahu daftar, saya ingin jelaskan di sini ini tidak merupakan satu badan yang didaftar, ini satu badan di mana kita *corporatize trustee* selepas itu *trustee* ini dapat satu *legal entity*.

Sebelum saya pergi ke Kepong saya ada lagi satu isu yang dibangkitkan oleh Santubong tadi. Kuasa menteri untuk menolak pengeluaran sijil *incorporation*, sekarang ini kita beri kepada menteri kuasa kerana ada masalah terrorism semua telah dibangkitkan, apabila menteri meneliti dan apabila ada orang hendak buat *corporatise* di negara itu menteri perlu check dan semak dengan cara baik. Oleh sebab itu kita bagi menteri kuasa untuk menolak dan ini bukan kuasa keseluruhannya tetapi mesti seperti yang dikatakan oleh peguam-peguam serta Yang Berhormat-Yang Berhormat peguam ini ada *discretion* ini. *Discretion* ini perlu digunakan dengan cara baik atau budi bicara sama juga dalam Akta ini budi bicara yang ada oleh menteri ini akan



diguna dengan cara yang baik. Dengan isu Seksyen 24, *good faith*, *good faith* ini kita boleh nampaklah apa-apa yang dibuat dalam *good faith* ini kita tidak boleh ambil tindakan tetapi ada kita buat ataupun kita ambil tindakan-tindakan *in good faith* juga, ini pembangkang ini. Kita kadang-kadang tidak faham ini pembangkang, saya bangkitkan isu di MPAJ dahulu berkaitan dengan salah seorang penguat kuasa apabila sampai *in good faith*, kita buat kerja dengan *good faith*, selepas kita buat kerja dengan *good faith*, ini peguam dari pembangkang, DAP punya peguam hasut ini MPAJ punya pegawai sekarang dia ambil tindakan dan dia *sue* saya pula RM400 million. So, ini pembangkang dia main dua belah, *this side also* dia main, *that side also* dia main, dengan izin. Satu perkara dia cakap ini *good faith* kita perlu buat kerja dengan *good faith*, apabila kita buat kerja dengan *good faith*, dia pergi sebelah sana dia hasut orang sampai orang ambil tindakan mahkamah. Jadi kita haraplah ini pembangkang DAP ini...

**Tuan M. Kula Segaran:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat. Ipoh Barat bangun.

**Datuk M. Kayveas:** Ada penjelasan?

**Tuan M. Kula Segaran:** Ya, ya, ya. Yang Berhormat ada satu, mengenai RM400 juta itu, saya ingat rakyat Malaysia tahulah yang Yang Berhormat Timbalan Menteri itu lebih kaya daripada RM400 juta, itu fasal dia orang mahu ambil tindakan, biar perkara itu diselesaikan di mahkamah, jangan kita menghebohkan perkara itu di sini dan *its so happened*, dengan izin, peguam yang mengendalikan perkara itu bernas dan telus itulah dia berani mengambil tindakan terhadap Timbalan Menteri. Walaupun mungkin itu benar atau tidak, itu masalah yang lain.

Tetapi *let's come to the issue of good faith*. Yang sebelum itu Tuan Speaker ada bercakap sama saya, di sini ada terkandung perkataan itu maka macam saya kata sebelum ini *it is like* merangkumi semua perkara. The *good faith is* yang diinterpretasi oleh mahkamah ia akan jadi subjektif dan objektif itu yang masalah ini. *And something* yang baru, saya rasa Rang Undang-undang ini seksyen 20, subseksyen (4) sangat luar biasa. Kenapa kita perlu perlindungan, kita mahu telus, kita mahu satu sistem *incorruptible*, berani *must be clear*. Itu yang saya katakan yang ini untuk memprotectkan orang-orang yang cuai dan tidak layak untuk menjalankan tugas.

Yang saya kawatir adalah katakan satu organisasi perlu didaftar dan mereka tidak daftar, *it is in good faith*, boleh mengelak tindakan mahkamah?

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya tahulah di sini apa boleh saya cakap di sini yang tidak boleh jadi *subjudice* di mahkamah. Saya tidak ambil atau discuss isu berkaitan MPAJ di sini. Saya hanya kata, peguam yang belakang orang itu adalah daripada DAP, kawan karib Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga. Apa yang saya kata, di sini di Parlimen DAP datang, cakap buat kerja dengan *good faith*, apabila kita di luar, Barisan Nasional buat kerja dengan *good faith*, belakang sana itu ada peguam, peguam DAP yang kacau, itulah yang saya sebutkan tadi. Dan ini *good faith* kalau Yang Berhormat baca dengan teliti, seksyen 20 (4) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

*“(4) Nothing done or omitted to be done by the Registrar, Deputy Registrars and Assistant Registrars shall, if done or omitted to be done in good faith for the purpose of executing the provisions of this Act.”*

Itu *good faith* janganlah ambil satu perkataan saja *good faith*. You read the whole sentence, the whole sentence itu, dengan izin:

*“in good faith for the purpose of executing the provisions of this Act”.*

Kalau dia buat lain-lain kerja *then it's different*, di sini dengan teliti *in good faith* itu hanya untuk mengendalikan dengan Akta ini sahaja.

Seterusnya seksyen 19, siapa yang bertanggungjawab tentang kos, Santubong bangkitkan isu itu berkaitan dengan kos. Ini tidak ada masalah kerana kos itu akan diambil daripada *trust property itself*, mana-mana satu badan ataupun kerajaan tidak tanggung kos ini, kos ini akan diambil daripada *trust property* kerana *trust property* ini sementara sahaja kita bagi kepada ARP. Selepas masalah diselesaikan *trust property* ini akan kembali kepada amanah ini dan oleh sebab itu kos itu tidak ada satu masalah.

Ada juga soalan daripada Santubong yang minta bolehkah membubar *incorporation* ini? Seksyen 17 dan 18 jelas di mana seksyen 17 Menteri boleh buat sesuatu untuk *revoke* dan juga seksyen 18, *voluntary* dengan sukarela mereka juga boleh membubarkan.

Jawapan kepada Kepong, Parit Sulung sudah, masuk Kepong, ini Kepong tadi dia kata Menteri menyeleweng...ada tidak Kepong? Tidak ada ya. *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat bagi Kepong]*

Saya biasanya ingat Kepong ini ada sedikit *class* tetapi hari ini saya nampak dia punya niat jahat, dia kata kuasa ini beri kepada Menteri dan Menteri menyeleweng, ini niat jahat. Ini juga *very unparliamentarian* dan saya banyak tidak sukalah apa beliau katakan tadi macam kita beri kuasa kepada Menteri hanya yang pada hari ini apabila dia berucap dia hanya cari publisiti, dia goyang sini, goyang sana, setengah jam dia buang, tetapi isu tidak ada dia bangkitkan, hanya dia bangkit isu *Terrorist Finance Act*. *Terrorist Finance Act* pun tidak kena-mengena dengan Akta ini tetapi saya terimalah cadangan-cadangan yang dia beri itu untuk badan-badan lain. Walau bagaimanapun, cadangan perlulah dipanjangkan kepada kementerian-kementerian yang menjaga hal ehwal keselamatan dalam negeri dan ia tidak berkaitan dengan Akta Pemegang Amanah.

Yang Berhormat bagi Kepong juga tanya banyak soalan antaranya berapa banyak pertubuhan perbadanan yang telah melanggar dan berapa banyak pertubuhan perbadanan yang telah menggunakan dana untuk tujuan-tujuan yang melanggar undang-undang negara seperti *terrorism*.

Sebelum undang-undang ini dipinda, aspek pengawalseliaan terhadap pertubuhan perbadanan pemegang amanah yang berdaftar tidak wujud dalam undang-undang dan sehubungan itu sebarang keingkaran terhadap undang-undang jenayah negara yang telah dilakukan oleh pertubuhan berkenaan, maka agensi-agensi keselamatan yang akan bertindak untuk membasmi jenayah yang dilakukan tersebut itu. Kita tidak mempunyai sebarang rekod terhadap mana-mana pertubuhan yang telah melanggar undang-undang negara ini.

Yang Berhormat bagi Tumpat berkata, rang undang-undang dalam bahasa Inggeris. Rang undang-undang ini adalah digubal sebelum tahun 1967 dan semua rang undang-undang sebelum 1967 adalah dalam bahasa Inggeris. Sehubungan itu rang undang-undang dibuat dengan bahasa Inggeris mengikut rang undang-undang asal, dengan izin, *the original act*. Oleh sebab itu ia dalam bahasa Inggeris dan di sini kita ambil perhatian dan kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengubahnya kepada bahasa ibunda, bahasa Malaysia untuk faedah akan datang.

Soalan lain yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Tumpat mengenai Wang Amanah Negara, itu sekali lagi saya minta maaf kerana tidak berkaitan dengan rang undang-undang ini.

Untuk Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, daripada pembangkang tinggal dia seorang yang ada sekarang dan sangat berminat. Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar tidak boleh diambil tindakan undang-undang oleh kerana ini nama *in good faith*. Peruntukan tersebut adalah perlindungan am kepada penjawat awam sama juga di dalam Dewan ini, apa juga Yang Berhormat kata, kita tidak boleh ambil tindakan kecuali setelah Yang Berhormat keluar dari Dewan ini dan berucap, baru boleh diambil tindakan, ada sedikit *immunity*. Sama juga dengan pegawai-pegawai yang kerja, dia pun perlu sedikit *immunity*. Kalau tidak, mereka ini tidak boleh kerja dengan cara yang baik.

Oleh sebab itu, peruntukan tersebut adalah perlindungan am kepada penjawat awam, bukan untuk mereka ini buat apa-apa kesalahan. Seandainya tindakan yang dilaksanakan bukan berasaskan *good faith* bagi tujuan melaksanakan akta ini, maka pegawai berkenaan boleh diambil tindakan undang-undang.

Akhirnya, untuk makluman kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat berkaitan dengan akta ini, di sini saya ingin beritahu, ada perbezaan antara akta ini dengan Amanah Raya Berhad di mana tugas Amanah Raya Berhad ia akan buat dengan izin, *will*, dia memegang *trust* amanah dan juga perkara-perkara berkaitan dengan *Letter of Administration* atau LA dan juga *profit*. Apabila mahkamah memberi perintah bahawa seseorang *infant* yang memiliki *property*, amanah ataupun apa-apa harta yang dimiliki oleh *infant* boleh dipegang dan dijaga oleh Amanah Raya Berhad sehingga *infant* itu berumur 18 atau 21 tahun, mana-mana yang berkaitan.

Selain daripada itu, hanya untuk makluman, kita di Amanah Raya Berhad memegang 60 badan yang telah di *corporatize* yang kita ada sekarang ini dan ada lebih kurang lapan yang sudah buat permohonan dan kita masih menunggu untuk *corporatize* mereka.

Selain daripada itu, satu perkara yang tidak dibangkit oleh mana-mana Yang Berhormat adalah berkaitan dengan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia yang baru-baru ini mereka ini kena tangkap, dalam semua surat khabar ada keluar. Mereka ini kata, Menteri terlibat. Saya di sini memberitahu bahawa tidak ada mana-mana Menteri terlibat ataupun mereka ini tidak didaftar atau *incorporated* dengan kita. Hanya ada satu badan yang bernama Lembaga Amanah Pasukan Tindakan Cemas Malaysia. Ia tidak bersama dengan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia yang menyalahi undang-undang atau *illegal*. Oleh sebab itu, ada perbezaan. Mereka ini telah didaftarkan

dengan *Registrar of Society* atau ROS dan juga *Registrar of Companies* dan tidak di *corporatize* di Jabatan Perdana Menteri

Sekian, itulah sahaja, saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR (PINDAAN) 2004**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990, dibaca kali yang kedua sekarang.

Akta Insurans Luar Pesisir 1990 (Akta) mempunyai peruntukan mengenai pelesenan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di Pusat Kewangan

Antarabangsa Luar Pesisir Labuan atau Labuan IOFC. Ianya juga mengandungi peruntukan untuk mengawal selia semua aktiviti perniagaan insurans dan berkaitan insurans.

Pindaan yang dicadangkan adalah merupakan usaha berterusan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) untuk mengemaskinikan perundangan berhubung dengan aktiviti kewangan pesisir bagi menarik lebih ramai pelabur datang ke Labuan IOFC, mempertingkatkan daya saing dan menyediakan suasana perniagaan yang kondusif. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperketatkan lagi peruntukan kawal selia aktiviti insurans selaras dengan piawaian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah meliputi peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) memperluaskan takrif perniagaan insurans luar pesisir,
- (ii) memansuhkan peruntukan pelesenan perniagaan insurans komposit,
- (iii) memperkenalkan beberapa langkah berhemat, *prudential measures*, dengan izin dengan tujuan untuk memperkemaskan peruntukan akta dalam mengawal selia syarikat-syarikat insurans dan syarikat yang berkaitan insurans,
- (iv) memperkemaskan peruntukan pelesenan dan mengeluarkan kompaun,
- (v) memperkemaskan peruntukan kerahsiaan, dan
- (vi) memasukkan peruntukan bagi memberi perlindungan pada hak-hak pemegang polisi.

Bagi memastikan perniagaan dan produk insurans luar pesisir di Labuan IOFC terus berkembang serta memberi peluang kepada syarikat-syarikat insurans luar pesisir supaya lebih inovatif, adalah dicadangkan supaya takrif perniagaan insurans luar pesisir dipinda supaya menjadi lebih fleksibel.

Ini boleh dilakukan dengan memberi kuasa kepada LOFSA untuk meluluskan perniagaan insurans pesisir baru yang tidak tertakluk di dalam takrif sekarang. Pindaan ini sudah pasti akan menggalakkan lagi usaha membangunkan produk-produk

insurans baru oleh syarikat-syarikat insurans yang akan menyumbang kepada pembangunan Labuan IOFC. Peruntukan yang dipinda ialah subseksyen 2(1).

Selaras dengan perkembangan antarabangsa adalah dicadangkan supaya peruntukan akta yang membenarkan sesebuah syarikat insurans untuk menjalankan perniagaan insurans komposit dibatalkan. Dengan pindaan ini syarikat insurans tidak boleh lagi memegang kedua-dua lesen perniagaan insurans, nyawa dan insurans am melainkan lesen-lesen tersebut dipegang oleh dua entiti yang berasingan.

Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya sebarang konflik kepentingan di antara di dalam syarikat tersebut dan memastikan kepentingan pemegang polisi adalah terpelihara. Di bawah peruntukan sekarang, pemegang lesen komposit dibenarkan untuk mengurus dua risiko yang berbeza yakni risiko nyawa dan risiko am oleh satu entiti.

Sekiranya berlaku sebarang masalah seperti nisbah tuntutan yang tinggi bagi portfolio risiko nyawa sudah pasti keupayaan pemegang lesen komposit tersebut untuk menguruskan risiko portfolio am akan terjejas. Oleh yang demikian, akta dipinda untuk menghendaki mana-mana syarikat insurans baru yang ingin menjalankan kedua-dua perniagaan insurans nyawa dan am ini untuk menubuhkan dua entiti yang berlainan untuk masing-masing menjalankan perniagaan insurans am dan nyawa. Peruntukan akta yang dipinda adalah subseksyen 6(1)(b) dan Seksyen 6(iii)(B).

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan perniagaan insurans luar pesisir di Labuan IOFC terus berkembang serta terpelihara daripada sebarang unsur negatif, adalah dicadangkan beberapa langkah berhemat diperkenalkan bagi mengelakkan kekeliruan pelbagai pihak mengenai penggunaan perkataan-perkataan “penginsurans luar pesisir, pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir”, *offshore underwriting manager*, dengan izin dan broker insurans luar pesisir adalah dicadangkan supaya hanya syarikat insurans yang dilesenkan oleh LOFSA yang mendapat kebenaran bertulis LOFSA sahaja dibenarkan menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Sehubungan dengan ini, subseksyen 3 baru dimasukkan di dalam Seksyen 5 Akta.

Tuan Yang di-Pertua, turut dicadangkan ialah peruntukan yang memberi kuasa kepada LOFSA untuk menentukan jumlah modal kerja yang diperlukan oleh syarikat

luar pesisir di Labuan yang sebelum ini hanya menetapkan satu had minimum sahaja. Ini adalah bertujuan untuk memberi *flexibility* kepada LOFSA bagi menentukan jumlah modal kerja yang lebih tinggi kepada syarikat-syarikat insurans besar yang mempunyai *liability* dan risiko perniagaan yang besar.

Peruntukan yang dipinda adalah subseksyen 6, subseksyen (i) Perenggan (b) subperenggan kurungan (i), (ii) dan (iii) LOFSA juga bercadang untuk memasukkan peruntukan yang hanya membenarkan pemohon yang menjadi ahli kepada mana-mana persatuan insurans atau yang berkaitan insurans yang diiktiraf sahaja boleh memohon lesen untuk menjalankan perniagaan insurans di bawah akta ini.

Ini adalah untuk memastikan bahawa hanya entiti yang dikawal dan diseliasah sahaja boleh memohon lesen di Labuan IOFC. Di samping itu setiap syarikat insurans dan berkaitan insurans yang dilesenkan oleh LOFSA juga akan dikehendaki menjadi ahli kepada persatuan insurans luar pesisir di Labuan IOFC.

Langkah ini akan memudahkan LOFSA mengawal selia kesemua pemegang lesen melalui persatuan tersebut dan pada masa yang sama memastikan bahawa syarikat-syarikat insurans dan berkaitan insurans di Labuan IOFC adalah berkaliber dan bereputasi tinggi.

Peruntukan berkaitan ini dipinda adalah memasukkan perenggan (f) dan (g) baru ke dalam Seksyen 6 subseksyen (i) memasukkan perenggan (g) dan (h) baru ke dalam subseksyen 7 (1). Bagi memperketatkan peruntukan kawal selia, dicadangkan satu peruntukan yang memerlukan setiap permohonan untuk mendapatkan lesen perniagaan insurans luar pesisir di Labuan IOFC mengemukakan surat kesedaran *Letter of Awareness* yang dikeluarkan pengawal selia tempatan memohon pemohon berkenaan.

Langkah ini adalah penting untuk memastikan hanya entiti yang tulen dan dikawal selia sahaja boleh memohon lesen untuk beroperasi di Labuan IOFC. Ia juga selaras dengan usaha LOFSA untuk memantapkan reputasi Labuan IOFC sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir yang bersih dan terkawal.

Peruntukan yang dipinda adalah Seksyen 6 subseksyen (iii) dengan memasukkan subperenggan (d) baru. Satu lagi peruntukan berhemat yang dicadangkan adalah peruntukan yang memerlukan pengurus insurans luar pesisir,



pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir untuk menyertai mana-mana skim perlindungan insurans tanggung rugi profesional .

Sepanjang tempoh operasi mereka di Labuan IOFC adalah untuk memastikan mereka mempunyai perlindungan insurans yang sewajarnya sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah seperti tuntutan undang-undang dan sebagainya. Bagi tujuan ini, perenggan (e) baru dimasukkan ke dalam subseksyen 7(1) Akta. Untuk memastikan pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker luar pesisir yang beroperasi di Labuan IOFC terdiri daripada orang yang layak dan sesuai dicadangkan supaya dimasukkan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada LOFSA untuk menggariskan syarat-syarat yang melayakkan mereka dilesenkan di Labuan IOFC.

Sebagai pihak yang menjadi barisan hadapan dalam memasarkan produk-produk insurans di Labuan IOFC, syarikat-syarikat berkaitan insurans ini mestilah terdiri daripada mereka yang berkelayakan dan mempunyai reputasi yang baik. Sehubungan dengan itu, Seksyen 7, subseksyen (1) dipinda dengan memasukkan Perenggan F baru.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pindaan juga dicadangkan untuk memasukkan satu peruntukan yang memerlukan pemegang-pemegang lesen melantik juruaudit luar dan juruaudit dalam bagi mengaudit akaun dan operasi perniagaan mereka di Labuan IOFC. Langkah ini adalah untuk memperluaskan lagi kawal selia terhadap syarikat-syarikat insurans dan berkaitan insurans di Labuan IOFC. Peruntukan akta sekarang hanya menghendaki syarikat insurans luar pesisir untuk melantik juruaudit luar sahaja.

Dengan pindaan yang dicadangkan, syarikat insurans yang akan dikehendaki melantik juruaudit dalam untuk mengaudit akaun, operasi dan perniagaan mereka di Labuan IOFC. Di samping itu, setiap juruaudit yang dilantik akan mempunyai kewajipan untuk melaporkan kepada LOFSA secepat mungkin mengenai sebarang ketidakpatuhan yang mereka perolehi semasa mengaudit mana-mana syarikat insurans. Peruntukan yang dipinda berkaitan ini adalah Seksyen 16 dan kemasukan Seksyen 16A baru yang menggariskan peruntukan berkenaan melantik juruaudit dalam.

Seterusnya adalah dicadangkan supaya diperkenalkan satu peruntukan untuk memberi kuasa kepada LOFSA atau mana-mana pengawal selia tempatan yang

diluluskan oleh LOFSA bagi menjalankan pemeriksaan ke atas akaun, rekod dan transaksi di mana-mana syarikat insurans dan berkaitan insurans di Labuan IOFC. Tujuan pemeriksaan adalah untuk memastikan kesahihan maklumat dan data yang diserahkan kepada LOFSA. Walau bagaimanapun, pemeriksaan ini adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan di mana LOFSA tidak dibenarkan untuk mendedahkan identiti, akaun dan urusan di mana-mana pemegang polisi kecuali setakat mana yang dibenarkan oleh akta. Untuk tujuan ini, Seksyen 19A baru, diperkenalkan.

Di samping itu, dicadangkan supaya pindaan dibuat ke atas peruntukan mengenai had *solvency* syarikat-syarikat insurans luar pesisir. Pindaan ini perlu setelah mengambil kira masalah-masalah praktikal yang dihadapi oleh syarikat insurans dalam tahun pertama operasi mereka. Sebagai contohnya, peruntukan sekarang mensyaratkan sebuah syarikat insurans mengekalkan had *solvency* yang juga merupakan jumlah modal kerjanya dalam kes tertentu pada tahun pertama operasi syarikat-syarikat insurans baru akan menggunakan modal kerjanya untuk memulakan operasi. Ini akan menyebabkan modal kerjanya berkurangan dan sekali gus akan menyebabkan ia tidak dapat memenuhi had *solvency* yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, dengan pindaan ini, syarikat-syarikat insurans luar pesisir di Labuan IOFC dikehendaki mempunyai had *solvency* sebanyak 50% daripada jumlah modal kerja yang ditetapkan pada tahun pertama operasi. Ini adalah untuk mengelakkan syarikat-syarikat insurans menjadi tidak *solvent* apabila jumlah modal kerjanya berkurangan pada tahun pertama ia beroperasi. Peruntukan yang dipinda berkenaan cadangan ini adalah Seksyen 17, subseksyen (1).

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan LOFSA, adalah dicadangkan supaya satu peruntukan diperkenalkan untuk membolehkan LOFSA terus mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat insurans dan berkaitan insurans setelah memperolehi kelulusan daripada Menteri Kewangan. Pada masa ini akta memperuntukkan bahawa lesen yang diluluskan oleh Menteri perlu ditandatangani oleh Menteri terlebih dahulu. Dengan pindaan ini, proses mengeluarkan lesen dapat dipercepatkan memandangkan LOFSA boleh terus mengeluarkan lesen sebaik sahaja diluluskan oleh Menteri Kewangan. Seksyen 8 dan Seksyen 9 Akta dipinda untuk tujuan ini.

Dicadangkan juga supaya satu peruntukan dimasukkan untuk memberi kuasa kepada LOFSA mengeluarkan kompaun dengan kelulusan pendakwa raya kepada

mana-mana syarikat insurans dan berkaitan insurans luar pesisir yang melanggar mana-mana peraturan akta atau arahan, notis, perintah atau tuntutan yang dibuat atau dikeluarkan oleh LOFSA. Pada masa ini akta memperuntukkan bahawa setiap kompaun hendaklah dikeluarkan oleh LOFSA perlu mendapat persetujuan Menteri Kewangan terlebih dahulu. Ini menyebabkan LOFSA tidak dapat bertindak secara efisien apabila berlaku pelanggaran ke atas peruntukan dalam akta tersebut. Seksyen 30 Akta dipinda untuk tujuan ini.

Seksyen 25 Akta yang menggariskan peruntukan kerahsiaan juga perlu diperkemas untuk menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Luar Pesisir Labuan yang lain berkenaan perkara-perkara yang sama. Ini merupakan tindakan susulan kepada cadangan yang dibuat oleh kumpulan penilai daripada *Asia Pacific Group of Money Laundering and Offshore Group of Banking Supervisors*, dengan izin, yang telah membuat penilaian mengenai langkah-langkah mencegah kegiatan pelaburan wang haram di Labuan IOFC pada awal tahun 2001.

Cadangan pindaan ini juga pada dasarnya adalah untuk memperluaskan skop dan fungsi-fungsi kawal selia LOFSA di samping membolehkan LOFSA berkongsi maklumat dan bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawal selia asing dan domestik.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan satu Bahagian 4A baru dimasukkan ke dalam akta yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan hak-hak pemegang polisi insurans. Sehubungan ini, peruntukan yang sama di dalam Akta Insurans 1990 domestik dicadangkan diterima pakai ke dalam akta. Peruntukan ini dijangka akan meningkatkan lagi minat dan keyakinan pelabur-pelabur terhadap produk-produk insurans Luar Pesisir Labuan kerana hak-hak mereka sebagai pemegang polisi dijamin dan dilindungi oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dicadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Labuan.

**3.18 ptg.**

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pindaan yang dicadangkan ke atas Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004 ini bertujuan untuk memantapkan lagi industri insurans luar pesisir di samping mempertingkatkan daya saing dan juga memberikan suasana perniagaan yang *conducive*. Untuk membolehkan Labuan IOFC bersaing dengan IOFC-IOFC yang lain maka sewajarnya kajian ke atas apa juga rang undang-undang yang melibatkan aktiviti perniagaan luar pesisir dikaji dari masa ke semasa.

Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pindaan ini terutamanya kepada Seksyen 6, subseksyen 6(1)(b) dan juga subseksyen 6(3)(b) di mana akta ini dipinda untuk menghendaki mana-mana syarikat insurans baru yang ingin menjalankan kedua-dua perniagaan insurans nyawa dan am dikehendaki untuk menubuhkan dua entiti yang berlainan.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan, sekarang terdapat sekitar 103 syarikat insurans yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, apakah dengan lulusnya dan pindaan akta ini nanti, pindaan ini hanya berkuat kuasa kepada syarikat-syarikat insurans yang baru ataupun ianya juga meliputi syarikat-syarikat yang telah diluluskan sebelum pindaan akta baru ini diluluskan.

Saya melihat bahawa tujuan pindaan ini baik kerana ia melindungi hak pelanggan dan ia memartabatkan lagi kedudukan industri luar pesisir yang mana menghendaki supaya kita berniaga secara bersih dan terkawal. Setiap peraturan yang digubal sudah tentu mempunyai maksud tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya sudah hampir 10 tahun IOFC ini kita canang ke merata dunia bahawa Labuan ialah pulau IOFC, namun tidak ramai yang tahu bagaimana sumbangan IOFC ini dalam konteks ekonomi setempat. Ini juga penting kerana seperti yang saya pernah katakan di Dewan yang mulia ini pada sidang yang lepas bahawa IOFC yang diletakkan di Labuan ialah nasional agenda, bukannya agenda Wilayah Persekutuan Labuan .

Jika kita melihat kepada infrastruktur asas yang ada pada hari ini dan jika kita lihat pada realitinya dari sudut perniagaan IOFC yang berlangsung di Labuan daripada hari pertama hinggalah ke hari ini, terus terang saya katakan bahawa persepsi umum, tanggapan masyarakat umum ke atas aktiviti perniagaan industri luar pesisir ini, baik kewangan atau insuransnya, masyarakat mempunyai pelbagai tanggapan. Ada yang terus menganggap bahawa IOFC ini tidak menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat walhal bila mana ia diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ialah untuk membantu ataupun salah satu cara untuk kita mengaitkan ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan yang kedua diwujudkan di negara ini, tetapi malangnya hingga ke hari ini rakyat atau masyarakat umum masih beranggapan bahawa IOFC gagal menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat .

Jadi saya berharap supaya rang undang-undang yang kita pinda, yang kita gubal ini, bukan kali pertama kita membincangkan soal pindaan rang undang-undang yang melibatkan aktiviti kewangan luar pesisir ataupun aktiviti insurans luar pesisir. Ia telah pun berlarutan sejak empat tahun yang lalu dan saya yakin kerajaan dalam usaha meminda rang undang-undang tersebut bertujuan untuk meletakkan Malaysia di persada industri luar pesisir kewangan antarabangsa lebih kompetitif dan berdaya saing. Tetapi bagaimanakah kementerian menjawab soalan ataupun tanggapan jika sekiranya rang undang-undang yang kita gubal, rang undang-undang yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini bukannya mempermudah, bukannya mempertingkatkan perniagaan industri tersebut malah ianya melembapkan. Bagaimana kerajaan harus menjawab?

Saya ingin berterus terang di Dewan yang mulia bahawa saya menerima beberapa komen sejak akhir-akhir ini ataupun setahun kebelakangan ini tentang IOFC, baik dari sudut kewangannya ataupun insurans luar pesisirnya tidak menunjukkan perkembangan yang menyerlah. Apakah ini disebabkan begitu *rigidnya* peraturan ataupun akta yang diguna pakai di IOFC.

Saya pernah bertanya di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas bahawa apakah dengan wujudnya IOFC di Brunei Darussalam akan memberi saingan hebat kepada IOFC di Wilayah Persekutuan Labuan? Jawabnya tidak. Tetapi saya tidak nampak sejak beberapa tahun kebelakangan ini perkembangan yang menyerlah yang boleh kita banggakan, yang boleh kita canangkan bahawa IOFC telah pun berjaya di negara kita. Dalam konteks ekonomi setempat, saya rasa persepsi masyarakat

umum ianya langsung tidak menyumbang. Saya tidak mengatakan gagal tetapi tidak menyumbang.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memberikan penghormatan IOFC ini di letakkan di Wilayah Persekutuan Labuan di mana membolehkan kerajaan menyalurkan berbilion ringgit peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur tetapi sehingga ke hari ini kenyataan yang ada ialah, yang ada di IOFC Labuan itu hanyalah “*elephant staff*” sahaja, sebahagian besarnya berada di Kuala Lumpur.

Apakah kerajaan tidak bercadang untuk memperketatkan, untuk memastikan bahawa IOFC itu benar-benar berfungsi di Wilayah Persekutuan Labuan. *Player, staff* dan sebagainya mestilah berada di kawasan di mana industri kewangan luar pesisir, insurans luar pesisir ini berada. Jika tidak, Labuan hanya indah pada nama di persada antarabangsa terkenal sebagai IOFC *financial centre* tetapi sebenarnya berjalan di Kuala Lumpur. Kenapa? Kerana kerajaan membenarkan mereka membuka pejabat-pejabat pemasaran *the total marketing office* yang bertempat di Kuala Lumpur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya mahu bantu Labuan, kesian dia. IOFC di Labuan ini saya tengok macam memang benarlah indah khabar dari rupa. Walaupun saya di tanah besar Semenanjung tetapi selalu juga berkunjung kepada jiran kita ini, saya tidak melihat ada aktiviti-aktiviti begitu menonjol, ada *player-player* yang besar, jadi saya lihat dia seakan-akan ada nama tetapi tidak ada hasil yang dinampakkan, sebab itu Labuan pun tidak nampak penonjolan dari segi ekonominya. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mencari satu alternatif supaya benar-benar direalisasikan IOFC di Labuan ini secara menyeluruh. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Saya pun satu ketika dulu sebelum berpeluang menjadi wakil rakyat, sebelum diperkenalkan kepada industri kewangan luar pesisir diberikan taklimat juga mempunyai persepsi yang sama bahawa apakah sumbangan IOFC ini kepada kemajuan perkembangan *economic growth* Labuan. Saya rasa kerajaan harus ataupun LOFSA sebagai sebuah *regulator* perbadanan yang dipertanggungjawab mengendalikan ataupun mengawal selia aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir ini, baik kewangan ataupun insuransnya, patut

memperjelaskan bahawa kemudahan-kemudahan yang ada di Labuan, sama ada kemudahan asasnya atau sebagainya, masih lagi tidak setanding dengan IOFC-IOFC yang lain.

Sebagai contoh, bila mana orang bercakap fasal Cameron Highlands penduduknya tidak ramai tetapi kuasa pembelinya *very high*, tinggi tetapi 10 tahun yang lepas kita melihat dengan adanya IOFC di Labuan tidak ada perkembangan dan tidak ada kemajuan yang boleh dihubungkan dengan wujudnya IOFC di Labuan.

saya juga tertarik tadi dengan ucapan Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa untuk mengekalkan reputasi Labuan IOFC sebagai pusat kewangan luar pesisir yang bersih dan terkawal. Daripada ungkapan tersebut memang nampaklah bahawa kita ingin menjadi sebuah IOFC *player* yang *prudent* dari segi *managemennya*, yang *prudent* dari segi penguatkuasaan perundangannya. Tetapi, apakah faedahnya bersih dan terkawal ini, jika sekiranya tidak ada perniagaan? Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, kenapakah kebelakangan ini, terdapat banyak syarikat kewangan antarabangsa, yang sebelum ini merupakan di antara *pioneer* yang beroperasi di Labuan, sudah mula menutup pejabat. Ada yang setengahnya, sudah pun mengadakan *merger* daripada sebuah syarikat, satu entiti yang berasingan, kini telah bergabung. Kenapa? Apakah fenomena yang sama berlaku di IOFC-IOFC yang lain atau ia hanya berlaku di Labuan, disebabkan oleh beberapa kekurangan yang mungkin tidak dimaklumkan kepada kerajaan, ataupun mungkin kita sendiri tidak tahu. Perkara ini mungkin tidak diketengahkan.

Kalau tidak, saya juga cukup hairan, bagaimana sudah sekian lama, yang terbaru ini, saya difahamkan sebuah bank, yang tidak kurang besar saiznya, kalau bukan *top five*, bererti *top ten* di dunia, telah menutup operasi perniagaannya secara total, *completely close down*, dengan izin di Labuan. Jadi, Kementerian Kewangan harus melihat apakah kerajaan benar-benar serius meletakkan IOFC di Labuan ini, untuk memantapkan Labuan sebagai sebuah pulau yang berdaya saing, dan terkenal di persada kewangan antarabangsa atau hanya “*sekadar melepaskan batuk di tangga*”?

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Ini kerana kalau tidak, kerajaan harus melakukan sesuatu, yang lebih agresif, yang lebih berdaya saing. LOFSA sebagai sebuah *regulator*, harus peka dan sensitif kepada keperluan-keperluan *players* ini, untuk membolehkan mereka berasa *comfortable* atau selesa ketika berada dan mengendalikan perniagaan di Labuan.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, tentang beberapa *remarks* ataupun kenyataan yang sampai ke pengetahuan saya, yang mengatakan bahawa, peraturan yang diguna pakai di IOFC ataupun oleh LOFSA, terlalu ketat sehinggakan sesuatu permohonan mengambil masa yang begitu lama untuk diluluskan, sehingga ada di antara *players*, ada di antara pelabur-pelabur ini yang tidak tahan dengan kerenah birokrasi, yang wujud ataupun tidak, wallahualam, telah tidak berminat dan meninggalkan Labuan dan juga negara kita.

Apakah kementerian sedar dengan perkara-perkara tersebut? Saya menyokong dengan sepenuhnya pindaan ke atas rang undang-undang ini, dengan harapan, ianya mengurangkan kerenah birokrasi. Dengan harapan, ianya dapat mempertingkatkan lagi Industri Kewangan Luar Pesisir dan Industri Insurans Luar Pesisir. Oleh yang demikian, saya meminta Kementerian Kewangan supaya memantau, walaupun LOFSA sebuah badan yang *independent*, bebas dan boleh mengendalikan pandangannya sendiri, tetapi harus juga dipantau, kerana IOFC adalah agenda nasional, agenda negara. Jika gagal, dengan apa sebab sekalipun, *for whatever reason*, kalau sekiranya IOFC itu tutup dan dipindahkan pula ke lokasi yang lain, walaupun di dalam negara yang sama, di negeri yang lain, ia merupakan satu kegagalan.

Kerajaan harus melihat semua aspek, semua sudut supaya perkara tersebut tidak akan berlaku. Saya juga ingin mengingatkan kepada pihak kementerian, bahawa Dewan ini pernah digamatkan dengan beberapa tuduhan yang dilemparkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tumpat pada tahun lepas, berhubung kait dengan CIBT, yang mana statusnya dipertikaikan sama ada ia sebuah syarikat kewangan atau sebagainya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [*Senyum*]

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Sehinggakan, ada kenyataan yang menyatakan, bila ditelefon pejabatnya di Australia, hanya *answering phone* yang menjawab. Jika ini sebenarnya tidak terjawab dengan jawapan yang bernas, maka ia meletakkan LOFSA ataupun IOFC atau industri itu sendiri, berada dalam keadaan



yang goyah. Walaupun misal kata, telah diberikan jawapan, tetapi akan terus timbul bagaimana perkara tersebut boleh berlaku. Kita tidak mahu perkara sedemikian berulang. Oleh yang demikian, saya melihat bahawa pindaan undang-undang yang ingin memisahkan di antara nyawa dan am, merupakan satu tindakan yang tepat dan satu tindakan yang wajar, supaya perkara-perkara *insolvency* dan sebagainya tidak akan berlaku dalam Industri Kewangan Luar Pesisir dan juga Industri Insurans Luar Pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang diharapkan daripada Industri Kewangan Luar Pesisir ini, terutamanya kepada masyarakat yang berada di persekitaran Kepulauan Borneo atau dalam konteks BIMP-EAGA.. Namun, apa yang saya lihat hingga ke hari ini, saya tidak nampak sebarang usaha, baik ianya dimulakan oleh kerajaan, Kementerian Kewangan, Bank Negara atau LOFSA sendiri, untuk dipromosikan secara agresif. Masih lagi kita bertanya-tanya.

Sebagai satu contoh, saya hendak tujukan satu soalan. Saya pernah ditanyakan oleh seorang sahabat, berhubung dengan insurans, yang melibatkan Insurans Luar Pesisir ini, yang mana dia bertanyakan kepada saya, kenapakah dia kata, *investment link insurance product*, dilarang dijual kepada rakyat Malaysia? Saya tidak boleh jawab, kerana saya sendiri pun tidak tahu produk tersebut. Jadi, *public awareness* tentang Industri Kewangan Luar Pesisir, Insurans Luar Pesisir ini, haruslah dipromosikan untuk *the elite community* yang berurusan dengan IOFC *industry* ini, mereka memang sudah tahu. Tetapi persekitaran, saya yakin sahabat-sahabat saya dari negeri Sabah, ada yang langsung tidak faham *what is IOFC is all about* dan juga mungkin sahabat-sahabat dari Sarawak.

Jadi, apakah usaha kerajaan, Kementerian Kewangan, LOFSA dalam usaha memperkenalkan, memaklumkan, memberikan pengetahuan, supaya kita sama-sama boleh turut mempromosikan industri IOFC di negara kita, dan Labuan khususnya. Jika sekiranya LOFSA ataupun Kementerian Kewangan, ataupun Bank Negara membiarkan industri ini berjalan dalam arusnya sendiri tanpa memerlukan sokongan daripada segenap lapisan masyarakat, pemimpin dan sebagainya, saya rasa ianya tidak betul. Ini kerana, sebagai warganegara yang bertanggungjawab, bukan sahaja untuk saya sebagai Ahli Parlimen bagi Labuan, semua wakil rakyat, terutamanya daripada parti kerajaan, bertanggungjawab memastikan IOFC *industry* ini tidak gagal dalam negara kita.

Jika gagal, maka kita semua sebenarnya gagal melakukan tanggungjawab kita dalam melaksanakan agenda nasional ataupun agenda negara. Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, berharap dengan adanya pindaan-pindaan yang dicadangkan, oleh pihak Kementerian Kewangan untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini, mengharapkan supaya dengan adanya pindaan tersebut, saya ulangi sekali lagi, akan mengurangkan kerenah birokrasi yang selalu dipertikaikan oleh pelbagai pihak.

Saya juga meminta sekali lagi, supaya pihak Kementerian Kewangan, Bank Negara ataupun LOFSA yang menjadi *regulator* ataupun pengawal selia kepada Industri Kewangan Luar Pesisir dan juga Industri Insurans Luar Pesisir di Labuan, supaya peka dan sensitif kepada komen, teguran, kehendak dan kemahuan mereka yang ingin melabur di IOFC Labuan. Jika tidak Tuan Yang di-Pertua, apa pun akta yang kita gubal dan luluskan di Dewan yang mulia ini, ianya tidak berbaloi. Ianya tidak akan mendatangkan manfaat. Ianya akan memperbanyakkan lagi akta, akan lagi memperbanyakkan pindaan tetapi, kejayaan jika diukur - tidak ada.

Jadi, harus ada perancangan terperinci daripada pihak Kementerian Kewangan dan saya tanya sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kesungguhan kerajaan meletakkan industri IOFC di Labuan, apakah ia hanya sekadar, orang kata, jangan tidak sahaja, atau benar-benar ia untuk berjaya. Jika ingin berjaya seperti yang pernah dikemukakan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, Labuan sebagai sebuah Pulau, *one in only island in the world*, dengan izin, saya ingat yang tidak ada *marina*.

Saya telah pun bercakap di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, berpuluh-puluh kali, tetapi kerajaan sepi. Saya katakan, jika kerajaan ingin menjadikan Labuan sebuah pulau IOFC yang bertaraf antarabangsa, beberapa keperluan dalam menaiktarafkan infrastruktur asas harus dilaksanakan. Lapangan Terbang Labuan harus dijadikan lapangan terbang antarabangsa, ini tidak, Tawau, sebuah daerah di negeri Sabah, tetapi mempunyai lapangan terbang yang boleh terus terbang ke luar negara, tetapi Labuan, yang dikira bertaraf negeri kecil hanya dibenarkan untuk bertaraf sebagai domestik *airport*. Ini kerajaan harus kaji.

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila ya.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Labuan, adakah kekurangan

infrastruktur yang tertentu ini penyumbang kepada ketidaktumbuhan aktiviti-aktiviti IOFC ini di Labuan? Sekian.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Betul, memang benar, Tuan Yang di-Pertua. Memang benar kekurangan-kekurangan tersebut salah satu faktor kenapa pelabur-pelabur kurang berminat. Contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita mewarisi padang golf, dahulu golf ini elit, hanya orang-orang elit yang bermain, tetapi sekarang ini golf adalah satu sukan, di mana kita beriadah dan mungkin salah satu cara untuk kita *exercise*.

Kita mewarisi padang golf yang ada hari ini sejak mula kita diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan sebagai wilayah, sudah 20 tahun, sedangkan di tempat-tempat lain, sudah ada padang golf yang sampai 54 lubang. Saya telah ketengahkan berkali-kali dan saya telah katakan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika sekiranya kerajaan kata, kita cari pelabur. Sampai dunia kiamat, tidak akan ada pelabur yang datang ke Labuan, kerana sebagai orang yang belajar ekonomi, rasionya, *pollution verses revenue definitely negative*, orang tidak akan datang melabur, Tuan Yang di-Pertua. Orang tidak akan datang melabur ke Labuan.

Saya katakan, kerajaan harus menjadi *catalyze* kepada beberapa pembangunan asas untuk membolehkan orang lain turut serta di belakang. Kementerian Kewangan harus lihat perkara ini, jangan esok gagal IOFC industri ini, disalahkan *players*, disalahkan bank-bank yang datang hendak melabur, tetapi tidak melihat kepada beberapa kelemahan-kelemahan yang telah pun ditimbulkan.

Saya sukacita menyatakan di sini bahawa untuk menjadi sebuah IOFC yang bertaraf antarabangsa, yang setanding dengan *Caymen Island* dan lain-lain pulau-pulau IOFC yang ada di dunia ini, kerajaan harus sanggup membelanjakan berpuluh atau beratus juta ringgit lagi untuk mendapatkan pulangan yang berbilion. Tidak ada orang berniaga dengan modal kosong, lepas itu mengharapkan untung sejuta.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya menyeru .....

**Tuan Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun itu. Ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Labuan dengan Langkawi, dua pulau yang hendak dibangunkan oleh kerajaan. Kita lihat Labuan dari segi duti *freenya* lebih awal

diiktiraf, diwartakan daripada Pulau Langkawi, tetapi kita lihat bahawa kepesatan pembangunan yang dibawa ke Langkawi, jauh lebih hebat daripada Labuan.

Adakah Yang Berhormat Labuan merasakan bahawa Labuan juga harus diberi kepesatan pembangunan seperti yang berlaku di Pulau Langkawi, walaupun struktur pembangunan yang hendak dibawa itu berbeza, Labuan sebagai *financial center* dan Langkawi itu sebagai *tourist* dan juga pembangunan *center*, tetapi dari segi kepesatan pembangunan, perlu kesamarataan atau *concentration* yang harus dibawa oleh kerajaan dalam membangun Langkawi dan juga membangun Labuan sebagai *financial center*.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Beluran. Memang tepat apa yang Yang Berhormat katakan tadi bahawa kejayaan IOFC harus seimbang dengan pembangunan-pembangunan infrastruktur asas yang lain. Saya pernah berkata di Dewan yang mulia ini, tentang bezanya Labuan dengan Langkawi, kalaulah jumlah yang dibelanjakan di Langkawi itu, dibelanjakan di Labuan, rasanya saya sanggup meletakkan diri saya sebagai cagar, jika sekiranya IOFC itu gagal menarik pelabur-pelabur untuk datang ke Labuan.

Tetapi hari ini jika kita lihat bahawa apa yang dibelanjakan di Langkawi untuk dijadikan sebuah pulau pelancongan, contohnya, saya ingat hingga ke hari ini pencapaiannya tidaklah sejauh mana, kerana saya masih ingat Le Tour de Langkawi bermula di Langkawi, hari ini ia sudah berada di luar Langkawi, tidak Le Tour de Langkawi ini berada di Langkawi, tetapi di luar Langkawi.

Jadi, usaha untuk mempromosikan Langkawi dengan pelbagai usaha pelancongan sudah jauh tersasar. Tetapi dalam konteks IOFC, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya cuma meminta kerajaan melihat keperluan-keperluan untuk memantapkan kedudukan Labuan sebagai IOFC itu harus diberikan perhatian serius dan sewajarnya.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya! Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kita dengar hujah-hujah dari wakil Labuan, yang menyatakan bahawa IOFC yang ada di Labuan gagal, jadi, kita bersimpati. Kalau kita meninjau sejarah, Labuan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan pada 1984, ketika itu heboh di seluruh negara mengatakan Labuan ini dijual kepada Kerajaan Persekutuan oleh parti-parti pembangkang.

Jadi, nampaknya, selain daripada IOFC, kita banyak dengar sungutan-sungutan bahawa pelancong-pelancong kita nampak begitu sedikit pergi ke Labuan kerana tidak ada barang yang hendak dilancong di Labuan. Kita hanya nampak mungkin banyak hotel yang lima bintang, tetapi kemudahan-kemudahan tidak ada.

Jadi, saya bersimpati kepada wakil daripada Labuan dan saya berharap supaya mungkin satu pendekatan baru untuk Labuan, kerana kita nampak walaupun mungkin ada Labuan dianggap sebagai bebas cukai tetapi masalah banyak, orang tidak pergi kerana tidak ada kemudahan-kemudahan pelancongan seperti yang dikatakan oleh wakil daripada Labuan.

Jadi, saya minta mungkin kita menubuhkan satu badan, selain daripada Kementerian Kewangan atau Menteri Wilayah, satu badan yang boleh mengkaji untuk mempromosikan Labuan dan seterusnya kita mahu supaya IOFC ini berjaya di Labuan, sama ada cadangan ini boleh diterima oleh wakil daripada Labuan. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kalabakan. Saya, apa sahaja cadangan, apa sahaja sokongan yang diberikan dalam usaha untuk kita menjayakan IOFC industri di Labuan tetap akan saya persetujui, malah saya berikan sokongan. Seperti yang saya katakan tadi, seperti sahabat saya Yang Berhormat bagi Beluran dan juga Yang Berhormat bagi Kalabakan katakan tadi, bahawa tidak ada perkara yang hendak dilancong, tidak ada apa yang hendak dibeli.

Tuan Yang di-Pertua, *duty free*, kita merupakan di antara pulau selain dari Pulau Pinang, pulau tersebut yang bertarafkan *duty free Island*, barulah sekarang ini Langkawi, Tioman dan Pulau Layang-layang.

Apa faedahnya *duty free* ini, Tuan Yang di-Pertua, rokok, arak, kereta, kadang-kadang saya terfikir, saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini, bagi saya jambatan menghubungkan saya ke negeri Sabah, ambillah balik *duty free* ini, saya yakin akan lebih ramai orang datang ke Labuan daripada dikekalkan *duty free*, kita macam hidup dalam hutan, kiri kanan belantara, istana dalam hutan. Inilah jadinya Labuan.

Kenapa tidak Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua sendiri pernah tegur saya, saya pernah bertelingkah dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, tentang feri, ini sudah masuk penggal kedua saya jadi wakil rakyat, masalah feri tidak selesai.

Jadi, di mana kesungguhan kerajaan untuk membangunkan Labuan sebagai pulau IOFC jika perkara-perkara asas yang melibatkan bidang kuasa kerajaan pun tidak dapat diselesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun ya. Sri Aman.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Ya.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan juga rakan dari Labuan. Tentang *duty free* ini yang pelik saya rasa sukar untuk orang yang boleh minum seperti saya hanya dibenar membawa balik satu liter sahaja, untuk apa satu liter itu, sebanyak liur 'buntak' sahaja. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Apa itu liur buntak?

**Tuan Jimmy Donald:** Buntak, '*grass hopper*' - dalam bahasa Melayu. *[Ketawa]*

Jadi, saya rasa ini tidak begitu ikhlas mengadakan *duty free* seperti itu, apakah masa Hari Gawai isu itu sangat relevan oleh kerana ramai orang dari Sarawak yang melintasi Labuan, apabila dia balik ke Sarawak.

Jadi, yang seterusnya saya minta komen dari Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, yang seterusnya dari masa ke semasa saya juga ada pergi ke Labuan dan saya nampak Labuan itu belum sampai ada *critical mess*, ini tidak cukup, itu tidak cukup untuk dia bergerak maju.

Jadi, Yang Berhormat tadi telah minta Kementerian Kewangan, jadi apakah kementerian-kementerian lain yang Yang Berhormat fikirkan yang boleh memberi *critical mess* supaya apa industri yang kita hendak cadangkan ini boleh maju mulai dari sekarang.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman. Seperti yang saya nyatakan tadi dan juga seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan, saya berharap dengan adanya kementerian baru yang diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan, mudah-mudahan beberapa perkara akan dapat diselesaikan. Dan ini juga tertakluk kepada contohnya, kesungguhan kerajaan tentang membangunkan industri IOFC yang diletakkan di Labuan.

Berbalik kepada *duty free*, hampir semua tempat ada *duty free*, mungkin ramai yang tidak tahu, *duty free* diwujudkan dalam pelbagai konteks, ada yang dipanggil *free trade zone*, di mana orang boleh bawa masuk barang, boleh eksport balik, juga *duty*

*free* dalam kaedah dalam terma yang berbeza. Kementerian Kewangan sendiri mereka cipta pelbagai dasar yang akhirnya menggagalkan *duty free* di Labuan.

Barangan elektrik, dahulu orang Semenanjung, Sabah dan Sarawak bila hendak beli *the latest electronic product*, dengan izin, mesti ke Labuan. Kenapa? Kerana kita import daripada Jepun, hari ini barangan tersebut dijual lebih murah di tanah besar Semenanjung dan di negeri Sabah, dan jika diimport dibawa masuk ke Labuan, harganya jauh lebih mahal. Macam kita buat Proton, beli Proton di KL dengan di KK lebih murah beli Proton di Labuan dan bawa keluar, takkah pelik, Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, saya ingin mengemukakanlah supaya Kementerian Kewangan, kerajaan kajilah semula pelbagai aspek jika ingin IOFC industri kewangan luar pesisir berjaya, jika ingin industri insurans luar pesisir berjaya. Saya lihat kesungguhan *players* dan juga pegawai-pegawai yang berkhidmat di IOFC tetapi mereka juga *handicap*, Tuan Yang di-Pertua, bila mana kerajaan sendiri tidak komited secara total, jika ada permasalahan yang diketengahkan, sama ada disalurkan melalui saya atau pelbagai pihak, *the best answer* yang kita sudah dapat daripada pihak kerajaan, kajian.

Kerajaan ini memang *noted* dengan kajian, kajian, kajian, kajian, tidak ada satulah yang tidak ada kajian, lapangan terbang di *upgrade* – kajian. *Integrated port* hendak dibuat – kajian. Kajian, kajian, kajian, masuk RM-9, RM-10, pelaksanaannya tidak ada. Jadi, jika sekiranya budaya kajian ini berjalan terus dalam konteks kerajaan hari ini, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa pun akan dibincangkan di Dewan yang mulia ini, tentang apa Akta sekali pun IOFC akan berada di takuk yang lama ataupun statik, macam *statue*, tidak bergerak.

Jadi, kita jangan salahkan besok bahawa bank itu, *insurance company* ini dan sebagainya menjadi punca industri tersebut lembap, tidak. Saya rasa dalam konteks ini saya telah mengatakan berkali-kali kerajaan harus menjadi *catalyst* untuk mempercepatkan pelbagai aktiviti dan industri di Labuan, jika tidak, *investor* tidak akan datang kerana perkiraan yang paling *simple*, jika diambil jumlah penduduk kuasa pembeli, tidak ada pelabur yang akan datang melabur.

Jadi, untuk menjadikan Labuan benar-benar bukan *Truly Asia* ataupun sebagai *Truly IOFC* yang berdaya saing di dunia, maka beberapa perkara yang telah dikemukakan untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh kerajaan, kemudahan-kemudahan asas kerana mereka ini bukan robot, Tuan Yang di-Pertua, mat saleh-mat

saleh ini dia datang dia hendak bercuti, dia hendak main golf, dia hendak *sailing* dan sebagainya, semua kemudahan ini tidak ada.

Semua kemudahan ini masih dalam peringkat kajian, kajian dan kajian. Jadi, saya mintalah setelah saya kemukakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, saya bersungguh-sungguh ingin membantu industri IOFC seperti yang saya katakan tadi, di pihak IOFC sendiri, LOFSA sendiri kemungkinan boleh mengadakan satu taklimat khas kepada semua MP kerajaan dan jika perlu pembangkang pun diberikan taklimat tentang betapa pentingnya kita jayakan IOFC ini di negara kita. Kerana harapkan mereka datang ke Labuan, mungkin mereka takkan datang, kerana melibatkan kos, *must be* ada *effort* daripada pihak LOFSA, pihak kewangan luar pesisir itu sendiri untuk sama-sama meletakkan tanggungjawab ke bahu kami dan fahamkan kepada kami dan sahabat-sahabat saya seperti yang saya katakan tadi terutamanya Sabah dan Sarawak apakah dia industri kewangan luar pesisir dan industri insurans luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya seperti yang Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan nyatakan tadi, jika sekiranya kerajaan was-was dalam usaha untuk betul-betul menjadikan Labuan ini sebagai pulau IOFC yang bertaraf antarabangsa, mungkin mereka beranggapan bahawa, oh apa yang ada di Labuan lebih daripada cukup, jangan bandingkan kami dengan Kudat, memanglah kami lebih daripada Kudat, bandingkan kami dengan IOFC-IOFC yang lain di dunia, seperti Dubai dan Bahrain, contohnya, *probably* kita tidak pun sampai 10% daripada taraf mereka. Jadi inilah masalah yang selalu saya hadapi, jika mengemukakan masalah tentang membangunkan Labuan, ohh, *you all* dah ada macam-macam dah, kawasan ini tidak ada, jangan *compare apples* dengan buah nenas, tak samalah.

Jadi, inilah saya merayu kepada kerajaan supaya betul-betul prihatin akan nasib IOFC industri ini dengan menyeluruh, jangan *on piecemeal basis*, datang Bill, bila Bill lulus, tak juga aktif industri tersebut, buat lagi satu Bill, saya ingat Bill tidak akan menjadi penyumbang, jika sekiranya perkara-perkara lain. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua saya menyeru kepada LOFSA supaya persepsi – mudah-mudahan ia tidak betul – bahawa adanya kerenah birokrasi yang cukup tinggi sehinggakan mereka tidak berminat untuk datang melabur. Supaya perkara ini dapat dilihat, diperhalusi dan diperbetulkan. Jika tidak ia akan menyumbang kepada kegagalan untuk kita menjadikan IOFC sebuah realiti di negara kita.



Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir ingin saya kemukakan ialah saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan daripada beberapa bil yang telah kita luluskan pindaan kepada Akta Insurans Luar Pesisir 1990. Sejauh manakah pindaan-pindaan ke atas akta tersebut boleh membantu untuk meningkatkan industri insurans atau yang berkaitan dengan insurans di Labuan. Ini juga harus dikaji. Jika sekiranya ada impak yang ketara, ada *significant effect* kepada kajian-kajian ke atas akta-akta tersebut, maka satu usaha yang menyeluruh harus dibuat oleh Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa kita tidak ketinggalan di belakang IOFC-IOFC yang lain. Jika tidak saya yakin dan percaya nanti negara jiran kita akan mendahului kita walaupun mereka menubuhkan IOFC jauh lebih lambat berbanding dengan negara kita Malaysia.

Dengan hujah demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bintang.

#### **4.04 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Luar Pesisir 1990. Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia umumnya masih belum memahami maksud perkataan luar pesisir walaupun akta ini sudah wujud 13 tahun yang lalu berserta dengan akta-akta penguat kuasa dan pendirian perdagangan yang lain sejak penubuhannya.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan pada tahun 1990, Barangkali salah satu sebab ialah Wilayah Persekutuan Labuan agak terpencil dan berjauhan dengan Semenanjung. Walaupun kewujudan Labuan sebagai lengkap kepada pusat kewangan serantau di Kuala Lumpur. Publisiti yang kurang barangkali menjadikan sebab rakyat Malaysia umumnya tidak mengetahui kewujudan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir Malaysia.

Selama 13 tahun sudah berlalu, setakat ini hanya 107 syarikat insurans dan berkaitan LOFSA iaitu setakat 31 Julai tahun lalu dan ia jatuh nombor dua selepas kegiatan syarikat perdagangan dan bukan perdagangan yang berjumlah 3,842 bagi tempoh yang sama manakala perbankan jatuh nombor tiga iaitu berjumlah 56 buah. Sungguhpun ada kemajuan berbanding tahun 1996 iaitu berjumlah 9 syarikat insurans luar pesisir berdaftar di Labuan tetapi umumnya tidak menyedari peranan LOFSA.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia berjaya menjadi salah satu pusat perdagangan luar pesisir di dunia yang mana kawasan berhampiran iaitu Singapura dan Hong Kong tetapi sejauh mana kemampuan Malaysia beraksi di pentas dunia tidaklah diketahui. Usaha hendaklah dibuat supaya Labuan sebagai pusat perdagangan luar pesisir di rantau ini mampu menyaingi syarikat insurans di negara lain baik di dunia Amerika, Eropah, Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik hendaklah diperhebatkan lagi.

Berbalik kepada Rang Undang-undang pindaan ini saya memahami ia bertujuan untuk memperkemas kini akta induk yang ada. Namun saya melihat pindaan ini agak lewat berbanding akta induk yang diluluskan pada tahun 1990. Kita di Dewan yang mulia ini telah mewujudkan satu Akta Insurans Tahun 1996 yang baru yang komprehensif akan tetapi mengapa baru sekarang diperkenalkan pindaan terutama yang bersabit dengan fasal baru Bahagian IVA pembayaran wang polisi di bawah polisi nyawa dan kemalangan diri yang mengemukakan 11 fasal baru, sedangkan peruntukan di bawah undang-undang berkaitan pembayaran wang polisi amat penting. Apakah selama 13 tahun ini pembayaran hanya dibuat menurut budi bicara dan *appraisal* sahaja.

Saya tidak bersetuju dengan fasal 25K iaitu bahagian ini mengatasi polisi yang mana undang-undang bertulis lain yang mana yang dipertikaikan sama ada dirujuk untuk mahkamah atau menimbang taraf undang-undang ini mengatasi peruntukan polisi insurans yang ada iaitu berkuasa membatalkan apa-apa juga keputusan menanggung insurans. Ini bermaksud boleh menyekat kewibawaan sesebuah syarikat insurans luar pesisir membuat keputusannya sendiri.

Saya bukannya menyokong apa juga tindakan syarikat insurans luar pesisir yang dibentangkan dengan hasrat dan kehendak pemegang polisi tetapi peruntukan ini memperlihatkan campur tangan kerajaan bila berlaku pertikaian termasuk pertikaian tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mata wang yang digunakan yang mana selama ini ialah mata wang US atau wang asing tetapi dengan kemasukan pindaan baru dalam fasal 4 iaitu "Apa-apa amaun lain yang lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank" saya berpendapat amaun ini dibayar dalam Ringgit Malaysia supaya negara memperoleh kesan daripada pertukaran asing.

Seperkara lagi, sungguhpun syarikat insurans luar pesisir luar Labuan mengandungi syarikat-syarikat insurans yang ditubuh di dalam dan di luar negeri namun adalah seragam dalam pemakaian tarif kadar permodalan seperti yang dipakai dengan berkuat kuasa dengan syarikat domestik. Bagaimana pula syarikat luar pesisir, adakah memakai kadar tarif sendiri yang berasaskan pemakaian syarikat di negara asal? Bagaimana pula persaingan yang dihadapi oleh syarikat luar pesisir yang ditubuhkan di Malaysia, dalam negeri dengan syarikat luar pesisir asing? Apakah kesan kegiatan dalam era globalisasi terutama mendapat pasaran luas dari China?

Kerajaan hendaklah mencari jalan dan langkah yang terbaik supaya Labuan boleh menjadi sebuah pusat Loy of London pasaran insurans sebab Loy of London boleh dikatakan satu insurans yang termasyhur dalam dunia ini. Bagi Malaysia dalam tempoh 10 tahun akan datang menerusi perancangan yang teratur dan berkembang menggunakan tenaga dan kepakaran Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu melihat bahawa Rang Undang-undang pindaan yang sudah terlewat dan dianggap tercicir dan dipesatkan yang berlaku di Labuan sendiri. Undang-undang hanya satu langkah penguat kuasa sedangkan masalah dari kepesatan pasaran sudah mendahului masa.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu yang dianggap tercicir ialah Info LOFSA dan syarikat insurans luar pesisir dalam laman web sendiri yang tidak dikemas kini. Bagaimanakah pula jika orang ramai termasuk prospek insurans asing ingin melayari laman web, mereka tidak mendapat maklumat terkini. Saya berharap LOFSA boleh menjadi pemimpin pasaran bukannya menjadi pengikut pasaran. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tumpat.

#### **4.11 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi sedikit kesempatan untuk saya turut membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990. Sebagaimana kita maklum dan kita dengar khususnya sahabat saya Yang Berhormat bagi Labuan, menerangkan tentang keadaan umum masalah yang dihadapi oleh kawasan yang beliau wakili iaitu Labuan yang diisytiharkan sebagai suatu pusat IOFC untuk memberi satu imej bukan sahaja kepada Labuan tetapi kepada seluruh negara Malaysia sebagai suatu negara yang menyediakan pusat untuk berbagai-bagai jenis perniagaan kewangan atas nama

IOFC. Tetapi sebagaimana beliau sebut dan saya rasa saya amat bersetuju dan bersimpati dengan keadaan yang ada, projek IOFC ini telah tidak mencapai kejayaan sebagaimana yang kita harap-harapkan.

Kami senantiasa menyokong dasar-dasar dan projek-projek kerajaan yang membawa kebaikan untuk masyarakat dan negara. Oleh itu pada umumnya, kita tidak mempunyai apa-apa halangan untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir ini jika tujuannya ialah untuk memperkemaskan lagi, untuk memberi suatu kuasa yang lebih efektif kepada Menteri Kewangan dan LOFSA, untuk mengendalikan industri khususnya industri insurans di IOFC Labuan itu. Kita ada beberapa soalan yang perlu penjelasan daripada pihak kementerian.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang sebentar tadi menyebutkan tentang jumlah syarikat-syarikat insurans luar pesisir yang beroperasi di Labuan. Statistik yang saya lihat merujuk kepada Laman Web IOFC, bagaimanapun jumlah yang saya perolehi daripada melihat ke Laman Web IOFC itu nampaknya tidak setinggi jumlah syarikat insurans luar pesisir sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi. Saya mempunyai angka mengikut maklumat dalam Laman Web IOFC berkenaan dengan syarikat-syarikat insurans luar pesisir yang mana jumlah terakhirnya disebutkan sebagai hampir 80 buah syarikat insurans luar pesisir. Jadi ini mungkin kesilapan maklumat yang saya perolehi melalui laman web itu ataupun sebab-sebab yang lain. Jadi saya ingin bertanya, berapakah syarikat insurans luar pesisir yang beroperasi sekarang ini di Labuan dan adakah benar apa yang kita dengar daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Labuan yang jumlah syarikat-syarikat sama ada insurans luar pesisir ataupun secara umumnya syarikat-syarikat yang mendaftarkan diri mereka dan mengambil kesempatan, peluang-peluang melalui status Labuan sebagai IOFC ini bukannya meningkat tetapi menurun dari tahun ke tahun sebagai yang kita dengar tadi. Adakah ini keadaannya?

Seterusnya sebagai perbandingan, ada pula syarikat-syarikat takaful luar pesisir di Labuan itu. Saya juga ingin mendapat gambaran sama ada aktiviti takaful luar pesisir di Labuan ini berjaya? Adakah jumlah syarikat yang didaftarkan untuk perniagaan tersebut meningkat atau menurun dan selain daripada jumlah syarikat-syarikat yang meningkat atau menurun ini adakah jumlah perniagaan yang mereka lakukan itu meningkat atau menurun? Mungkin jumlah syarikat menurut tetapi

perniagaan syarikat yang ada itu meningkat. Itu boleh dianggap suatu kebaikan atau positif juga. Maka dengan sebab itu saya ingin mengetahui jumlahnya.

Berkaitan dengan takaful luar pesisir di Labuan ini, saya juga ingin bertanya sama juga dengan masalah bank Islam Tuan Yang di-Pertua, jelas oleh sebab perbandingan dibuat oleh sahabat saya Labuan dengan Dubai, Abu Dhabi dan sebagainya, ada perbezaan fatwa di antara tokoh-tokoh atau Majlis Fatwa Perbankan Islam yang juga saya fikir ada persamaan dengan takaful di Malaysia dengan fatwa perbankan dan takaful yang dipersetujui oleh ulama-ulama yang berkaitan di Timur Tengah itu. Secara umumnya mereka di Timur Tengah menganggap bahawa syarat-syarat perbankan Islam dan takaful kita di Malaysia ini terlalu longgar untuk mereka terima.

Dan oleh sebab *Islamic money, Islamic funds*, dengan izin, jumlahnya adalah agak besar berbanding dengan *funds* atau dana-dana yang lain di seluruh dunia ini dan oleh sebab dana Islam itu kebanyakannya sama ada daripada Timur Tengah ataupun dikuasai oleh orang-orang daripada Timur Tengah dan kalau takrifan mereka bahawa pentafsiran berkenaan dengan perbankan Islam dan takaful Islam di Malaysia ini tidak boleh mereka terima, maka dengan sebab itu kemungkinan besar yang jumlah dana Islam yang ada di IOFC Labuan kita ini masih lagi tidak tinggi sebagaimana yang kita harap-harapkan.

Kalau itu keadaannya, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada kementerian bercadang untuk berunding, berbincang, mengadakan majlis-majlis perundingan dan perbincangan dengan pihak yang mengeluarkan fatwa-fatwa ini di Timur Tengah supaya kita ada penyelarasan dan persetujuan bersama tentang syarat-syarat dan fatwa-fatwa yang boleh dipersetujui oleh pelabur-pelabur yang besar jumlah dana mereka daripada Timur Tengah tersebut. Jadi saya ingin menyeru kepada pihak kementerian untuk memikirkan tindakan-tindakan seperti itu.

Dalam konteks insurans luar pesisir biasa, Tuan Yang di-Pertua, perniagaannya mungkin besar sudah tentunya, tetapi perniagaannya di kawasan kita ada risiko-risikonya. Baru-baru ini satu kapal pembawa kereta daripada Korea, saya fikir kereta Hyundai berlanggar dengan kapal tangki minyak di luar perairan Singapura iaitu berdekatan dengan Malaysia. Perlanggaran-perlanggaran seperti ini ada kesan risikonya terhadap syarikat-syarikat insurans sudah tentunya dan berkemungkinan besar *company* atau syarikat-syarikat yang menjadi tuan punya kepada kapal-kapal

seperti ini, ada kemungkinan menggunakan syarikat insurans luar pesisir daripada Labuan.

Jika ini kerap berlaku, sudah tentu perniagaan insurans luar pesisir dirantau kita akan menjadi kurang menarik kerana keuntungan akan menjadi kurang besar, malah kalau kapal-kapal sering melanggar di antara mereka, syarikat-syarikat insurans ini akan rugi. Jadi adakah Kementerian Kewangan sedar akan kemungkinan-kemungkinan pelanggaran seperti ini berlaku dan ada kesannya terhadap industri insurans kita. Ini saya sebutkan kerana Kerajaan Amerika Syarikat bercadang untuk membawa kapal-kapal perang mereka pula ke Selat Melaka, ke perairan-perairan kita, kononnya untuk mengawal keadaan dalam perairan-perairan negara kita.

Adakah kementerian sedar akan cadangan oleh Tentera Amerika ini dan kalau implikasinya, risikonya bererti bahawa pelanggaran-pelanggaran antara kapal-kapal biasa, kapal-kapal perdagangan dikacau pula oleh kapal-kapal peronda kononnya daripada Amerika Syarikat, maka implikasi-implikasi yang bukan sahaja terhad kepada percubaan Amerika untuk menguasai seluruh dunia ini tetapi akan menjejaskan usaha-usaha kita untuk meningkatkan perniagaan khususnya dalam kes ini bidang insurans luar pesisir di Labuan ini akan turut sama terjejas.

Jadi, saya ingin merayu kepada pihak kementerian untuk mengambil kira pergolakan-pergolakan ini dan jika ini diterima sebagai suatu pergolakan yang membimbangkan, menjejaskan lagi perniagaan di Labuan yang sudah pun teruk mengikut Yang Berhormat bagi Labuan tadi. Maka ada baiknya jika Kementerian Kewangan menasihatkan Kementerian Luar Negeri kita supaya mengambil sikap yang tegas di atas dasar-dasar Amerika Syarikat ini untuk membawa kapal-kapal perang mereka pula masuk ke tanah air, ke perairan-perairan berdekatan dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta ini dan pindaan ini sebagaimana saya sebutkan tadi sudah tentu sebahagian besarnya untuk memastikan bahawa akta yang sedia ada tidaklah menjadi sebegitu longgar yang ianya boleh disalahgunakan oleh orang-orang yang tidak berniat murni untuk menjalankan perniagaan yang tulen dalam bidang insurans luar pesisir ini. Kemungkinan-kemungkinannya syarikat-syarikat menggunakan kelonggaran-kelonggaran yang ada melalui akta yang sedia ada ini sebenarnya bertujuan untuk mensucikan wang mereka ataupun dengan izin *money laundering* melalui akta ini dan melalui syarikat-syarikat yang mereka

tubuhkan untuk menjalankan usaha perniagaan insurans luar pesisir tetapi perniagaan mereka sebenar tidak lain tidak bukan ialah *money laundering*.

Sebagaimana sahabat saya Yang Berhormat bagi Labuan sebutkan tadi, Yang Berhormat sahabat kita yang sudah pun sekarang ini berada di Dewan Undangan Negeri Kelantan bekas Yang Berhormat bagi Kubang Kerian Tuan Haji Husam telah memberikan contoh syarikat yang kononnya merupakan syarikat perniagaan kewangan yang besar, yang mempunyai jumlah dananya beribu juta dolar Australia dengan syarikat bernama CIBT masuk melalui kemudahan-kemudahan bank kita, LOFSA, dan kononnya memasukkan wang tersebut untuk dilaburkan melalui Labuan.

Kebimbangan-keimbangan ini kekal ada menerusi akta yang sedia ada dan mungkin melaluinya, walaupun diadakan pindaan-pindaan ini. Jadi, saya tanpa mengulangi sekali lagi apa yang berlaku tentang CIBT yang sehingga hari ini dan Yang Berhormat bagi Labuan pun bersetuju tadi tidak dijawab dengan jelas oleh Menteri ketika itu dan sehingga ini pun. Maka kita tidak mahu perkara seperti ini berulang lagi melalui industri-industri insurans luar pesisir pula, sekali lagi menggunakan LOFSA, sekali lagi mengambil kesempatan undang-undang yang kita ada untuk tujuan sebenar untuk *money laundering* dengan izin dan bukan untuk perniagaan yang sebenar.

Saya secara khususnya Tuan Yang di-Pertua, ingin merujuk kepada beberapa perkara sahaja dalam rang undang-undang sebagaimana yang ada dan diedarkan untuk persetujuan kita ini. Pertamanya saya hendak melihat kepada Seksyen 2 yang mana ditambah istilah 'pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri'. Ertinya mana-mana badan atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi penyeliaan sesuatu pemegang lesen di mana-mana negara. Kita bimbang istilah-istilah seperti inilah yang saya sebutkan tadi agak longgar, bahawa kita menerima istilah pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri sebagai merujuk kepada negeri atau negara yang mana syarikat insurans luar pesisir itu menganggap sebagai ibu negara mereka, dan mereka kononnya kelulusan daripada institusi dalam negara mereka. Dengan pengiktirafan mereka oleh institusi dalam negara mereka sebagai syarikat insurans, maka mereka pun berpindah dan mendaftar sebagai sebuah syarikat insurans luar pesisir di Labuan pula.

Kebimbangan kita ialah sebagaimana saya sebutkan tadi kes-kes yang telah berlaku. Kalau Australia boleh terlepas mengawasi syarikat yang tidak ada tujuan

lain kecuali *money laundering* sebagaimana kes CIBT ini, apakah pula negara-negara lain tanpa memberikan contoh untuk tujuan mengecilkan mana-mana negara Australia yang kononnya maju itu boleh membenarkan dan terlepas di dalam pengawasan mereka, keadaan-keadaan penipuan kewangan seperti itu. Apa yang boleh menghalang orang-orang yang mendaftarkan syarikat ini di tempat-tempat yang lain di benua Afrika ataupun Latin Amerika yang kemudiannya masuk sampai ke Labuan atas nama sebuah syarikat insurans luar pesisir, kononnya daripada negara A,B,C,D dan sebagainya dan mendaftarkan diri mereka dengan LOFSA sebagai sebuah syarikat insurans luar pesisir dan kita menerima itu kerana kita menganggap bahawa tanggungjawab penyeliaan ini adalah kepada negara-negara di mana syarikat ini awalnya memperoleh lesen mereka.

Inilah beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua yang kita bimbang. Kemudiannya di muka 5, pindaan Seksyen 9 yang mana pada asalnya dua peruntukan kecil tetapi ditambah kepada tiga. Saya baca penjelasannya, tujuannya dia kata sama tetapi ia tukar sedikit daripada Menteri yang mengeluarkan lesen untuk syarikat insurans luar pesisir ini, lesen itu mengikut cadangan pindaan ini akan dikeluarkan oleh LOFSA. Itu saya kurang pasti baik buruknya, bijaksana atau tidaknya cadangan ini. Sebab ia menjelaskan bahawa kuasa menentukan, kuasa mengeluarkan, kuasa menolak ialah Menteri, itu tidak ditukar. Tetapi kalau dahulunya Menteri sendiri mengeluarkan lesen tetapi kali ini mengikut pindaan yang dicadangkan ini LOFSA yang mengeluarkan lesen. Saya tidak nampak suatu kebijaksanaan, kelebihan peruntukan yang hendak ditambah ini daripada peruntukan yang sedia ada. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa cadangan dan pandangan yang saya ingin kemukakan dalam perbahasan ini terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian menjawab

**4.27 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan serta mencadangkan di atas pindaan Akta ini dan pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua kita dapat melihat, dapat mendengar sebentar tadi sebenarnya keseluruhan Yang Berhormat menyokong di atas pindaan Akta Insurans Luar Pesisir Labuan 1990 ini dengan tujuan untuk meningkatkan serta



menjadikan IOFC Labuan sebagai pusat pesisir yang berdaya saing serta mendapat sambutan daripada pelabur.

Apa yang kita dengar tadi Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan yang dibangkitkan terutamanya Yang Berhormat rakan kita daripada Labuan sebagai Ahli Yang Berhormat kawasan berkenaan, kita juga bersimpati kerana apa yang kita bangkitkan tadi kekurangan soal promosi, infrastruktur serta apa yang kita hendak meletakkan IOFC Labuan ini sebagai sebuah ataupun satu pusat yang boleh bersaing dengan pusat-pusat pesisir pantai yang lain di dunia ataupun di rantau ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberi ataupun sebagai Ahli Yang Berhormat yang baru mengulas beberapa perkara yang dibangkitkan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama apa yang dibangkitkan oleh wakil kita daripada Labuan mengenai syarikat-syarikat atau hasil daripada pindaan yang akan diluluskan pada hari ini. Adakah pindaan ini akan tertakluk kepada 100 ataupun 103, ataupun syarikat-syarikat insurans yang telah pun sedia ada di IOFC pada ketika ini.

Perkara ini sebenarnya akan melibatkan semua syarikat yang sedia ada yang akan diberi masa oleh pihak LOFSA untuk satu tempoh supaya keseluruhan akta ini akan diikuti oleh syarikat-syarikat berkenaan dan tempoh masa ini sebenarnya adalah sebagai asas kepada mereka untuk menjadikan terutamanya entiti ataupun syarikat-syarikat yang telah diberi insurans komposit yang kita batalkan melalui pindaan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan undang-undang yang dicadangkan ini adakah akan melambatkan aktiviti di Labuan IOFC itu sendiri untuk mengembangkan ataupun menjadikan IOFC ini berdaya saing, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tujuan kita dengan pindaan ini, insya-Allah dengan penguatkuasaan undang-undang, dengan pemantauan dan sebagainya, kita percaya insya-Allah IOFC Labuan akan menjadi lebih mendapat kepercayaan pelabur dan insya-Allah ia akan menjadikan Labuan itu sendiri sebagai pusat IOFC yang mempunyai kredibiliti dan sebagainya.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita dapat mengekalkan dalam perkembangan sektor ini walaupun dengan kelembapan ekonomi seluruh dunia, di

mana pada tahun 2003 prestasi industri luar pesisir di Labuan IOFC masih dapat mengekalkan momentum yang positif, iaitu kita mencatatkan peningkatan bilangan syarikat yang diperbadankan ataupun didaftarkan di Labuan IOFC dari 3,571 syarikat pada tahun 2002 kepada 4,065 syarikat yang berdaftar sehingga tahun 2003. Ini menunjukkan kepada kita bahawa kepercayaan ataupun keyakinan syarikat-syarikat pelabur kepada IOFC Labuan ini semakin meningkat.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, mengenai dana luar pesisir yang menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan dengan pertumbuhan bilangan pengurus dana dari 12 pada tahun 2002 dan pertambahan dua pengurus dana menjadikan jumlahnya 14 buah pada tahun 2003. Begitu juga dengan jumlah saiz dana yang diluluskan bagi dana persendirian terus meningkat, Tuan Yang di-Pertua, dari USD1.7 bilion pada 2002 kepada USD1.9 pada tahun 2003. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini juga menunjukkan kepada keyakinan pelabur-pelabur dalam usaha kita, termasuk pada hari ini, untuk meningkatkan lagi peranan syarikat-syarikat insurans bagi memastikan mereka yang datang ke IOFC Labuan ini dapat melindungi ataupun dapat memastikan risiko pelaburan mereka mendapat jaminan daripada syarikat-syarikat insurans berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan sebentar tadi, apakah perkembangan IOFC selama hampir 13 tahun di Labuan, apakah faedah yang kita dapat dengan membangunkan Pulau Labuan itu menjadi lebih menarik bukan sahaja kepada pelabur luar negara tetapi juga kepada penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sebagai rakyat Malaysia kita sangat yakin dan percaya satu ketika dahulu Labuan tidak dikenali ramai tetapi hari ini jelas Labuan bukan sahaja menjadi salah satu percakapan mulut rakyat Malaysia sebagai satu destinasi yang hebat tetapi juga ia menjadikan Labuan ini sebagai pusat pelaburan luar pesisir yang kalau pun tidak setanding dengan pusat-pusat pesisir yang lain yang telah lama ataupun berpuluh-puluh tahun malah ada yang beratus tahun di dunia ini, telah pun bertindak demikian tetapi ia menjadi suatu perkembangan yang sangat menarik, satu perkembangan tidak pada asasnya di rantau ini sebagai pusat pesisir yang lebih maju.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan sama ada pusat IOFC ataupun dengan LOFSA ini, kita dapati pihak kerajaan telah melabur dengan

begitu banyak, terutamanya kalau boleh kita lihat, pembangunan pendidikan di Labuan itu sendiri dengan membuka cawangan Universiti Malaysia Sabah yang dikenali sebagai Kampus Antarabangsa Labuan, yang mana kampus ini menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan industri kewangan luar pesisir kepada pelajar-pelajarnya. Dengan penempatan kampus ini, 2,000 pelajar telah dapat kita tumpukan di Pulau Labuan. Begitu juga pembangunan sebuah kolej matrikulasi yang dibina di Pulau Labuan dengan jumlah pelajar pada masa ini 1,500 orang.

Dengan penubuhan dua institusi pengajian tinggi berkenaan, saya percaya sebagai asas untuk menarik rakyat tempatan khususnya untuk sama ada keluarga mereka dan sebagainya, untuk datang ke Labuan dan sekali gus mempromosikan pusat IOFC Labuan itu akan terus kita tumpukan. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kedua-dua pusat pengajian tinggi ini ia akan dapat melahirkan tenaga kerja profesional yang perlu kita keluarkan, yang perlu kita jadikan pengenalan, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum tadi tidak ada ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Labuan bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Labuan ada Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan yang menawarkan kursus-kursus kewangan luar pesisir. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang benar ada ijazah yang dikeluarkan ataupun fakulti yang mengeluarkan ijazah yang *majomya* "Kewangan Luar Pesisir".

Apa yang ingin saya tanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah dari hari pertama ijazah tersebut diperkenalkan, berapa ramaikah graduan yang telah mengambil kursus ataupun yang menamatkan kursus Ijazah Sarjana Muda Sains, ataupun Ekonomi ataupun Multimedia yang pengkhususan mereka dalam Kewangan Luar Pesisir ini yang memberikan peluang pekerjaan di OIFC Labuan kerana yang saya lihat, yang saya sendiri pernah difahamkan bahawa pengambilan pekerja-pekerja di OIFC ini kebanyakannya adalah daripada luar dan mengutamakan mereka yang berpengalaman untuk diberikan pekerjaan.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah rekod yang ada yang diberikan oleh LOFSA ataupun IOFC Labuan berhubung kait dengan pengambilan pekerja yang menamatkan pelajaran mereka di bidang kewangan luar pesisir. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun sama dengan Yang Berhormat sebagai ..sebenarnya laporan penuh mengenai sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi tidak ada dalam laporan saya tapi perlu kita mendapat laporan daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Insya-Allah saya akan usahakan untuk kita laporkan kepada Yang Berhormat secara bertulis tapi saya percaya usaha ini masih baru dan insya-Allah sebenarnya rangka ataupun hasrat kerajaan dengan mengadakan kampus antarabangsa ini saya percaya bukan sahaja kita ingin tumpukan kepada pengajian biasa tetapi kita akan dedahkan kepada pelajar-pelajar secara *hands-on* untuk mereka hadapi dan menjadikan pengalaman di IOFC Labuan itu sendiri sebagai karier, sebagai masa hadapan untuk mereka jadikan kerjaya masa hadapan mereka.

Begitu juga dari segi peluang pekerjaan kepada penduduk Labuan itu sendiri dan juga kawasan-kawasan setempat ataupun berdekatan dengannya, golongan profesional dan juga golongan sokongan kita tidak nafikan dengan wujudnya Labuan IOFC ini telah menarik penghijrahan tenaga profesional daripada Semenanjung Malaysia untuk turut menyumbang kepada pembangunan sektor kewangan luar pesisir dan secara tidak langsung pembangunan sosioekonomi di Pulau Labuan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, juga peningkatan yang boleh kita lihat secara bilangan dalam penglibatan bank-bank dan juga syarikat-syarikat insurans yang beroperasi di Labuan ini telah mengakibatkan peningkatan dalam permintaan kepada ruang-ruang pejabat untuk beroperasi dan secara amnya perkembangan dalam sektor hartanah di Pulau Labuan ini juga meningkat.

Mengenai lapangan terbang baru, sebenarnya lapangan terbang yang sedia ada ini saya difahamkan baru sahaja beroperasi pada tahun 1999 dan ia turut menyokong perkembangan kepada aktiviti pembangunan kewangan luar pesisir ini lebih-lebih lagi sebagai seperti kebanyakan pusat kewangan luar pesisir yang lain seperti keperluan Bermuda, Bahamas dan sebagainya, tapi cadangan Yang Berhormat tadi untuk menjadikan Lapangan Terbang Labuan ini sebagai lapangan terbang

antarabangsa bukan sahaja akan dikaji tetapi juga sebenarnya kita menyokong untuk memastikan kejayaan pusat kewangan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan kepada produk insurans - *Investment Link Products* yang dibangkitkan oleh wakil Labuan juga tadi, ingin kita memperjelaskan insurans ini tidak sama sekali dilarang dijual kepada rakyat Malaysia. Syarikat insurans di Labuan IOFC masih dibenarkan untuk menjual produk tersebut kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi atau *Malaysian high network individual* yang tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu yang dibenarkan oleh Bank Negara.

Mengenai kesungguhan kerajaan untuk menjadikan Labuan IOFC sebagai pusat ataupun sebagai suatu kebanggaan negara, Tuan Yang di-Pertua, LOFSA sedang bercadang untuk membangunkan rangka kerja yang terdekat ini untuk menubuhkan sebagai pendaftar perkapalan antarabangsa Labuan atau Labuan International Shipping Registry dan selaras dengan pengumuman kerajaan dalam pengisytiharan Bajet tahun 2003, di mana satu model yang sesuai telah dirumuskan dan isu-isu dasar utama sedang diputuskan di peringkat operasi. Sebuah bahagian baru telah ditubuhkan dalam struktur organisasi LOFSA untuk menjalankan fungsi LISR ini yang dijangka bermula menjelang akhir tahun ini. Di bawah LISR nanti bakal pemilik kapal akan ditawarkan pendaftaran perkapalan antarabangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Labuan.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, sila.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan bahawa pengumuman tentang *International Shipping Registry* ini telah pun diumumkan oleh Matan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada tahun 2003. Dan Langkawi telah pun diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini akta untuk perkapalan dalam negaranya. Kenapakah pihak kementerian mengambil masa yang begitu lama membuat kajian ke atas pelaksanaan akta pendaftaran kapal antarabangsa tersebut sehinggakan ke hari ini ia masih dalam bentuk rangka kerja dan kajian. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri *why take so long*, dengan izin?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soal ini saya percaya sebagai rangka untuk memajukan tanggungjawab LOFSA itu sendiri, saya percaya pihak LOFSA bukan sahaja ingin mempercepatkan soal-soal ini tetapi tentu

barangkali ada permasalahan-permasalahan teknikal yang mereka hadapi dan saya tidaklah dapat memberikan secara detail kepada Yang Berhormat tapi saya percaya insya-Allah kalau kita lihat langkah untuk menjadikan LISR ini sebagai suatu cara untuk meningkatkan IOFC Labuan saya percaya ini akan dipercepatkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pejabat ataupun apa yang dibangkitkan dan apa yang dicadangkan oleh wakil kita daripada Labuan tadi untuk mensyaratkan kepada kakitangan dan juga mereka yang terlibat dengan pusat pesisir supaya memberi tumpuan khusus kepada aktiviti mereka di Labuan, suka saya memaklumkan bahawa semua syarikat luar pesisir diwajibkan untuk mempunyai pejabat di Labuan tetapi bagi institusi yang berlesen mereka dibenarkan untuk membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, semua transaksi mereka mestilah dijalankan di Labuan, dan.....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan sekali lagi. Tadi saya ada menyatakan kekusaran saya tentang wujudnya pejabat-pejabat pemasaran di Kuala Lumpur di mana ia menjadi salah satu penyebab gagalkan LOFSA atau IOFC ini menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat. Saya lupa hendak bertanya tadi dan saya hendak penjelasan sekarang, yang terkini saya difahamkan bukan sahaja syarikat-syarikat kewangan luar pesisir ataupun syarikat luar pesisir dibenarkan mempunyai pejabatnya di Kuala Lumpur malah yang terbaru saya difahamkan syarikat-syarikat luar pesisir juga dibenarkan membuka pejabat pemasaran mereka di Johor Baru. Apakah rasional LOFSA ataupun kerajaan memberikan kebenaran untuk syarikat-syarikat luar pesisir membuka pejabat di Johor Baru ataupun di Kuala Lumpur? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat, saya percaya kewajarannya tidak lebih daripada untuk mempromosikan pusat pesisir Labuan IOFC ini sendiri kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di sebelah negara kita dan sebelah Malaysia Barat dan khususnya bagaimana cadangan kita tadi juga untuk memastikan dengan hasil promosi dan juga pemasaran mereka ini Insya-Allah akan menjadikan tambahan ataupun menjadikan IOFC Labuan ini sebagai tumpuan ataupun sebagai untuk menjayakan IOFC itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sesetengah syarikat-syarikat bank yang terpaksa menutup bank mereka di IOFC kita ini, sebenarnya penggabungan bank-bank yang terlibat yang beroperasi di Labuan itu sama ada bank tempatan ataupun luar negara yang mana ibu pejabat mereka telah digabungkan antara sebab mengapa bank-bank ini terpaksa dikecilkan dan apabila digabungkan ini, salah sebuah ataupun satu daripada bank-bank itu terpaksa ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibangkitkan mengenai peraturan-peraturan ataupun apa yang diguna pakai di Labuan adalah terlalu ketat dan tidak menggalakkan aktiviti di IOFC itu sendiri, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan masalah kelewatan adalah berpunca daripada permohonan yang dikemukakan tidak lengkap ataupun tidak dipenuhi dengan syarat-syarat yang ditetapkan dan saya yakin LOFSA sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kecekapan operasinya terutama dalam aspek sistem penyampaian ataupun *delivery system* untuk menjayakan khidmat mereka kepada syarikat-syarikat yang melabur di IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesedaran rakyat Malaysia terhadap pembangunan IOFC itu sendiri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, saya percaya pada dasarnya syarikat luar pesisir tidak dibenarkan untuk mengurus niaga dengan syarikat Malaysia melainkan dengan kelulusan Bank Negara Malaysia.

Bagi kempen kesedaran kepada seluruh rakyat Malaysia, LOFSA turut mengambil bahagian dalam seminar-seminar yang dianjurkan oleh MIDA dan juga badan-badan profesional yang lain di negara kita ini seperti mana yang dianjurkan oleh Majlis Peguam, Persatuan Akauntan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibangkitkan mengenai kelewatan pindaan ini, sebenarnya pindaan kepada Akta Insurans Luar Pesisir 1990 telah pun dibuat pada tahun 2001 dan kali ini merupakan pindaan kali kedua. Tujuannya adalah sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu untuk meningkatkan dan memperkemaskan lagi sesuai dengan keperluan semasa dan juga keadaan dagangan antarabangsa di dalam bidang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat sebentar tadi, adakah syarikat-syarikat insurans ini bersedia untuk menanggung sebarang risiko sekiranya berlaku insiden besar yang dimaksudkan, sebagai contoh,

pelanggaran kapal baru-baru ini, saya percaya salah satu cadangan pindaan yang kita bangkitkan pada hari ini adalah untuk memberi kuasa kepada LOFSA untuk menentukan jumlah modal kerjanya adalah lebih tinggi kepada syarikat-syarikat yang LOFSA fikirkan mempunyai risiko yang besar bagi mereka menanggung risiko berkenaan.

Jumlah sebenar syarikat insurans luar pesisir yang hendak diketahui oleh Yang Berhormat bagi Tumpat sebentar tadi sebenarnya pada setakat 31 Disember 2003 terdapat 103 syarikat insurans yang berkaitan di IOFC dan juga jumlah syarikat pesisir yang berdaftar, saya sudah beritahu sebentar tadi berjumlah 4,065 setakat 31 Disember 2003.

Mengenai pengeluaran lesen yang diambil alih oleh LOFSA, kelulusan lesen yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat sebentar tadi sebenarnya dari segi kelulusan, Menteri Kewangan yang meluluskan. Tetapi apabila Menteri Kewangan meluluskan lesen ini sebagaimana akta yang sedia ada, lesen itu perlu diangkat semula kepada Menteri Kewangan untuk ditandatangani bagi mengeluarkan lesen berkenaan. Tetapi dengan perubahan ataupun pindaan akta kita pada hari ini, kita harap setelah diluluskan oleh Menteri, maka untuk proses menandatangani lesen, pihak LOFSA diberi tanggungjawab supaya *red tape* dan juga tempoh pengeluaran lesen itu dapat kita percepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya bangkitkan sedikit mengenai perbezaan ataupun ketidakselarasan fatwa antara majlis syariah di antara negara-negara Islam yang dapat kita selesaikan dengan penubuhan Islamic Financial Service Board yang beribu pejabat di Bank Negara Malaysia yang akan antara lainnya berfungsi untuk menyelaraskan semua amalan perakaunan dan juga menyelaraskan interpretasi syariah yang berkaitan dengan perbankan yang dibangkitkan dalam kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Ia akan menyumbangkan sedikit sebanyak kepada pembangunan IOFC untuk kita jadikan juga sebagai pusat pesisir kepada kewangan Islam di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah serba sedikit yang boleh saya ulas apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan mengenai pindaan akta ini, tetapi saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kesemua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan hal ini sebentar tadi, mereka menyokong usaha untuk meminda akta ini. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 14** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (PINDAAN) 2004**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004 yang dibentangkan untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini merupakan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi keberkesanan rangka kawal selia ke atas industri komunikasi dan multimedia.

Sejajar dengan dasar ketelusan kerajaan dan selaras dengan amalan-amalan kawal selia yang baik, fungsi penggubalan dan penetapan dasar kerajaan diasingkan dari fungsi pentadbiran dan penguatkuasaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Untuk tujuan ini suatu badan kawal selia berasingan iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah ditubuhkan. Lazimnya dengan langkah-langkah liberalisasi pasaran yang dilaksanakan peranan badan kawal selia semakin mencabar kerana isu-isu melibatkan kepentingan komersial akibat pengasingan antara pemegang-pemegang lesen dalam pasaran yang kompetitif, isu-isu ini terpaksa ditangani oleh SKMM sebagai badan kawal selia bagi menangani sesuatu isu. SKMM perlu membuat suatu keputusan dan mengeluarkan arahan-arahan tertentu yang mungkin tidak dipersetujui oleh semua pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 588 mempunyai peruntukan mengenai mekanisme bagi membolehkan pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan atau arahan SKMM membuat rayuan kepada Tribunal Rayuan. Peruntukan dalam Bahagian III Akta 588 memberi kuasa kepada menteri untuk menubuhkan satu Tribunal Rayuan untuk membuat peraturan-peraturan mengenai tata cara perjalanannya.

Penubuhan Tribunal Rayuan adalah penting bagi membolehkan pihak-pihak yang terkilan dengan arahan ataupun keputusan SKMM diberi laluan yang mudah, murah dan cepat dari segi mendapatkan pertimbangan semula ke atas arahan atau keputusan SKMM tanpa melalui prosiding mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menubuhkan Tribunal Rayuan di bawah Akta 588, kementerian telah mendapati bahawa beberapa kekurangan perundangan perlu diatasi malahan draf peraturan untuk menubuhkan Tribunal Rayuan ini telah disiapkan tetapi tidak dapat diwartakan kerana kekurangan perundangan yang bersifat *substantif*. Oleh itu beberapa peruntukan Akta 588 perlu dipinda, diperlengkapkan seperti peruntukan-peruntukan mengenai kuasa-kuasa tertentu tribunal, *emuniti* pengerusi dan ahli-ahli tribunal, penguatkuasaan tribunal dan lain-lain pindaan lagi.

Di samping itu pihak kementerian dan SKMM juga telah mengenal pasti beberapa kekurangan dalam Akta 588 yang perlu diatasi bagi membolehkan pelesenan dan kekuasaan ditangani dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Muar.

**5.04 ptg.**

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut sama-sama terlibat dalam perbincangan meminda Akta Komunikasi dan Multimedia Pindaan 2004.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana dalam kita mempertingkatkan peranan dan kawal selia akta ini bagi membolehkan para pengguna mendapat perkhidmatan yang lebih baik kerana saya merasakan industri yang melibatkan sejumlah wang berbilion ringgit sudah tentunya kita memerlukan suatu akta yang boleh memberi jaminan kepada para pengguna dan perjalanan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan sempurna kerana kita tahu seramai lebih kurang 11 juta pengguna terlibat dalam perkara yang kita perkatakan sekarang ini.

Disebut tadi dalam akta ini ada dua bahagian. Yang pertama mungkin untuk memperkukuhkan lagi penguatkuasaan kawal selia, pelaksanaan pada *service provider* dengan izin yang saya rasa saya amat bersetuju kerana apa yang baik kepada pengguna hendaklah kita sokong.

Cuma yang ingin saya sentuh adalah tentang pindaan-pindaan yang melibatkan kepada penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan seperti yang dinyatakan di Perkara 5 dan kuasa-kuasa yang diberikan seperti dalam Perkara 7 kerana saya mengharapkan pihak kementerian dapat memaklumkan tentang aspirasi sehingga kita merasakan satu tribunal perlu ditubuhkan di bawah akta ini kerana yang pertama saya ingin mendapatkan sedikit maklum balas dari pihak kementerian tentang jumlah kes-kes, laporan-laporan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia setakat ini sehingga kita memerlukan sebuah tribunal bagi melihat laporan-laporan dan kes-kes yang terlibat.

Begitu juga kalau dapat diberitahu Dewan ini tentang jumlah tuntutan yang pernah atau yang tertinggi yang pernah diterima oleh SKMM ini sehingga kita merasakan segala laporan ini perlu di bawa ke sebuah Tribunal Rayuan dan tidak kepada mahkamah seperti yang biasanya berlaku. Mungkin tribunal ini akan

berperanan seperti tribunal pengguna dan sebagainya cuma dari segi keperluan dan kesesuaian satu tribunal dibentuk untuk melihat laporan dan kes-kes melibatkan pengguna dan *service provider* tadi kerana Tuan Yang di-Pertua saya perhatikan akta ini merupakan satu akta yang akan melibatkan implikasi kewangan.

Maka sesungguhnya ia perlu diteliti agar penguatkuasaan yang dijalankan bakal menepati hasrat yang kita cita-citakan kerana sebuah tribunal yang sesungguhnya mempunyai satu sekretariat tetap seperti Perkara 8 dan juga 26B disebut juga tentang keanggotaan tribunal yang saya rasa boleh diperjelaskan tentang siapakah yang bakal mengisi kerusi-kerusi di dalam Tribunal Rayuan ini akan melibatkan satu kos kewangan bagi menampung perbelanjaan dalam mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Saya juga mengharapkan pihak kementerian dapat turut melihat tentang prosedur perjalanan kes-kes laporan yang dibawa ke tribunal ini kerana penguatkuasaan dalam menjalankan satu industri yang kita rasakan baru di negara ini perlulah difahami oleh pegawai-pegawai penguat kuasa kerana jika tidak maka tujuan penubuhan Tribunal Rayuan dalam usaha untuk mempercepatkan keputusan satu-satu masalah dapat kita atasi.

Saya juga ingin menarik perhatian kementerian berkaitan tentang selepas diluluskan penubuhan Tribunal Rayuan ini adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan tribunal ini serta-merta ataupun dapat dimaklumkan tentang jangka masa yang diperlukan ataupun yang dijangkakan penubuhan sebenar Tribunal Rayuan supaya kita dapat memberi maklumat-maklumat tambahan sebelum ia dilaksanakan memandangkan peraturan prosiding komposisi tribunal ini masih belum kita ketahui kerana kita mengharapkan kalau kita bandingkan keadaan di negara kita, apabila kita menyebut tentang komunikasi ini, sebagai contoh kalau di negara luar kita pergi ke bangunan, kita masih lagi boleh menggunakan telefon mudah alih kita. Tetapi di negara kita, perkhidmatan yang diberikan masih belum mencapai tahap yang sepatutnya dan hari ini kita telah mula berbincang tentang masalah sehingga kita perlu sebuah tribunal.

Saya mengharapkan pihak kementerian dapat juga melihat dari segi perkhidmatan yang sepatutnya dan yang sewajarnya diberikan kepada pengguna seramai 11 juta oleh ini dapat dipertingkatkan. Kerana kalau kita perasan jalan hendak pergi ke Parlimen, di Kementerian Pertanian, bila lalu di situ kita tahu tidak ada

*reception*. Tidak ada perkhidmatan mana-mana telefon pun, dan sampai tahap pengguna mungkin kita mempunyai rakyat yang cukup berhemah. Kita sudah tahu di Malaysia ini di mana tempat-tempat yang tidak ada *reception* ataupun liputan ini. Bila tiba di situ kita tahu akan putuslah perkhidmatan telefon.

Saya mengharapkan pihak kementerian dapat mengambil kira dalam kita memperkukuhkan akta yang sedang kita kemukakan di Dewan ini untuk turut memikirkan bagaimana kita dapat mempertingkatkan liputan, penyampaian yang boleh diberikan oleh *provider*, dengan izin, agar pengguna dapat memanfaatkan ataupun dapat menggunakan kemudahan yang diberikan dengan lebih baik dan sempurna.

Satu lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai apa yang dipanggil Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat di bawah Akta 588 ini seperti yang disebutkan di Perkara 19 yang mana sebelum ini hanya melibatkan sumbangan daripada industri yang berkaitan sahaja dan kini telah pun diperluaskan oleh mana-mana orang lain. Saya mengharapkan pihak kementerian dapat memaklumkan jumlah kewangan yang telah dikumpulkan sehingga hari ini di dalam Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat ini dan kalau dapat juga diberikan saya makluman tentang macam mana kita dapat gunakan jumlah tabung yang terkumpul ini untuk kita tingkatkan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak-pihak industri.

Akhir sekali.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bentong.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar yang telah membangkitkan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat ini, kerana setiap kali di Parlimen kita membangkitkan *Universal Service Provider Fund* ini memang diberi jawapan oleh kementerian bahawa ini memang tanggungjawab pihak-pihak tertentu untuk menabung dalam tabung ini dan memberi perkhidmatan yang terbaik termasuk menjaga kawasan-kawasan luar bandar. Tetapi sehingga hari ini kita lihat bahawa kumpulan wang ini tidak dapat memberi perkhidmatan yang kita cita-citakan. Kita dapati banyak lagi kawasan di luar bandar tidak mendapat talian telefon mahu pun komunikasi media yang lain.

Kita hendak tahu apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa selain daripada dalam akta ini kita memastikan bahawa semua syarikat yang terlibat dalam komunikasi menabung dalam Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat ini, boleh kita cadangkan kepada kementerian bahawa kerajaan sendiri perlu memastikan perjalanan

dan juga pelaksanaan projek-projek yang diagihkan oleh Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat ini. Pengurusan dari segi kewangan ini perlu secara telus dan perlu kita tingkatkan. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Saya yakin aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terus digunakan oleh kementerian yang berkaitan dalam memberikan ketelusan perbelanjaan kumpulan wang yang dimaksudkan demi untuk mempertingkatkan perkhidmatan yang ada. Cumanya saya bersetuju sangat supaya perluasan itu tidak hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah dapat juga kita laksanakan di kawasan-kawasan luar bandar yang mana sekarang ini kita tengok Antena yang digunakan dengan pelbagai kaedah.

Kita faham pihak kementerian ataupun pihak pemberi perkhidmatan mempunyai masalah mengenal pasti tanah, tetapi saya rasa itu bukan merupakan alasan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kerana kita tahu industri ini melibatkan sejumlah wang yang cukup besar dan cukup banyak. Sesungguhnya apa yang disumbangkan oleh pihak pengguna sepatutnya dihargai dan dipertingkatkan.

Jadi, saya mencari juga dalam akta ini tentang bagaimana untuk saya sampaikan perkara yang terakhir ini iaitu mengenai kadangkala kita mendapat bil bulanan bukan main tebal, dan sesungguhnya kita tidak dapat hendak tengok pun sama ada kita buat panggilan itu secara sebenar ataupun ada dalam bil kita. Saya mengharapkan pihak kementerian dapat memikirkan satu kaedah bagi semua pengguna merasa selesa selepas menerima bil-bil yang dihantar ini adalah merupakan panggilan-panggilan yang sebenarnya dibuat kerana jumlah yang terlibat mungkin bagi satu individu tidak banyak, tetapi kalau kita bayangkan 11 juta pengguna, maka jumlah bil yang kita terima ini boleh jadi banyak kalau tidak ada satu penguatkuasaan untuk mengesahkan bahawa setiap bil yang dihantar merupakan panggilan yang sebenar dilakukan oleh pengguna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi mengenai bil-bil bayaran telefon itu. Sebenarnya saya masih lagi samar-samar tentang bidang kuasa ataupun jenis kes yang pernah dirujuk kepada SKMM. Setakat ini bagaimana keadaannya dan siapa

yang kena denda ini dan itu, kita semua tidak dapat satu gambaran yang jelas. Jadi, bolehkah saya mendapat pandangan daripada Yang Berhormat bagi Muar. Kalau kita....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya bertanya kepada Yang Berhormat dahulu, sebab di Johor Bahru ini sering kalau kita terima panggilan tiba-tiba talian itu masuk ke Singapura, kita tidak sedar - sekali angkat 90 sen. Ini bukan salah pengguna. Bolehkah kita merujuk kes ini kepada SKMM dan tuntutan balik apa yang telah dikira. Itu saya rasa satu masalah yang sejagat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, you hendak harap Yang Berhormat bagi Muar jawabkah? *[Ketawa]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tidak. Minta pandangan. Satu lagi masalahnya saya nampak apa yang telah diceritakan tadi dari segi penguatkuasaan itu. Kalau kita ikut undang-undang ini kita ada satu tribunal, rayuan dan sebagainya. Saya sempat bertanya dengan syarikat yang terunggul dalam ASP ini. Apa pandangan yang pertama yang diberikan adalah mereka menganggap siapa yang boleh diberi kuasa untuk menguatkuasakan keputusan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya rasa itu adalah perkara yang penting. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Muar. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya amat bersetuju kerana dalam kita menguatkuasakan satu undang-undang yang kita sendiri luluskan dalam Dewan yang mulia ini, kita perlukan satu keyakinan bahawa dari segi penguatkuasaannya kita turut bersedia supaya akta yang kita luluskan nanti dapat dilaksanakan demi untuk menjaga kebajikan para pengguna.

Saya juga bersetuju dengan masalah di sempadan negara, sebagai contoh di Johor Bahru, mungkin kerana perayauannya itu lebih kuat daripada yang kita ada di Johor Bahru, maka ramai orang Johor terpaksa menggunakan servis perkhidmatan yang digunakan di Singapura. Seperti yang kita maklum kalau menggunakan perkhidmatan Singapura maka pembayaran adalah seolah-olah kita buat panggilan ke luar negara. Jadi, saya rasa itu pihak kementerian boleh ambil maklum dan menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Untuk itu bila saya sentuh tentang *itemized billing* dengan izin, kerana saya hendak rujuk yang terakhir mengenai pindaan Perkara 18, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian meminda satu seksyen dalam akta ini mengenakan syarat kepada semua pemberi perkhidmatan menyediakan satu perkhidmatan aplikasi mengenai talian-talian bantuan ini secara percuma dan saya mengharapkan agar bantuan ini tidak pula nanti dimasukkan di dalam *bill* pengguna kerana kita tahu ini merupakan tanggungjawab sosial pihak pemberi perkhidmatan kepada para pengguna.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana memberi cadangan dan sekali lagi mengharapkan satu pertimbangan yang paling berat tentang bagaimana kita dapat menguatkuasakan akta ini demi untuk menjaga kepentingan pengguna yang saya rasa cukup ramai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerana ini meliputi pemberian kemudahan ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa lama masa perlu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekurang-kurang setengah jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau kena sambung hari Isnin Yang Berhormat kena datang awal sikitlah

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya mesti ada awal, sentiasa awal, sentiasa awal {Ketawa} Tuan Yang di-Pertua, memang saya terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya takut Yang Berhormat lupa, nanti tidak datang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan hati yang boleh dianggap tidak begitu seronok juga. Sebab apa tidak seronok, ada kelemahan-kelemahan di dalam komunikasi dan multimedia. Kita gembira pihak kerajaan ada mengambil perhatian untuk menubuhkan satu Tribunal Rayuan ini yang mana memang satu perkara yang perlu dibuat dan seterusnya untuk memastikan pemberian kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik, ini memang satu boleh dianggap betul juga.

Tetapi yang dukacita itu sampai sekarang dari segi komunikasi dan multimedia sekarang kita pun tidak tahulah dengan sebenar apa yang dimaksudkan sebagai *Multimedia Super-Corridor*. Ini memang satu perkara 'aneh binti harian' juga dan pihak kerajaan pada masa dulu mengatakan MSC kita ini di lingkungan kawasan-kawasan 15 kilometer kali 50 kilometer, itu dianggap MSC. Tetapi yang sebenarnya bila kita kaji



apa yang dimaksudkan oleh MSC ini kita nampak yang dimaksudkan itu pusat-pusat, ada enam pusat seperti Cyberjaya, Putrajaya dimasukkan di Cyberjaya, di KLIA dan sebagainya. Itu yang dimaksudkannya. *E-Village*, tidak termasuk tetapi *E-Village* sama ada dapat *E-Village* ada *I-Village* sebab tidak nampak lagi adalah E, nampak itu ada, tidak tahu lagilah. Kita pun hendak jawapan dari pihak kementerian sama ada *E-Village* itu wujud muncul hilang sama sekali.

Kita hendak tahulah, saya berharap pihak kementerian dapat memberi tahu kita apa yang dimaksudkan sebagai MSC, sama ada kawasan 15x50 kilometer ataupun pusat-pusat itu yang saya sebutkan tadi seperti Cyberjaya dan sebagainya. Saya sebutkan Cyberjaya ini kerana saya nampak satu kegagalan yang sangat besarlah. Apa kegagalannya, pada masa dulu pihak kerajaan hendak pengusaha-pengusaha masuk ke Cyberjaya, tetapi kita nampak kebanyakan tidak nahu masuk pergi ke Cyberjaya, dia pergi kerja sahaja, dia masuk pergi, pergi tinggal di situ dia tidak mahu, tidak mahu dan kita tidak nampak ada pengangkutan awam untuk orang dari Kuala Lumpur dan sekitar kawasan kediaman, juga Cyberjaya, Kuala Lumpur, lain-lain tempat di Selangor. Tetapi kalau hendak pergi ke Cyberjaya susah sekali kalau tidak ada kereta sendiri. Itulah masalahnya dan ini suatu kegagalan pihak Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen. Timbalan Menteri memang mesti membuat catatan yang cukup, yang cukup kerana kegagalan kita, sama seperti *E-Village* juga. *Village halimunan*, tak adalah kampung seperti itu sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah lima minit belum tajuk lagi *[Disampuk]* *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Memang kuat merapu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, *Halimunan Village* itu masuk di dalam Multimedia kita itu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu pindaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada tujuh *flagship* kita hendak tubuhkan - Tribunal Rayuan untuk mengawalseliakan industri komunikasi dan multimedia, itulah maksud kita. Kalau kita hendak adakan tribunal kita mesti ada kelemahan-kelemahan dan tindakan yang diambil terhadap orang-orang yang cuai, memang itu masalah kita.

Dan saya sebenarnya sangat serius sebab saya nampak ... *[Disampuk]* soalan pula, macam mana merapu pula, pihak kerajaan kita kata hendak *broadband* untuk

multimedia sekarang. Tetapi penggunaan *broadband* tidak sampai satu peratus di negara ini, tidak sampai satu peratus walhal di Korea Selatan hampir 80% *broadband*. Kita hendak ada perkhidmatan yang lebih baik, Tribunal Rayuan mesti kita ada, nak adakan tetapi perkhidmatan itu tidak tingkatan, rangkaian itu tidak ada *broadband*, itu satu peratus. Ini satu kegagalan yang besar sekali, yang besar sekali.

Dan saya berharap pihak kementerian dapat memberi tahu kepada kita sambil kita tubuhkan Tribunal Rayuan kita, sambil kita adakan pelantikan setiausaha dan sebagainya, apakah penggunaan *broadband* dan strategi yang diperolehi pihak kementerian untuk memperluaskan penggunaan *broadband* kita, kerana industri multimedia dan komunikasi adalah berkaitan dengan kemudahan-kemudahan prasarana infrastruktur yang kita ada.

Saya hendak dengan panjang lebar meneliti dan mengkaji rang undang-undang ini dari segi tribunalnya, misalnya 26B, "kecuali bagi bahagian ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau jika dibenarkan oleh Menteri, Pengerusi, anggota Tribunal Rayuan dan sebagai." Saya tidak nampak di dalam rang undang-undang ini kriteria untuk pelantikan kerana ini boleh menggantikan mahkamah pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah  
**Seorang Ahli:** Ini merapu ni.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana merapu pula? Inilah isi kandungan di dalam rang undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Menteri di sini pun tidak baca rang undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya kata cukup, hendak sambung lagi ke *[Disampuk]* kalau hendak sambung balik hari Isnin

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hari Isnin saya sukalah, balik hari Isnin kerana banyak  
....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh buat persiapan lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan anggap persiapan di sini. Jangan main-main di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mula ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin minggu depan jam 10.00 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.***